



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 21)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong)</i>	(Halaman 21)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO [memangku]
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRs
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] - PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Dato' Sri** Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] - UPKO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
9. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
21. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
23. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
25. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keteroh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
21. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
23. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
24. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
27. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
29. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titawangsa] - UMNO

30. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datin Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] - UPKO
39. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
40. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
41. “ Puan Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B. [Masjid Tanah] - UMNO
42. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
43. “ Tuan Haji Mohd Fasihah bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
44. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
45. “ Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
46. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
47. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
48. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
49. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
50. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
51. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
52. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
53. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
54. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
55. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
56. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
57. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
58. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
59. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
60. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
61. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
62. “ Tuan Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO

63. Yang Berhormat Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
65. “ Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
66. “ Tuan Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
67. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
68. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
69. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
70. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
71. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
72. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
73. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
74. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
75. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
76. “ Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
77. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
78. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
79. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
80. “ Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
3. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
4. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
5. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
6. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
7. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
8. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
9. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
10. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]

11. Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
12. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
13. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
14. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
15. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
16. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
17. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
18. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
19. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
20. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
21. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
22. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
23. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
24. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
25. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
26. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
27. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
28. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
29. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
30. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
31. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. “ Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]

17. Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]

-
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
 15. “ Dato’ Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
 16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
 17. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
 18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
 19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
 20. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
 21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah binti Md. Nasir

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 10 Julai 2013

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) bilakah jambatan yang menghubungkan Labuan dengan tanah besar Sabah akan mula dibina seperti mana yang dijanjikan semasa Pilihan Raya Ke-13 lalu; dan
- (b) berapakah kos pembinaannya dan apakah kaedah pembiayaan serta kaedah pelantikan kontraktor dan pelaksanaannya.

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hari ini adalah hari pertama kita berpuasa, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan Selamat Ramadhan al-Mubarak kepada semua kaum Muslimin dan Muslimat.

Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kalabakan, kerajaan sebenarnya tidak pernah berjanji untuk membina jambatan dari Labuan ke Mempakul ataupun Menumbok di Sabah. Walau bagaimanapun, kajian kemungkinan pembinaan jambatan ini telah dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan pada tahun 2009. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan dengar jawapan. Ini kerana sebelum pilihan raya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam akhbar tempatan mengatakan, *[Dewan riuh]* jika sekiranya Barisan Nasional menang, jambatan akan dibuat. Itu yang pertama. Jadi kalau jambatan akan dibuat, kita rakyat di Labuan mahu tahu juga berapa kos, berapa pampasan untuk tanah-tanah yang diambil dan berapa panjang jambatan yang mahu dibina ini? Terima kasih.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah persepsi barangkali apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berucap dengan rakyat di sana. Saya difahamkan mereka telah minta untuk kerajaan membina jambatan tetapi janji, tidak. Kita kata kita akan kaji kerana kita terpaksa buat kajian adakah jambatan ini akan membawa faedah, khususnya untuk Pulau Labuan, rakyat dan juga implikasi kos yang akan menelan belanja untuk membina sebuah jambatan. Kerajaan yang ada ini adalah kerajaan yang prihatin dan kerajaan akan memastikan apa yang hendak dilaksanakan adalah terbaik untuk rakyat.

Saya berkeyakinan jika diperlukan jambatan ini pada masa-masa akan datang, kerajaan akan melihat bagaimana hendak membangunkan jambatan ini menghubungkan di antara Labuan dan Sabah.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, sistem suara tidak memuaskan, ada banyak *vibration*. Terdapat beberapa *mike*...

Tuan Yang di-Pertua: Sistem?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sistem suara kita punya semasa kita berucap. Nampak ia punya ada *vibration*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Saya difahamkan *technician* sedang...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sudah dua hari Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ambil perhatian. Ya, silakan Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma Menteri, saya hendak tanya, tidak mungkin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan sebegini kalau tidak mendapat *feedback* daripada pegawai, *feedback* daripada pimpinan tempatan. Ini satu jambatan, bukan hendak buat sekolah rendah. Tentulah mendapat *feedback* dahulu sebelum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan di depan khalayak ramai dan *dipick up* oleh *press* dan juga akhbar-akhbar serta radio.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: [Bangun]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sudah tentu – macam mana Menteri? Tentu mendapat *feedback*. Tidak akan tidak ada *feedback*, *consultation* dengan pemimpin-pemimpin tempatan?

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti apa Yang Berhormat telah sebutkan, apabila rakyat bertemu dengan pemimpin, rakyat akan menyuarakan hasrat rakyat untuk apa yang hendak dilaksanakan. Apatah lagi apabila rakyat bertemu dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila lawatan beliau di Labuan. Macam saya sendiri jugalah, apabila pergi ke merata tempat, kadangkala rakyat bertemu dengan saya dan saya selalu amalkan satu kaedah yang mana ia bukan monolog tetapi dia berdialog. Nanti rakyat akan menyuarakan cita rasa dan hasrat rakyat apa yang rakyat hendak.

Saya berkeyakinan apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyebutkan, saya difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyebutkan kepada rakyat bahawa dia akan melihat dan mengkaji adakah jambatan ini akan menjadi *viabile* dengan izin, untuk dibangunkan pada waktu ini. Oleh kerana kita tahu penduduk Labuan hanya merupakan lebih kurang dalam 80,000 ke 100,000 orang. Waktu ini, segala perjalanan di antara Labuan dengan Menumbok menggunakan dua buah feri. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita memberikan subsidi khususnya untuk barang-barang yang diangkut dari Sabah untuk ke Labuan.

Saya berkeyakinan bahawa barangkali apabila masalah kita ahli-ahli politik ini kadangkala apabila *press* ambil apa yang kita telah ucap, kadangkala *press* juga akan memanipulasikan laporan-laporan yang dilaksanakan. Saya berkeyakinan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak berjanji untuk membangunkan sebuah jambatan tetapi berjanji akan mengulang ataupun mengkaji adakah kemungkinan pembangunan jambatan ini dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: [Bangun]

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Tidak ada janji.

■1010

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, saya adalah orang yang diberi kepercayaan untuk mewakili Barisan Nasional untuk bertanding di PRU ke-13, malah saya diminta berjanji kepada Yang Berhormat Timbalan

Perdana Menteri untuk tidak berjanji jambatan sewaktu berkempen. Sebenarnya yang berjanji sewaktu berkempen adalah Ketua Pembangkang kita. Apa yang... [Ketawa] Memang betul pun. Akan tetapi apa yang dijanjikan oleh Barisan Nasional, Timbalan Perdana Menteri... [Dewan riuh] Hendak dengar atau tidak? Memang itulah yang diperkatakan, kita akan kaji semula dan lihat semula dan *paper*, ada satu *paper local* yang mengatakan *the bridge is on*, lepas itu malah CM Sabah pun mengatakan dia sokong *bridge* daripada Labuan ke Sabah. Saya lihat jambatan ini pun memang perlu, memang kita sokong, memang kita hendak sangat dan...

Tuan Yang di-Pertua: Siapa betul ini? Yang Berhormat Labuan atau Yang Berhormat Kalabakan?

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan kerana memperingatkan Dewan bahawa jambatan itu memang amat penting. [Disampuk] Hendak bagi soalan ini. Di Labuan kita punya *port*, kita punya pelabuhan adalah terlalu *congested*, *under capacity* dan berada di tengah-tengah Labuan, bandar Labuan dan memang ada rancangan untuk membuat *integrated port*. Jadi sebenarnya *integrated port* ini cuma akan *viable* sekiranya jambatan itu dibuat. Jadi soalan saya, adakah Yang Berhormat Menteri dan kementerian setuju bahawa jambatan ini perlu siap pada masa yang lebih kurang sama dengan *integrated port* yang dalam rancangan itu? Terima kasih.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Labuan. Saya tadi tidak mahu menyentuh kerana ini bulan Ramadhan apa yang telah dijanjikan oleh Ketua Pembangkang. Kalau dia menang, itu dia janji, kalau dia menang. Masalah dia tidak menang, maka rakyat Labuan tidak dapat jambatan yang dijanjikan oleh Ketua Pembangkang.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Labuan, satu kajian juga sedang dilaksanakan khususnya untuk melihat bagaimana dapat dilaksanakan satu kaedah yang disebut iaitu *integrated port* untuk Labuan. Masalah yang kita kajikan tadi ialah kalau mengadakan *integrated port* di Labuan, maka *port* di Kota Kinabalu itu akan menghadapi masalah. Jadi kita terpaksa menimbang bagaimana hendak dilaksanakan khususnya kerana kalau kita adakan *integrated port* di Labuan, maka jambatan itu perlu dibina. Oleh sebab tidak mempunyai jambatan itu, maka *integrated port* itu tidak akan menjadi *viable*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita sedang melihat, kementerian sedang melihat dan kita juga sedang mengkaji bagaimana melaksanakan satu kaedah di mana dia akan menjadi *win-win situation* dengan izin di antara Labuan, Wilayah Persekutuan dan juga Sabah, negeri Sabah di bawah bayu.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk dulu Yang Berhormat. Belum saya, duduk dulu, duduk, duduk. Ahli Yang Berhormat waktu yang saya mengajar saya kata harus kita ubah, yang saya maksudkan bahawa sesi soal jawab, jawapan pendek, *straight to the point*. Begitu juga daripada pertanyaan-pertanyaan. Nampaknya apa yang saya perhatikan sekarang ini, sesi soal jawab ini bukan lagi jadi sesi soal jawab, jelas memperjelas. Jadi saya tidak bermaksud ubah ke arah itu. Namun demikian tidak mengapa, yang baru itu saya akan dengar apa yang mereka hujah. Mulai daripada saat ini, harus faham bahawa sesi soal jawab maksudnya tanya, jawab. Kalau ada soalan tambahan, soal, bukan jelas memperjelas.

Yang Berhormat, saya tidak dapat layan kerana peraturan mesyuarat membenarkan saya tiga sahaja soalan tambahan. Sudah ada tiga soalan tambahan.

2. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan bersedia untuk memansuhkan Dasar Kabotaj, memandangkan ia merupakan satu sebab utama harga barangan di Sabah lebih mahal berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat menunaikan ibadah puasa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam. Untuk menjawab Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Sandakan, saya juga memohon izin untuk menjawab bersekali pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Penampang bertarikh 10 Julai 2013 dan juga pertanyaan Yang Berhormat Keningau,

pertanyaan bertarikh 11 Julai. Ini adalah kerana ketiga-tiga pertanyaan tersebut menyentuh mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Dasar Kabotaj adalah satu dasar yang menetapkan bahawa perkhidmatan perkapalan domestik di dalam perairan Malaysia dikhaskan hanya untuk kapal-kapal Malaysia sahaja. Ia bertujuan untuk membangunkan kapasiti dan keupayaan perkapalan tempatan dan juga mengurangkan kebergantungan negara kepada kapal-kapal asing yang akan menyebabkan pengaliran keluar wang negara dalam bentuk tambang kapal dan juga *insurance*. Walaupun begitu, dasar Kabotaj tidak menghalang perkhidmatan kapal-kapal asing secara terus daripada mana-mana pelabuhan di negara asing ke mana-mana pelabuhan di Malaysia termasuklah di Sabah dan Sarawak untuk mengangkut import dan eksport barangan.

Pengimport dan pengeksport di Sabah misalnya, bebas untuk memilih mana-mana syarikat perkapalan untuk mengangkut dagangan mereka. Sebagai contoh, daripada Hong Kong boleh terus ke pelabuhan Sepanggar di Sabah. Dasar Kabotaj juga tidak menetapkan atau menghendaki semua import dan eksport di buat melalui pelabuhan di Semenanjung Malaysia. Berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat Sandakan bahawa Dasar Kabotaj adalah penyebab utama kepada harga barang yang tinggi di Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, harga barangan barang-barang import ke Sabah ditentukan oleh pelbagai faktor termasuk kos pengangkutan kapal dan juga kos logistik daratan. Perkapalan hanyalah salah satu faktor dalam rantai logistik pengangkutan barangan. Semua kos yang terlibat ini menyumbang kepada penentuan harga sesuatu barangan.

Selain itu, di Sabah juga terdapat caj tambahan yang dikenakan iaitu surcaj akibat kelewatan dalam operasi di pelabuhan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Sabah yang juga turut menyumbang kepada peningkatan harga barang-barang. Bagi meneliti isu harga barang di Sabah, kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa Kabinet mengenai logistik dan kos sara hidup di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bertujuan untuk mengkaji dengan lebih lanjut isu-isu yang menyumbang kepada kos harga barangan yang tinggi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dasar Kabotaj merupakan salah satu aspek yang turut diteliti dan dikaji oleh jawatankuasa kabinet berkenaan di samping faktor-faktor lain. Kerajaan akan membuat keputusan berhubung Dasar Kabotaj sewajarnya setelah penelitian rapi dibuat mengenainya.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Penampang mengenai harga jualan kereta nasional Proton dan Perodua di Sabah yang lebih mahal daripada Semenanjung Malaysia. Kementerian ini telah dimaklumkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bahawa ini adalah disebabkan faktor kos logistik yang tinggi termasuk kos perkapalan, kos penyimpanan, kos pengangkutan dari pelabuhan ke tempat penyimpanan serta kos pengangkutan ke kawasan lain di seluruh negeri Sabah. Ini turut menyebabkan harga premium insurans menjadi lebih tinggi kerana ia adalah berdasarkan harga atas jalan raya atau pun *on the road*.

■1020

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Proton dan Perodua tidak mengenakan sebarang kos tambahan ke atas kos pengeluaran asal. Terima kasih.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat Menteri ini saya fikir ini Dasar Kabotaj yang salah satu faktor yang lebih serius mengakibatkan barang tertinggi di Sabah ataupun di seluruh Malaysia. Jadi saya tidak faham ini satu Dasar Kabotaj sudah berlangsung 27 tahun. Ini mengakibatkan Sabah menjadi sebuah negeri yang miskin. Jadi saya mahu tanya, soalan saya ialah pada masa Menteri memberi janji mahu mengkaji bagaimana kabotaj punya sistem.

Jadi saya mahu tahu, berapa lama lagi atau ada satu tempoh yang memberi janji kita bagaimana Dasar Kabotaj ini boleh dimansuhkan. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Kabotaj ini sebenarnya adalah untuk menjaga kepentingan industri perkapalan tempatan. Ia tidak berkaitan dengan harga. Malah harga pengangkutan telah turun sejak tahun 2003. Kalau harga perkapalan per kontena 20 kaki daripada Port Klang ke Kuching pada 2003 berharga USD212 dan pada 2012 ia telah turun USD130. Daripada Port Klang ke Kota Kinabalu pada 2003 harga pengangkutan kos USD310 dan pada 2012 telah turun USD260.

Jadi maknanya walaupun harga pengangkutan telah turun tetapi harga barangan tetap tidak turun juga. Dasar Kabotaj ini merupakan satu dasar yang menyeluruh kerana bukan sahaja di Malaysia yang mengamalkan Dasar Kabotaj malah di negara-negara luar pun mengamalkan Dasar Kabotaj seperti di Amerika Syarikat, Jepun, Australia, Filipina, Indonesia dan Eropah. Malah kebelakangan ini di Indonesia, Dasar Kabotaj mereka lagi diperketat. Hanya kapal-kapal yang membawa bendera Indonesia sahaja yang boleh berurusan di pelabuhan-pelabuhan yang mengurus barangan dalam Indonesia.

Jadi kesimpulan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Dasar ini bukan satu dasar yang *isolated* tetapi ia menyeluruh di seluruh dunia.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri memang biasa punya, biasa punya. [Ketawa] [Tepuk] Kami sudah biasa dengar. Masuk sini keluar sinilah jawapan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Cabotage Policy* ini memang kita tahu Amerika Syarikat pun ada, mana-mana negara pun ada. Akan tetapi yang masalah kita di sini kita mengkaji, esok mengkaji, lusa mengkaji sampai kiamat pun mengkaji. Selama-lamanya. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini bukan cubaan, betul-betul punya. Harga barang di Sabah ini naik. Kita hantar barang ke Port Klang mahal. Betul!

Dari Port Klang pergi ke Kota Kinabalu pergi Port Klang pergi Kuching, Tuan Yang di-Pertua murah. Akan tetapi kalau harga barang yang produk kita di Sabah itu hantar ke Port Klang Tuan Yang di-Pertua, berganda. Bagaimana kita mahu buat ekonomi *growth*? *How do we want to make growth* di Sabah? Itu yang penting. Minta maaf sahabat saya Yang Berhormat Kapiti ini memang saya ada berbincang soal Persatuan Perkapalan di Malaysia. Kepentingan mereka kami faham. Akan tetapi kenapa kerajaan tidak sendiri melihat perkara ini, perkara yang kecil.

Walaupun kita tahu Tuan Yang di-Pertua, *port handling* itu memang juga di port-port di Sabah itu memang mahal termasuk Kuching. Dibandingkan dengan Sabah dan Kuching, Sabah punya lebih mahal Tuan Yang di-Pertua, kita faham. Akan tetapi adakah kerajaan ini berbincang dengan bukan sahaja di peringkat kementerian, peringkat pusat tetapi kerajaan negeri juga. Apa yang penting rakyat yang merasai bagaimana kerajaan mengambil tindakan menyejahterakan rakyat.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [Bangun]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu soalan saya Tuan Yang di-Pertua. Bila? Bukan lagi kaji mengkaji, mengkaji, mengkaji. Bila ini boleh diselesaikan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tambahkan ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap Yang Berhormat Penampang. Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dahulu.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil tindakan yang *substantial* dengan izin. Apabila kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai logistik dan kos sara hidup di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan. Ia ditubuhkan pada bulan Mei 2012, baru tahun lepas. Mesyuarat pertama pun telah dilaksanakan pada 14 Jun 2012. Di samping itu telah diunjurkan *mini lab* di Kota Kinabalu, Sabah pada 1 Oktober 2012 hingga 12 Oktober 2012. Kemudian disusuli dengan *mini lab* di Kuching Sarawak pada 15 Oktober 2012 hingga 25 Oktober 2012. Laporan telah dimuktamadkan dan akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet.

Ahli daripada senarai keahlian Jawatankuasa Kabinet ini melibatkan kedua-dua Ketua Menteri daripada Sabah dan Sarawak. Ia juga melibatkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Menteri Pengangkutan, Menteri Kewangan, Menteri Kerja Raya, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Menteri Wilayah Persekutuan dan juga Ketua Eksekutif PEMANDU yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Ini menunjukkan bahawa kerajaan memang komited mengenai kos sara hidup ini.

Buktinya kerajaan telah melaksanakan beberapa tindakan dalam menyeragamkan harga-harga barangan di Sabah. Ini bagi membantu meringankan harga yang agak tinggi. Dalam penyeragaman harga ini sebagai contoh harga gas petroleum cecair (LPG) dan untuk kawasan luar bandar contohnya di Pulau Banggi di Sabah. Sebelum ini penduduk terpaksa membayar agak mahal. Sebagai contoh petrol RON95 mencecah harga RM4.70 seliter sedangkan harga di bandar-bandar RM1.90. Ini telah diseragamkan dan hari ini harga petrol di Pulau Banggi diselaraskan kepada harga RM1.90.

Begitu juga harga tepung gandum yang sebelum ini mencecah sehingga RM3 sekilogram kini dapat dibeli dengan harga RM1.45 sekilogram sama seperti di Kota Kinabalu dan juga Kuching. Ini telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri penjelasan tadi tidak memuaskan hati kerana kabotaj ini sudah dikenali sebagai 'sabotaj' di Sabah seperti mana Ahli Parlimen Putatan sudah ulas tadi. Barangkali dia sudah diulangi beberapa kali di dalam Dewan.

■1030

Now, macam manakah justifikasi berkenaan dengan harga kereta? Di Semenanjung barangkali harganya RM2,000 *less*, minta izin kurang daripada Sabah. *Now, at the same time* dengan izin harga minyak adalah seragam antara Semenanjung dan Sabah. *All the oil extract and gas* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *taken* daripada Sabah dibawa kepada Semenanjung untuk proses. Ia dijual dengan harga seragam dengan Sabah dan juga di *Peninsular*. *At the same time*, kereta yang *manufactured* di sini di Semenanjung dijual RM2,000 atau RM3,000 lebih mahal daripada Sabah.

Now, kedua *question* saya adalah berkenaan dengan *liberalization of the Cabotage Policy*. Setakat manakah *liberalization* ini? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak berlaku salah laku kefahaman. Dasar Kabotaj apa yang didakwa seolah-olah menetapkan semua import dan *export* ke/dan dari Sabah dan Sarawak mestilah melalui pelabuhan Semenanjung. Itu sebenarnya adalah tidak betul. Satu lagi Dasar Kabotaj menghalang perkhidmatan perkapalan antarabangsa secara terus ke pelabuhan Sabah dan Sarawak itu juga satu salah faham dan satu juga perkara yang tidak betul.

Hari ini Dasar Kabotaj di Malaysia adalah satu dasar yang telah diliberalisasikan yang mana kapal-kapal asing pun boleh terus menghantar barang-barangnya ke mana-mana tempat di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Malah untuk maklumat pendaftaran kapal asing di Malaysia pada 2012 ini melebihi daripada kapal Malaysia iaitu kapal asing ada 3,251 buah dan kapal Malaysia hanya 2,533 buah.

Untuk maklumat Ahli Dewan yang mulia ini, Dasar Liberalisasi ini tidak mengehendkan mana-mana pelabuhan di Sabah dan Sarawak untuk membawa barangan daripada mana-mana tempat daripada dunia. Contohnya, kapal daripada luar negara Eropah berlabuh di Pelabuhan Klang. Kapal-kapal *feeder* daripada mana-mana tempat dunia sekali pun boleh membawa barang tersebut tanpa lesen untuk membawa ke Sabah, ke Sarawak.

Jadi, liberalisasi ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk menjadikan pelabuhan-pelabuhan Klang, pelabuhan Tanjung Pelepas sebagai hab *container*. Kelonggaran daripada Dasar Kabotaj ini diberikan bagi aktiviti kargo pindah kapal di kontena atau *Containerized Transshipment Cargo* untuk sektor-sektor ini. Ini tidak perlu

lesen. Jadi, itulah dasar yang telah diliberalisasikan oleh kerajaan untuk memberi ruang kepada kapal-kapal asing.

3. Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan bercadang mewujudkan kembali Kementerian Pembangunan Usahawan kerana agensi-agensi berkaitan seperti SME Corp, Bank Pembangunan, SME Bank, PUNB, PNS, MARA, UDA, TERAJU, TEKUN Nasional, AIM dan MDV adalah untuk membantu usahawan bumiputera. Jika tidak, apakah kerajaan yakin agensi-agensi berkenaan yang tidak disatukan di bawah satu bumbung dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan jayanya terutamanya memastikan Wawasan 2020 tercapai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Ramadan. Pertama sekali, terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Pasu atas soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, Kementerian Pembangunan Usahawan telah pun dimansuhkan pada tahun 2009 dan peranan kementerian tersebut dan lebih 20 agensi-agensi di bawah kementerian tersebut telah pun dipindahkan kepada lapan kementerian. Ini untuk memastikan bahawa segala fungsi-fungsi dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Walaupun fungsi tersebut tidak di bawah satu kementerian, kita ada banyak cara bagaimana kita hendak mempertingkatkan lagi peranan dan agenda bumiputera. Malah pada tahun 2010, kerajaan telah memperkenalkan atau menubuhkan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga diwakili oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet lain dan pegawai-pegawai kerajaan tertinggi termasuk KSN dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Ada juga mereka-mereka daripada pihak *government-linked investment company*, dengan izin.

Jadi dengan wujudnya Majlis Tindakan Agenda Bumiputera ini, kita juga wujudkan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang memastikan bahawa apa juga keputusan Majlis Tindakan akan dilaksanakan dengan baik oleh agensi-agensi tidak kira daripada mana-mana kementerian pun. Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharom [Kubang Pasu]: Terima kasih Yang Berhormat mengenai jawapan yang telah diberi. Walau bagaimanapun, saya dapati bahawa kita perlu ada satu mekanisme atau *indicator* untuk memantau kursus-kursus yang dianjurkan kepada peserta-pesertalah. Umpamanya kita ambil contoh memproses makanan. Kursus memproses makanan ini biasanya dianjurkan oleh pelbagai agensi di pelbagai kementerian. Umpamanya seperti SME Corp, MARA, FELDA – Ini memproses makanan, LKIM, MADA, KADA dan lain-lain lagilah. Oleh kerana satu pemantauan yang tidak khusus dibuat oleh semua agensi yang terlibat, maka kadang-kadang kita lihat bahawa peserta yang sama menghadiri kursus yang sama yang dianjurkan oleh agensi-agensi lain.

Jadi, maknanya ini merugikan. Selain daripada itu juga mengenai bila ada *showcase* atau *expo* dan sebagainya, kita dapati bahawa usahawan-usahawan yang sama – bila kita anjur oleh MOA usahawan yang sama, selepas itu bila kita tengok pula dianjurkan oleh MITI, usahawan yang sama yang terlibat. Jadi, maknanya kita ini program-program kita itu syok sendirilah. Maknanya, kita hanya buat kursus kepada mereka-mereka yang tertentu sahaja. Jadi, sebab itu saya rasa satu kerajaan mesti buat satu langkah yang penting yang selama-lamanya untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Seri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu atas *feedback*, dengan izin tersebut. Memang sekiranya ada terdapat pertindihan, bukan sahaja dari segi kursus-kursus dan banyak program lain, saya setuju supaya kita pastikan bahawa ia tidak berlaku. Untuk itu, saya harap rakan-rakan saya daripada unit TERAJU boleh membantu dalam membuat satu koordinasi yang lebih baik lagi. Terima kasih.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk rekod Dewan, saya perlu maklumkan bahawa Pakatan tidak pernah pun mempersoalkan satu kementerian yang diberi amanah untuk memajukan dan mempertingkatkan kedudukan ekonomi bumiputera. Itu tidak pernah dipersoalkan oleh Pakatan selagi ia dibuat dengan penuh ketelusan, terbuka dan bebas daripada rasuah.

Isu yang dipersoalkan selama ini Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri adalah keberkesanan agensi-agensi ini kerana tidak nampak bagaimana ada peningkatan yang mendadak dari segi penglibatan dan juga kemajuan bumiputera seperti yang digariskan oleh kerajaan sendiri. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri dan Perdana Menteri ialah apakah sebenarnya rasional membatalkan Kementerian Pembangunan Usahawan ini?

Bolehkah Yang Berhormat Menteri atau Perdana Menteri mengesahkan selepas pemilihan UMNO yang akan dilakukan dalam tahun ini, sama ada seorang Menteri kanan akan dilantik semula mengetuai sebuah kementerian yang diberi tanggungjawab khusus untuk memajukan dan mengangkat kedudukan ekonomi bumiputera supaya senang kami di barisan sini memantau Menteri itu bila berlaku kegagalan-kegagalan yang ketara. [*Dewan riuh*]

■1040

Datuk Seri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Unit TERAJU ini telah diwujudkan di dalam Jabatan Perdana Menteri. Ini bermakna bahawa perkara ini amat dipentingkan sekali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, sebab itulah di bawah kawalan beliau. Dari segi mekanismenya sama ada wujud kementerian dan fungsi tersebut di bawah kementerian-kementerian lain, ini memang ada dua pendapat.

Akan tetapi bagi saya, jika saya melihat dari segi konteks pengamatan saya semasa saya di sektor swasta, kedudukan agensi di bawah kementerian mana tidak penting. Apa yang penting ialah agar apa juga program-program yang dilaksanakan oleh agensi-agensi tersebut memberi kesan. Kita memang ambil maklum bahawa tidak semua program berkesan. Jadi sebab itulah *feedbacks* yang kita dapat daripada Yang Berhormat dan rakan-rakan usahawan yang lain di luar sana penting dan kita ambil maklum dan kita memperbaiki lagi.

Jika dari segi *target* kita, kalau kita melihat sasaran dari segi peningkatan ekuiti bumiputera, walaupun kita masih belum mencapai tahap 30% akan tetapi kalau kita lihat peningkatan daripada 2.4% pada tahun 1970 kepada 23% pada tahun 2010 merupakan satu peningkatan yang tinggi. Jadi itu tidak bermakna kita selesa. Jadi kita hendak memajukannya lagi dan daripada 23.09% sekarang ini kepada 30% untuk tahun 2020, bermakna kita perlu meningkatkan ekuiti bumiputera ini sebanyak 12% setiap tahun. Daripada RM168 bilion sekarang ini kepada lebih kurang RM526 bilion. Terima kasih.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin membuat pertanyaan tambahan mengenai penyertaan bumiputera di Sabah dan Sarawak kerana Yang Berhormat Senator tidak ada menyebutkan apa-apa tentang itu. Saya ingin tahu setelah agensi-agensi di bawah kementerian usahawan itu diberi kepada lapan kementerian, bagaimana pula penyertaan bumiputera di Sabah dan Sarawak ditangani? Saya sedar mengenai wujud satu jawatankuasa penyertaan bumiputera yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ingin tahu, apakah program-program dan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh jawatankuasa ini untuk memperkasakan lagi penyertaan bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Datuk Seri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita tidak mempunyai statistik yang begitu, saya minta maaf. Apa yang penting apabila kita mandatkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di mana agensi-agensi seperti MARA contohnya diwujudkan, fungsi mereka bukan sahaja tertumpu kepada Semenanjung Malaysia tetapi juga kepada rakyat kita di Sabah dan Sarawak. Cuma saya tidak mempunyai statistik pada pagi ini. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berpuasa kepada Muslimin dan Muslimat di Dewan yang mulia ini dan di seluruh Malaysia.

4. **Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah wujudnya rancangan konkrit bagi menaik-taraf sistem saluran air (*drainage*) terutamanya di kawasan Kampung Stampin Baru dan Jalan Stakan di kawasan Parlimen Stampin, Kuching. Jika ada, minta nyatakan rancangan tersebut secara terperinci.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga Yang Berhormat Stampin, rakan sesama-sama, berhampiran kawasan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah menjalankan Kajian Pengurusan Air Ribut dan Pelan Induk Sistem Saliran Bandaraya Kuching dan Kota Samarahan yang telah disiapkan dalam tahun 2010.

Berdasarkan pelan induk tersebut, anggaran kos untuk kerja-kerja ukur, reka bentuk terperinci, pengambilan balik tanah dan pembinaan bagi fasa dua, kajian yang meliputi kawasan enam Batu Kitang ini di kawasan Yang Berhormat, kawasan tujuh Jalan Kuching – Serian, kawasan empat Sungai Kuap juga di kawasan Yang Berhormat dan kawasan 11, Kota Samarahan, itu terkeluar daripada kawasan Yang Berhormat. Keseluruhannya memerlukan sebanyak RM584 juta.

Kampung Stampin Baru dan Jalan Stakan terletak dalam lembangan Sungai Kuap yang merupakan fasa dua kajian dalam kawasan empat Sungai Kuap. Mengikut jadual pelaksanaan yang dicadangkan dalam pelan induk tersebut, fasa 2 akan dilaksanakan dalam tahun 2016 hingga tahun 2017. Sekian, terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, pada tahun 2008 Perdana Menteri pernah meluluskan peruntukan khas bagi negeri Sarawak sebanyak RM1 bilion di mana ianya akan digunakan bagi menyiapkan projek yang diklasifikasikan sebagai berimpak tinggi yang penting dalam pembangunan ekonomi Sarawak. Menurut projek ini, ia mesti siap dalam tempoh dua tahun, katanya supaya dapat dinikmati oleh rakyat dengan segera.

Soalan saya, memandangkan sehingga Disember 2011 banyak daripada peruntukan ini tidak digunakan kerana banyak projek dari segi peratusan peruntukan sama ada gagal ataupun tidak dapat menepati klasifikasi. Contohnya daripada RM585 *million* peruntukan untuk membuat jalan, lebih kurang 66% dari segi peruntukan adalah di mana projek itu gagal ataupun tidak memenuhi klasifikasi. Jadi memandangkan masih banyak peruntukan yang belum digunakan dalam lingkungan ratusan *million*, jadi ia boleh disalurkan bagi mempercepatkan kenaikan taraf sistem air ataupun *drainage* di kawasan bandar ini, serta memperbaiki jalan raya di sekitar kawasan tersebut iaitu kawasan yang disebut di dalam soalan yang sering dibangkitkan oleh penduduk dan wakil rakyat tetapi diketepikan oleh majlis perbandaran dengan alasan tiada peruntukan yang mencukupi. Minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Stampin kerana mengutarakan soalan itu. Begitu juga dengan kawasan saya yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk projek-projek jalan raya dan sebagainya. Akan tetapi sekarang kita menyentuh mengenai projek tebatan banjir. Jadi projek tebatan banjir yang selalunya dipohon kepada kementerian kami adalah untuk membina kolam-kolam takungan air. Jadi di kawasan lembangan Sungai Kuap ada 12 kolam takungan air dan di Sungai Stakan iaitu di hulu Sungai Kuap ada tiga takungan air yang akan dibuat pada tahun 2016.

Sememangnya saya mengharapkan agar projek-projek seperti ini akan dapat menangani masalah banjir pada masa sekarang. Ini kerana kita mesti tahu di dalam dunia ini termasuk di negara kita disebabkan perubahan iklim telah pun menyebabkan 30% lebih kekerapan hujan di negara kita termasuk di Sarawak. Akan tetapi di selatan Sarawak, kekerapan hujan adalah 40% di bahagian Kuching dan Samarahan. Semalam tidak ada hujan di sini tetapi ada hujan lebat di Kuching. Jadi inilah yang saya sememangnya amat takut tentang banjir ini. Oleh itu projek banjir, jika ada duit kita akan terus melaksanakan projek tebatan banjir. Ini kerana saya sendiri yang membuat kajian pada tahun 1976 dan 1977 untuk kawasan Kuching tersebut. Jadi sekarang ia baru mula dibuat. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, soalan di Kuching. Apa ini Yang Berhormat Bintulu, ini Yang Berhormat Stampinlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bising lebihlah, *you* ingat Bandar Kuching saja banjir, Bintulu banyak banjirlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Bintulu tahu apa ini, Yang Berhormat Stampin...

■1050

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan Kuching banjir. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, Bintulu pun banjir. Sekarang, banyak kali kita sudah soal masalah di Bintulu. Muara sungai sudah cetek. Perparitan di Bintulu, kita sudah soal. JPS kata dia kata akan buat rancangan, rancangan demi rancangan. Sudah satu penggal habis tetapi sampai sekarang kita belum lagi ada satu rancangan konkrit daripada JPS. Macam mana hendak naik taraf perparitan di Bintulu?

Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kementerian sudah ada rancangankah belum ataupun mahu dipertimbangkan lagi? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Terima kasih atas soalan itu. Akan tetapi soalan daripada rakan kita Yang Berhormat Stampin itu spesifik untuk Stampin. Sekarang saya kena lari ke Bintulu pula, walaupun demikian sudah ada projek untuk *dredging* muara Sungai Kemana di Bintulu. Ini sudah pun diluluskan dan peruntukan pun sudah ada. Kami hanya ada satu masalah sahaja...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ada masalah ini, sesiapa pun ada masalah.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya mahu bagi tahu Yang Berhormat apa masalah ini. Masalahnya, bukan dari kementerian saya. Masalahnya adalah kaitan dengan Jabatan Marin. Ha! Ini masalahnya. Jabatan Marin mahu melaksanakan projek ini walaupun sudah ada peruntukan Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: [Bangun]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, untuk rakyat Bintulu, bolehkah kementerian...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Hei! Ini *my turn*lah. Ini soalan Yang Berhormat Stampin, Kuching sinilah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Berbincang bersama-sama dengan Jabatan Marin ataupun Kementerian Pengangkutan, selesaikan masalah ini. Bolehkah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: *You will get your turn*. Tidak payah jawab itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila Yang Berhormat Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak payah jawab itulah, terkeluar. Akan tetapi, soalan saya ialah spesifik kepada itu Kampung Stampin Baru. Tuan Yang di-Pertua, Kampung Stampin Baru ini satu taman perumahan yang lebih kurang 30 tahun sudah. Sampai hari ini kebanyakan parit masih bukan parit konkrit, parit tanah atau *earth drain*. Penduduk di sana sudah minta, setahun demi setahun, 30 tahun dulu. Dulu 80% penghuni di sana, pengundi di sana sokong Barisan Nasional.

Tunggu lima tahun belum ada parit konkrit. Seramai 5% daripada penduduk itu tukar kepada sokong DAP. Tunggu lima tahun, sehingga hari ini, oleh sebab itu ia merupakan salah satu sebab calon Barisan Nasional di Stampin sudah kalah, di kawasan ini. [Tepuk] Soalan saya... [Dewan riu] Kita bukan sebut apa-apa, *global weather change*.

Bukan masalah begitu besar, hanya parit untuk satu taman perumahan di bandar raya sahaja.

Bilakah, adakah Kerajaan Barisan Nasional serius untuk hendak menaik taraf parit-parit dan jalan-jalan di Kampung Stampin Baru ini? Adakah serius dan bilakah? [*Dewan riuh*] Kalau ada pelan, bilakah pelan ini akan dilaksanakan... [*Dewan riuh*]

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Itu kementerian lain.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dan disempurnakan? Terima kasih. [*Disampuk*]

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Hai! Adik saya ini, kenapalah bercakap dengan suara yang begitu tinggi?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kerana sana, sana bising!

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Bandar Kuching, soalan itu untuk Kampung Stampin Baru, memang betul. Memang di dalam kawasan itu. Akan tetapi Yang Berhormat, tanggungjawab kementerian saya adalah banjir di dalam lembahan sungai. Sistem parit adalah *internal damage* dan ini adalah tanggungjawab kerajaan negeri dan kerajaan tempatan, itu dia. Perbezaan Yang Berhormat. Oleh sebab Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri, maka silalah bawa masalah ini dalam Dewan Undangan Negeri Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mereka kata tidak ada duit, tidak ada dana untuk *build up*.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sekian, terima kasih.

5. **Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan serta perancangan PDRM dalam usaha mencegah jenayah yang begitu merbahaya kebelakangan ini. Apakah akan ada rombakan di Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman serta Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri serta Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah di IPD.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas soalan yang berkualiti ini walaupun beliau baru pertama kali berada di Parlimen. Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia sentiasa komited dan bersungguh-sungguh untuk membanteras sebarang kegiatan jenayah lebih-lebih lagi jenayah yang berbentuk melakukan kekejaman dan merbahaya. Demi kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara kami melakukan tindakan-tindakan yang lebih proaktif sekarang ini.

Bagi mencapai tujuan ini, kami telah melakukan beberapa pendekatan. Antaranya PDRM telah menubuhkan jabatan khas iaitu Jabatan Pencegahan dan Pembanteras Jenayah yang diketuai oleh seorang pegawai kanan berpangkat *Commissioner Police* atau Pesuruhjaya Polis. Jabatan ini akan memberikan fokus kepada program pencegahan jenayah dengan melibatkan sumber dalaman dan juga penglibatan masyarakat keseluruhannya.

Antara fungsi Jabatan Pencegahan dan Pembanteras Jenayah ini adalah untuk memastikan strategi dan pendekatan secara proaktif dan bersepadu bagi pencegahan jenayah, di samping itu mendidik serta membudayakan masyarakat tentang tanggungjawab bersama mencegah jenayah. Selanjutnya menghapuskan peluang perlakuan jenayah diikuti dengan menghapuskan hasrat untuk melakukan jenayah serta menangani dan mengurangkan persepsi *fear of crime*, dengan izin dan juga memainkan *consultative role* kepada komuniti, institusi pendidikan, institusi perniagaan, institusi kerajaan dan juga NGO.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebutkan bahawa kini rondaan-rondaan jalan kaki dan berkereta di kawasan-kawasan tumpuan ramai atau *hot spot* sedang dilakukan. Tindakan '*stop and talk*' dilihat cukup berkesan. Kehadiran anggota polis beruniform di kawasan-kawasan strategik bersesuaian dengan konsep polis *omnipresent* akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah. Kami juga sedang menyelaraskan operasi secara berterusan dengan memberikan tumpuan kes-kes ragut dan samun di tepi jalan. Ops ini dikenali sebagai Ops Rentap.

Untuk mencegah kecurian kenderaan, kami panggil ini sebagai Ops Lejang. Untuk operasi pecah rumah kita panggil Ops Pintu. Kes-kes yang melibatkan senjata api Ops Laras dan Ops Api. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk melaksanakan program NKRA kami, *National Key Result Area*, dengan izin. Di samping itu untuk maklumat Dewan yang mulia ini juga kami telah dan sedang melakukan pemasangan CCTV di tempat-tempat yang strategik seperti tempat letak kereta dan seumpamanya dan merupakan salah satu langkah pencegahan jenayah ke arah mewujudkan bandar selamat. Kami juga mahu memperkuatkan Rakan Cop yang sedia ada dan mereka akan bekerjasama dengan pihak polis untuk melakukan pencegahan jenayah.

Orang awam boleh menghubungi pihak polis untuk memberikan maklumat berkaitan dengan sebarang kegiatan jenayah dan tindakan serta-merta boleh diambil. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, PDRM sedang berusaha mengadakan talian *hotline* jenayah terus ke Bukit Aman supaya sebarang kegiatan jenayah boleh dilaporkan ke Bukit Aman dan diambil tindakan segera. Talian ini akan dikenali sebagai Talian 911. Dalam usaha memerangi jenayah juga, PDRM telah mewujudkan Unit Risiko Bersepadu dengan izin *Central Intelligence Unit* (CIU) dengan mengguna pakai konsep *Intelligence Led Policing* sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risiko jenayah.

■1100

Risik dan analisis jenayah yang dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih aktif. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kami telah dan sedang melakukan pertukaran dalaman bagi merombak institusi kepolisian itu yang melibatkan pegawai-pegawai Jabatan Siasatan Jenayah supaya mereka sentiasa melakukan perubahan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada konsep mobiliti dan kes *bikers Versys* untuk memperkasakan PDRM.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [Bangun]

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Semoga ops-ops itu semua berjaya. Sememangnya kita akui kerajaan melalui PDRM telah bertungkus-lumus melaksanakan berbagai-bagai pendekatan dalam usaha memerangi jenayah bagi memastikan rakyat Malaysia berada dalam keadaan selamat.

Juga belum terlewat untuk saya ucapkan tahniah terhadap kecemerlangan tugas yang ditunjukkan oleh PDRM bersama ATM dalam menangani percubaan pengganas Sulu di Lahad Datu dalam tempoh hari. *Well done*, dengan izin. Akan tetapi malangnya, ada dalam kalangan rakyat negara ini masih tidak tahu bersyukur dan sentiasa sahaja berusaha untuk memburuk-burukkan dan memperlekehkan PDRM khususnya melalui media-media sosial seperti *Facebook* dan *blog*. [Dewan riuh] Sabar, sabar!

Dalam soal ini saya ingin bertanya, apakah tindakan yang diambil atau dilakukan oleh PDRM bagi menangani perbuatan memfitnah dan melemparkan tuduhan terhadap PDRM sehingga boleh dan telah pun menjejaskan keyakinan rakyat kepada pasukan PDRM melalui media-media sosial ini termasuklah fitnah tidak henti-henti oleh tentera *Cyber Red Bean Army* dan... [Dewan riuh] Adakah PDRM bercadang mewujudkan satu pasukan khas yang akan bertanggungjawab bukan sahaja menyiasat fitnah berkenaan tetapi juga menjawab segala isu fitnah atau tohmahan yang dilemparkan oleh individu atau pihak tertentu melalui media sosial tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanah Merah itu memang tepat sekali. [Dewan riuh] Kenapa yang terasa sangat pihak sebelah sana? [Dewan riuh] Banyak makan cilikah?

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, kes-kes fitnah boleh diambil dalam dua tindakan. Pertamanya, dari segi jenayah dan yang keduanya ialah dari segi sivil. So dalam perkara ini, memandangkan fitnah-fitnah ini dibangkitkan dalam media sosial, termasuk Yang Berhormat Shah Alam yang tidak pernah tahu mengendalikan media sosial kerana kerap menimbulkan fitnah. *[Ketawa]* Kita mengambil tindakan melalui dua kaedah iaitu melalui Akta Komunikasi dan Multimedia dan seksyen 504, Kanun Keseksaan.

Oleh kerana fitnah melalui media sosial ini harus dijawab dengan media sosial juga, kami mewujudkan *Facebook* untuk menangani permasalahan Yang Berhormat Gombak dan juga lain-lain kawan-kawan di sana yang membangkitkan beberapa perkara. Kami telah mendapat *hit* sebanyak 416,500 dan masih belum cukup lagi. Untuk *Twitter* tidak begitu banyak cuma 113,000 sahaja. Akan tetapi walau bagaimanapun, pendekatan media sosial ini akan kami lakukan bagi menghapuskan fitnah-fitnah yang sentiasa berlegar dan dilegarkan oleh mereka kepada kita...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: *[Bangun]*

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia sebut Shah Alam sebelum Gombak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak duduk di depan sedikit, Yang Berhormat Shah Alam.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Itu pun sudah jauh sedikit Tuan Yang di-Pertua daripada penggal yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri, perbincangan berhubung kadar jenayah ini telah menarik perhatian pelbagai pihak, khususnya masyarakat yang agak dan amat prihatin tentang keselamatan rakyat dan juga negara. Namun, setiap kali perkara ini dibangkitkan kementerian memberikan jawapan bahawa ini hanya satu persepsi. Maka, mantan Menteri Dalam Negeri sebelum ini memberikan fokus yang terlalu banyak dengan bajet yang besar untuk menguruskan persepsi. Akan tetapi hari ini kita ada Menteri Dalam Negeri yang baru.

Semalam dalam penggulungan Yang Berhormat Menteri menegaskan, bukan lagi persepsi. Sekarang kadar jenayah memang tinggi dan kementerian sedang memberikan perhatian khusus untuk menangani masalah ini dan Yang Berhormat Menteri telah menyalahkan kerana EO telah dibatalkan. Maka persoalan saya ialah apabila Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa ianya bukan lagi persepsi tetapi ianya merupakan satu perkara yang benar. Adakah ianya merupakan satu alasan untuk mengembalikan EO yang telah pun dihapuskan?

Kedua, adakah pengakuan Yang Berhormat Menteri ini kerana baru-baru ini berlaku jenayah di rumah seorang Menteri? Apabila berlaku kepada rakyat ianya persepsi tetapi bila berlaku kepada Menteri, ianya realiti.

Akhirnya Yang Berhormat Menteri saya ingin mendapat penjelasan dan jawapan, apakah pendirian Kementerian Dalam Negeri berhubung pembentukan *auxiliary police* ini di semua negeri khususnya di negeri Selangor? Apakah kementerian bersedia untuk memberikan kebenaran dalam pembentukan bagi tujuan komuniti polisi ini? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pagi ini Tuan Yang di-Pertua cukup baik kerana mengizinkan tiga soalan walaupun dalam peraturan satu soalan sebab Yang Berhormat Gombak ini...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dalam peraturan tiga. Hendak jadi Tuan Yang di-Pertua, duduk sana.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat Gombak ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dia sebut patutnya dia duduk sebelah Ketua Pembangkang, dia senior. Selepas ini dia hendak jadi Presiden parti dia. Oleh kerana kecewa, maka itu sebabnya dia letakan di situ, dia kecewa. *[Dewan riuh]* Akan tetapi tidak apa, selepas ini jadi presidenlah. Boleh jadi MB. Boleh *discuss* dengan Ketua Pembangkang, jadi MB. Kita sokonglah. *[Dewan riuh]* Antara persepsi dengan realiti Yang Berhormat Gombak...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Ubah tempat duduk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Realitinya ialah setiap jenayah harus ditangani sama ada di rumah Menteri atau di rumah Yang Berhormat Gombak, kita akan pastikan penjenayah tetap ditangkap dan dibanteras.

EO telah dibatalkan Yang Berhormat Shah Alam tetapi kalau mahu EO itu diganti dengan perkara lain, dengan akta lain, kita minta persetujuan semua. Ini kerana dari segi penangkapan yang berlaku sekarang ini, penjenayah yang ditangkap kebanyakannya adalah bekas penjenayah yang dilepaskan daripada EO itu. Ini bukan persepsi Yang Berhormat Gombak, ini realiti. Jangan sampai penjenayah yang *color blind* itu, buta warna itu pergi ke rumah Yang Berhormat Shah Alam ataupun Yang Berhormat Gombak dalam perkara ini. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini ugutan ini.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ya, ugutan, ugutan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta izin Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Menteri Dalam Negeri membuat ugutan, tidak boleh kena tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. EO dulu ada EO pun masih...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *Example, example...*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Itu *example*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kadar jenayah masih tinggi. EO ada, tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri sudah menjawab, jadi Ahli Yang Berhormat ramai yang berdiri ini dapat soalan tambahan atau apa?

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada soalan tambahan, ini giliran daripada Barisan Nasional. Sila Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta satu lagi Tuan Yang di-Pertua selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sangat memahami bahawasanya persoalan perlakuan jenayah dalam negara semakin sehari sememangnya menjadi semakin kompleks dan ianya bukanlah suatu perkara yang mudah ditangani oleh pihak keselamatan.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawasanya perlakuan jenayah berat terutamanya yang melibatkan senjata api sekarang ini dilihat berlaku secara mendadak peningkatannya di negeri Kelantan sehinggakan berlaku kes-kes menembak ataupun kes-kes membunuh dengan menggunakan senjata api, orang yang pulang daripada sekolah, yang keluar di masjid dan sebagainya.

■1110

Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawasanya ini menjadi satu aspek jenayah tambahan di Kelantan. Kalau dulunya peningkatan salah guna dadah, rogol, ragut dan sekarang ini sangat membimbangkan kerana peristiwa-peristiwa sedemikian. Apakah syor dan cadangan Yang Berhormat Menteri untuk memastikan perkara ini dapat terkawal khususnya di Kelantan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi bahawa penjenayah ini buta warna, dengan izin, *colour blind*. Sama ada negeri yang dikuasai oleh pembangkang atau negeri yang dikuasai oleh Kerajaan Barisan Nasional. Pembunuhan yang berlaku kepada seorang guru semalam, itu memang ada kaitan dengan jenayah secara langsung. Akan tetapi ada masalah peribadi yang dihadapi oleh beliau yang saya tidak mahu menggunakan Dewan yang mulia ini untuk menjelaskannya kerana ia masih dalam siasatan polis. Akan tetapi apa yang ingin saya sebutkan ini, jenayah yang mendadak di Kelantan ini ada kaitannya dengan permasalahan di sempadan. Kami akan terus memperketat Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) yang diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri bagi menentukan bahawa kawasan sempadan ini akan diperkuatkan serta diperkuatkan penguatkuasaannya.

Terdapat beberapa kelonggaran yang mesti diakui bahawa kita tidak begitu prihatin terhadap keluar masuknya masyarakat di kawasan sempadan sama ada Thailand ataupun Malaysia. Ini kerana mereka mempunyai pertalian darah dan sebagainya. Akan tetapi oleh sebab jenayah-jenayah ini berlaku dengan mendadak, pada hemat kami tindakan-tindakan secara drastik mesti dilakukan termasuk menambah aset-aset pencegahan di kawasan-kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, saya harap Kerajaan Negeri Kelantan dapat bekerjasama dengan kami bagi membanteras jenayah itu kerana Islam juga menekankan pembanteras jenayah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 24(3), muka surat 35, mohon diizinkan untuk saya baca Tuan Yang di-Pertua, "*Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan Ahli-ahli mengeluarkan tidak lebih daripada tiga pertanyaan tambahan bagi setiap pertanyaan.*" Walaupun sebelum ini mungkin sudah ada tafsiran daripada Tuan Yang di-Pertua dan lain-lain, saya berpendapat bahawa perkataan yang digunakan '*boleh*' dalam bahasa Inggerisnya '*may*', bukannya '*shall*' 'hendaklah'.

Oleh sebab soalan ini menarik perhatian ramai Ahli Dewan, saya berpandangan bahawa Tuan Yang di-Pertua mempunyai *discretionary power*, kuasa budi bicara untuk membenarkan lebih daripada tiga soalan tambahan. Lebih-lebih lagi saya rasa soalan yang ditanyakan tadi oleh Yang Berhormat Tanah Merah adalah soalan yang popular yang mungkin digabungkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk menjawab pertanyaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang pernah berkhidmat pada Parlimen Kedua Belas, mereka tahu bahawa apabila peraturan mesyuarat dibangkitkan, sewaktu sesi soal jawab, saya tidak respons pun.

Saya telah menyatakan bahawa peraturan mesyuarat dibangkitkan selepas sesi soal jawab sebabnya ialah jangan sesi soal jawab itu membazirkan masa kerana kita mengejar masa. Banyak soalan yang telah disenaraikan untuk dijawab. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat, perkataan "*may*" and "*shall*".

Masalah saya Yang Berhormat dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua ialah apabila membuat keputusan tentang soal-soal *discretionary matters*. Kalau Ahli-ahli Yang

Berhormat bersetuju dengan saya, pendekkan soalan, pendekkan jawapan, jangan ganggu persidangan. Berapa soalan, soalan tambahan pun saya akan benarkan apabila soalan-soalan yang disenaraikan dapat dijawab. Itu sahaja Yang Berhormat. Akan tetapi kadang-kadang, saya dengar walaupun melanggar peraturan mesyuarat kerana saya tidak mengganggu perbahasan. Akan tetapi ada kalanya seperti kelmarin yang berlaku di antara Menteri yang berkenaan dengan Puchong, terpaksa saya berkeras.

Kalau Ahli Yang Berhormat ubah bersama-sama dengan saya, selaras dengan pemikiran, saya ubah, bukan dengan pemikiran Yang Berhormat, saya akan setuju dengan Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *[Bangun]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, soalan...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak Yang Berhormat, saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat. Ini kerana apabila saya benarkan, *I am opening the flood gate.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Very short question.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya perhatikan dulu, kalau Yang Berhormat ubah dengan saya, bermula dengan Shah Alam, nanti kalau ada peluang untuk mengemukakan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Beri peluang saya tunjuk sudah berubah Tuan Yang di-Pertua. Soalan itu pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pendek dan padat. Yang Berhormat Tuan Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz, Pasir Mas. Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Beri peluang saya tunjuk sudah berubah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ajak ubah, dia tidak pandai ubah. Masih lagi mengganggu Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan. Macam mana saya layan permohonan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

6. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah program-program yang telah dilaksanakan serta hasil yang telah diperoleh dalam memberikan ruang yang lebih kondusif kepada golongan belia untuk mengekspresikan idea yang bermanfaat.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1Malaysia, salam Ramadan.

Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas atas soalan yang menarik ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menyemarakkan pembangunan modal insan serta memartabatkan peranan belia di dalam Rekayasa Negara, kementerian sentiasa merancang dan menyediakan pelbagai platform kepada anak-anak muda untuk mengekspresikan idea dan kreativiti mereka.

Ini sejajar dengan polisi transformasi dan juga pendekatan keterbukaan kerajaan terhadap pandangan dan idea yang baru dalam perencanaan dasar di samping perubahan pola demografi yang mengetengahkan kepentingan generasi belia.

Berikut adalah antara program yang dianjurkan oleh kementerian bagi memberi peluang kepada golongan muda menyalurkan pandangan dan idea mereka kepada kerajaan:

- (i) Majlis Perundingan Belia Daerah Negeri/Negara yang merupakan saluran kepada belia menyuarkan pendapat melalui pemimpin-pemimpin belia di kawasan mereka sehingga ke peringkat nasional;

- (ii) Program *Fellow Perdana* yang merupakan program *internship* paling berprestij di mana anak muda terpilih di kalangan pelajar dan graduan, di tempatkan di Pejabat Ahli Jemaah Menteri. Program ini bakal mendedahkan kumpulan ini kepada proses pentadbiran dan penggubalan dasar di samping memberi peluang kepada mereka untuk melontarkan buah fikiran dan cadangan terhadap dasar dan program yang dilaksanakan kerajaan;
- (iii) Forum generasi muda. Program ini memberi peluang untuk bertukar pendapat dengan tokoh negara yang terpilih dalam pelbagai bidang;
- (iv) Program Perdana *Leader Fellowship*, berbeza dari Program *Fellow Perdana*. Program ini telah dilaksanakan pada tahun 2012 di mana sekumpulan graduan terpilih untuk mengikuti program kepimpinan selama enam bulan dan peserta dapat mengekspresikan idea baru melalui pelbagai modul yang komprehensif;
- (v) Makmal Transformasi Pembangunan belia yang diadakan pada tahun 2010. Makmal ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada beberapa kementerian dan agensi serta NGO belia;
- (vi) Parlimen Belia Malaysia yang dijangkakan akan dilaksanakan mulai awal tahun depan; dan
- (vii) belia-belia dari seluruh negara turut diberikan ruang dan peluang untuk berkongsi idea secara *virtual* melalui pelaksanaan bank idea yang akan dilancarkan kelak oleh kementerian.

Sekian, terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula saya hendak ucap salam Ramadhan kepada Yang Berhormat Menteri dan seluruh belia Malaysia. Semoga rahmat Allah Taala ke atas belia Malaysia, *insya-Allah*. Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dan segala usaha daripada pihak kerajaan di dalam membangunkan belia negara terutamanya di dalam menyediakan platform yang baik untuk mereka mengembangkan dan menyumbangkan idea mereka untuk masyarakat dan negara.

Saya hendak sentuh mengenai satu sahaja iaitu dalam banyak soalan ini, satu sahaja iaitu mengenai Parlimen Belia Malaysia yang ditubuhkan pada Mei, 2011 oleh Makmal Transformasi Belia Negara. Beberapa penjelasan yang saya hendak tahu. Pertama, adakah ia merupakan satu institusi kerajaan yang khas dan diperundangkan di bawah mana-mana akta sebab nama dia agak besar, "Parlimen Belia Malaysia".

Kedua, ia tidak mempunyai liputan meluas sama ada mengenai proses pemilihan 222 anggota yang saya difahamkan tidak berapa demokratik, minta maaf, kerana ia dipilih melalui *on line* dan saringan temu duga yang saya tidak pasti macam mana.

■1120

Apakah isu-isu perbahasan dan natijah perbahasan Parlimen Belia ini terhadap pembangunan belia? Saya rujuk pada *website*, saya dapati tidak ada dinyatakan mengenai agenda perbahasan.

Akhir sekali, adakah wujud penglibatan agamawan belia? Kalau dalam TV ada Imam Muda dan sebagainya, saya hendak tahu dalam Parlimen Belia ini ada atau tidak penglibatan agamawan belia. Berapakah belia non-Muslim yang terlibat dalam Parlimen Belia ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sebelum Yang Berhormat Menteri jawab, ada perkara yang ingin saya bangkitkan balik. Beberapa kali telah saya bangkitkan ini dan tidak ada pun Ahli-ahli Yang Berhormat yang mendengar apa yang saya sebut mengenai dengan soalan tambahan. Peraturan Mesyuarat 24(3) ceraian 2, apa-apa pertanyaan tambahan tidaklah boleh terdiri daripada beberapa pertanyaan atau gabungan

beberapa pertanyaan. Setiap Ahli Yang Berhormat yang membuat soalan tambahan, memang ada rangkaian soalan-soalan. Itu menghabiskan masa tetapi tidak apa, saya biarkan selalu.

Akan tetapi apabila Yang Berhormat ada sesuatu perkara yang kamu tidak senang hati terus berdiri angkat Peraturan Mesyuarat tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat kebanyakannya saya minta maaf, tidak mematuhi peraturan mesyuarat. Jadi ingat, soalan tambahan *means* tanya soalan, bukan *giving information*. Kalau ada pun umpamanya gambaran latar belakang, jangan panjangkan *incorporate* dalam soalan. Boleh dibuat, bukan tidak boleh dibuat. Saya perhatikan Yang Berhormat Lanang pertama kali tanya soalan tambah, *perfect* tetapi dia baru. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Mas. Saya ingin puji keprihatinan Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas walaupun beberapa soalan. Akan tetapi saya anggap sebagai satu soalan sahajalah, saya anggap sebagai *update* ataupun minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini juga Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Ini juga menjadi masalah kepada saya. Ini kerana apabila Menteri menjawab, dia bukan tidak dapat jawab, dia dapat jawab tetapi *the spirit of the* peraturan mesyuarat tidak diambil kira. Kadang-kadang ada Menteri yang menjawab, dia jawab mengenai dengan soal dasar sedangkan soalan spesifik. Dia menunjukkan bahawa dia tahu semua hal dalam kementerian. *I am sorry to say this during first day of Ramadan*. Jadi Menteri sekarang ini dia boleh jawab, bukan tidak boleh jawab. Akan tetapi apabila itu menjadi budaya, maka tidaklah saya boleh *exercise control* mengenai dengan peraturan mesyuarat kerana ada yang mengatakan Tuan Yang di-Pertua dulu dia benarkan, kenapa sekarang tidak boleh. So terpulang kepada Menteri, *if you are discretion again, whether you want to answer or not, all the time I mean, exercise is my discretion*. Sila.

Tuan Khairy Jamaluddin: Baik, saya menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi jawapan secara umum dulu sebagai satu *update* kepada Parlimen Belia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Parlimen Belia Malaysia ini sedang kita perhalusi pelaksanaannya. Jadi soal berapa ramai yang terlibat, soal usul-usul yang dibangkitkan, soal sama ada perkara ini akan diaktakan ataupun diletakkan sebagai satu akta masih belum lagi ditetapkan. Oleh kerana apabila kita telah buka untuk pendaftaran bagi pemilih-pemilih di peringkat kawasan-kawasan, 222 kawasan yang mendaftar untuk menjadi pemilih yakni untuk menjadi pengundi dalam Parlimen Belia ini setakat hari ini hanya 15,516 sahaja. Ada setengah kawasan Parlimen yang mana bilangan pemilih, pengundi bagi Parlimen Belia ini hanya tujuh orang sahaja.

Jadi, saya terpaksa menangguhkan pelaksanaan Parlimen Belia sebab saya rasa itu tidak menggambarkan representasi yang sebenarnya. Kalau hanya tujuh orang sahaja daripada satu kawasan yang mengundi Ahli Parlimen Belia, ia tidak mendapat *representation* yang sebenarnya. Oleh yang demikian, saya dalam proses di Kementerian Belia dan Sukan untuk melihat semula kepada pelaksanaan Parlimen Belia. Jadi sebab itu saya tangguh daripada tahun ini sehingga awal tahun depan untuk pelaksanaannya supaya kita dapat perwakilan yang betul-betul mewakili majoriti daripada belia di Malaysia dan bukan hanya mereka yang setakat hari ini telah daftar melalui *online*.

Saya harap perkara ini dapat kita bincang sebab untuk makluman Dewan, Dewan Pemuda PAS sepatutnya datang ke Kementerian Belia dan Sukan untuk berjumpa dengan saya minggu lepas untuk kita bincang hal pembangunan belia bersama tetapi tidak dapat oleh kerana masalah tertentu. Saya harap perkara ini dapat kita perhalusi dengan lebih mendalam lagi dalam lawatan tersebut.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini Festival Belia Putrajaya telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Adakah cadangan daripada pihak kementerian untuk membawa festival belia ini ke serata negeri terutamanya ke dalam kawasan-kawasan luar bandar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Sekijang. Salah satu daripada penambahbaikan dan pembaharuan yang saya cadangkan untuk Festival Belia Putrajaya yang telah mendapat satu sambutan yang cukup hebat tiap-tiap tahun, jutaan orang muda telah berkumpul secara aman di Putrajaya adalah untuk memastikan bahawa penjenamaan dan juga festival ini dapat dirasai sampailah ke peringkat akar umbi. Kita tidak mahu hanya kita bawa festival ini ataupun sambutan Hari Belia ini di peringkat Putrajaya sahaja, tetapi kita mahu supaya semangat daripada festival belia itu dirasai di seluruh pelosok tanah air.

Oleh yang demikian, antara cadangan dan penambahbaikan yang telah saya cadangkan untuk kita melaksanakan di peringkat kementerian adalah supaya kita buat di peringkat daerah, negeri sampai ke Putrajaya. Maksudnya kalau ada satu acara yang kita buat di Putrajaya, sebelum ini kita buat contohnya futsal, kita buat daripada daerah, kita banyakkkan lagi acara-acara yang boleh dinamakan sebagai *Road to Putrajaya*. Contohnya kita boleh ada pertandingan debat daripada daerah, negeri, sampai ke Putrajaya. Tilawah daripada daerah, negeri sampai ke Putrajaya, futsal dan juga sukan-sukan yang lain. Jadi dengan cara ini saya percaya bahawa kita dapat merakyatkan lagi dan 'mengakarumbikan' lagi Festival Belia Putrajaya. Terima kasih atas soalan tadi.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 80-an, negara kita ada satu badan yang dinamakan Majlis Perundingan Belia Negara di mana belia-belia dapat menyuarakan program-program dan melibatkan diri dalam mengaturkan program-program untuk belia yang terdiri daripada belia yang dipilih oleh belia di dalam perundingan peringkat pusat. Adakah kerajaan boleh mempertimbangkan semula untuk menzahirkan belia-belia yang melibatkan diri di dalam program-program belia sendiri. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Indera Mahkota. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Indera Mahkota, Majlis Perundingan Belia Negara yang disebutkan tadi memang tidak pernah hilang, masih lagi wujud dan akan bermesyuarat pada tahun ini. Terima kasih.

7. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah pelan tindakan kementerian memastikan tahap pendidikan dari semua peringkat, khususnya pendidikan tinggi, akan terus berada di tahap yang tinggi. Adakah kementerian telah melakukan *Benchmarking Exercise* dengan mana-mana institusi pengajian luar negara untuk memastikan kualiti pendidikan negara terus efektif dan berdaya saing.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada tujuh teras Pelan Strategik Tinggi Negara, teras kedua iaitu menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran menetapkan supaya semakan kurikulum institusi pengajian tinggi sentiasa dibuat agar kurikulum yang disediakan berkualiti tinggi dan dapat memenuhi aspirasi negara. Semakan yang dibuat mengambil kira pandangan ahli-ahli akademik, pakar dari industri dan pihak swasta, pegawai kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan pada setiap dua hingga tiga tahun berdasarkan kepada keperluan bidang pengajian.

Pemakaian *Malaysian Qualification Framework* ataupun MQF melalui PSPTN menuntut setiap pemilik program untuk memperbaiki kurikulum sedia ada dan *Benchmarking Exercise* dengan institusi pengajian luar negara adalah digalakkan untuk memastikan kualiti pendidikan negara terus efektif dan berdaya saing. Selain daripada itu, bagi bidang-bidang profesional seperti kejuruteraan dan perakaunan *Benchmarking Exercise* dengan izin, adalah satu keperluan yang disyaratkan bagi tujuan akreditasi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha lain yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah pembangunan kajian hala tuju bidang pengajian bagi program sedia ada bagi setiap tahun.

■1130

Secara purata, sepuluh kajian hala tuju dilaksanakan bagi setiap tahun mengikut keperluan yang bertujuan untuk menyemak kerelevanan, keterkinian, arah hala tuju dan potensi program-program pengajian sedia ada masih memenuhi kehendak pasaran lokal dan global di samping mengambil kira perubahan dan isu-isu semasa berkaitan program.

Pelaksanaan kajian ini juga meliputi pengiktirafan profesional di peringkat antarabangsa sebagai penanda aras untuk membuktikan program akademik yang ditawarkan di IPT adalah setanding dengan kehendak global. Lawatan penanda aras melibatkan pengumpulan dan perbandingan data kajian kes dari luar negara yang sesuai dan bertepatan dengan misi dan visi serta budaya di Malaysia dalam pembentukan garis panduan peringkat tempatan. Di antara lawatan penanda aras telah dijalankan di institusi pengajian serta badan profesional yang terpilih adalah seperti di England iaitu *Empire College of Medicine, University College London* dan *King's Medical College School*. Di India pula, *Christian Medical College Vellore, Chennai* bagi program perubatan. Manakala bagi program seni bina, lawatan penanda aras telah dijalankan di Singapura dan Thailand. Jawatankuasa kajian hala tuju bagi program muamalat dan kewangan Islam telah memilih Indonesia dalam lawatan penanda arasnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah projek agenda kritikal (CAP) berkenaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) pula, melalui CAP pembelajaran dan pengajaran, keperluan mendapatkan pengiktirafan daripada badan profesion antarabangsa ke atas program-program akademik yang ditawarkan adalah ditekankan. IPTA digalakkan memperoleh pengiktirafan badan dari badan dan agensi pengiktirafan antarabangsa dalam usaha memastikan kualiti program akademik IPTA tempatan setanding dengan universiti-universiti antarabangsa. Antara program pengajian yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa ialah bidang kejuruteraan daripada *Board of Engineers Malaysia* yang menerap dan menyetarakan kurikulum program kejuruteraan IPT di Malaysia setaraf dengan standard program antarabangsa seperti *Washington Accord* dan *Sidney Accord*.

Bagi bidang perakaunan pula, *The Chartered Institute of Management Accountant* (CIMA) dan *The Association of Chartered Certified the Accountant* (ACCA). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya meneruskan agenda seterusnya, ada dua perkara yang saya ingin sentuh kembali iaitu berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu iaitu Peraturan Mesyuarat 24(3). Yang Berhormat berpendapat bahawa Speaker boleh membenarkan lebih daripada tiga soalan tambahan menurut takrifan Yang Berhormat mengenai perkataan "*boleh*" ataupun "*may*". Secara spontan tadi, reaksi saya ialah saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Akan tetapi apabila saya membaca balik Peraturan Mesyuarat 24(3), saya menarik balik persetujuan saya itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau saya baca sekejap, Peraturan Mesyuarat 24(3) mengatakan, "*Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan Ahli-ahli mengeluarkan tidak lebih daripada tiga soalan tambahan*". *It means, discretion* saya ialah boleh saya kasi satu, boleh kasi dua sampai tiga, maksimum. Empat, tidak boleh. Jadi itu peraturan mesyuarat menurut takrifan saya.

Saya mohon kerjasama lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau bangkitkan peraturan mesyuarat, tolong bantu saya dan timbalan-timbalan saya. Maknanya Ahli-ahli Yang Berhormat benar-benar fikir bahawa itu membantu untuk perjalanan mesyuarat dan bukan semata-mata membangkitkan peraturan mesyuarat ikut kehendak diri pada ketika itu. Bantu saya kerana ramai peguam-peguam yang terkemuka dalam Dewan ini. Tugas peguam-peguam kalau di mahkamah ialah membantu hakim untuk mencari keadilan. Itu yang saya mohon kepada Ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Saya mohon usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1) daripada Yang Berhormat Menteri dibentangkan. Sila.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.34 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 11 Julai 2013.”

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas”. **[9 Julai 2013]**

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyambung menjawab.

11.36 pg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambung, saya ingin membuat sedikit pembedaan mengenai fakta di dalam jawapan saya semalam.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Mengenai *baraj* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Katerah semalam. Saya sebutkan *baraj* yang dicadangkan dibina itu, airnya jika dibina, kita akan meningkatkan air setinggi 15 kaki. Itu saya sebut semalam. Sebenarnya bukan 15 kaki tetapi 15 meter ataupun 45 kaki. Itu yang menyebabkan boleh berlaku banjir di kawasan hulu sungai.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Sebelum saya berhenti semalam, saya berhenti di peringkat Yang Berhormat Sabak Bernam. Yang Berhormat Sabak Bernam telah membangkitkan isu mengenai baja organik. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menggalakkan penggunaan baja organik untuk tanaman padi disebabkan tanah-tanah di Malaysia perlu disuburkan dengan tanah-tanah organik terutamanya tanah-tanah bermasalah seperti tanah-tanah pematang yang berselang-seli dengan paya dan tanah bekas lombong. Penggunaan baja organik bagi penanaman padi telah diperkenalkan sejak tahun 2007 di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi.

Selain pemberian bantuan baja organik, program pemindahan teknologi juga dijalankan bagi memberi pendedahan kepada pesawah tentang keperluan menggunakan baja organik dan kaedah penggunaannya. Program ini diselaraskan oleh Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang melalui Pertubuhan Peladang Kawasan serta kerjasama pihak swasta yang telah dilantik sebagai pembekal baja organik. Kursus dan penerangan juga sentiasa dibuat dari semasa ke semasa kepada semua petani terlibat.

Bagi penanaman secara organik, Jabatan Pertanian akan memberi pengiktirafan kepada penanam-penanam secara organik iaitu Skim Organik Malaysia (SOM). Di bawah Skim Insentif Penanaman Padi (SIPP) ini, terdapat lima syarikat yang dilantik untuk membekalkan baja organik kepada pesawah mengikut zon-zon yang ditetapkan di seluruh Malaysia iaitu HN Jaya Sdn. Bhd., Multibase Resources Sdn. Bhd., Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak, Jalur Hidayah Sdn. Bhd., dan Carta Indah Sdn. Bhd. bagi tempoh dua tahun bermula 1 April 2013 sehingga 31 Mac 2015.

Sehingga kini tiada sebarang permit atau lesen yang dikeluarkan disebabkan tiada sebarang peruntukan akta untuk dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, satu Rang Undang-undang Baja oleh kementerian untuk mengawal selia kualiti baja dan di peringkat semakan terakhir untuk kelulusan Jabatan Peguam Negara.

Yang Berhormat Pasir Puteh telah membangkitkan isu mengenai pemberian baja kepada para petani yang dipolitikkan.

■1140

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut dasar kementerian pemberian baja di bawah subsidi baja padi Kerajaan Persekutuan dan Subsidi Insentif Pengeluaran Padi adalah diberi kepada semua pesawah yang layak tanpa mengira fahaman politik. Mekanisme pemberian tersebut dilakukan melalui Pertubuhan Lembaga Peladang yang diperturunkan kepada MADA, KADA melalui Pertubuhan peladang kawasan masing-masing sebelum disalurkan kepada pesawah-pesawah ataupun peladang-peladang.

Yang Berhormat Bukit Gantang telah membangkitkan isu mengenai lambakan buah durian di Bukit Gantang. Untuk makluman Yang Berhormat, harga jualan durian yang rendah adalah disebabkan oleh kualiti durian jenis kampung yang lebih rendah berbanding durian jenis klon dan dijual dengan gred bercampur.

Walaupun bagaimanapun, pemantauan yang dibuat di negeri Perak pada 3 Julai 2013 mendapati harga durian kampung di sesetengah tempat masih lagi tinggi di antara RM2 hingga RM3 per kilogram. Ini bermakna dianggarkan harga bagi sebakul durian dengan berat 30 kilogram adalah di antara RM60 hingga RM90. Harga jualan durian di Bukit Gantang yang didapati murah disebabkan oleh kemasukan bekalan durian daripada negeri Kedah dan masalah kualiti durian tempatan yang rendah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan, soal durian?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebetulnya memang benar durian berlambak di mana-mana. Ini mungkin ekoran

daripada pengeluaran satu jenis durian yang diberi nama '*Musang King*'. Harganya boleh tahan tetapi apabila dimakan memang lazat. Jadi durian-durian lain seolah-olah kalau dipasarkan bersama Yang Berhormat tidak ada yang membeli durian lain. Dia cari '*Musang King*'. Jadi siapa punya idea mengeluarkan '*Musang King*' ini sehingga membunuh 'bangsa-bangsa' durian yang lain. [Ketawa] 'Bangsa-bangsa' durian yang lain ini seolah-olah teraniaya oleh '*Musang King*'. Sudahlah 'musang', dia *king* lagi.

Jadi cuba cari formula macam mana hendak menyelaraskan pula durian-durian lain ini supaya tidak terjejas jauh sebab, kalau dijual sama-sama, saya nampak orang lain semua menuju ke kelompok '*Musang King*'. Durian lain dia tidak mahu tengok. Adakah kementerian cuba mencari formula macam mana hendak menyeimbangkan durian-durian lain ini supaya tidak dianiaya oleh '*Musang King*'?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya bukan "musang", *Mosang King*. Ini memang popular dan ianya boleh diekspor ke luar negara dan *Mosang King* ini kalau di negara China begitu popular sekali dan boleh dibeli sehingga RM500 satu biji. Memang kita galakkan penanaman durian *Mosang King* kerana harganya tinggi dan bila harganya tinggi tentulah akan menambahkan pendapatan kepada petani kerana tujuan kita adalah untuk meningkatkan pendapatan kepada petani.

Akan tetapi saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan. Dalam waktu kita tingkatkan pendapatan penanam yang menanam durian *Mosang King*, pekebun-pekebun yang tidak menanam *Mosang King* menghadapi masalah saingan dengan *Mosang King* tetapi bukan bermakna tidak ada yang membeli durian biasa kerana ada yang membeli gred yang tinggi ada yang membeli gred yang rendah.

Walau bagaimanapun, itu bukan jawapan yang sebenar juga kerana kita masih juga membantu pekebun-pekebun yang menanam durian kampung ini dengan membantu membeli durian mereka dan memproses durian mereka untuk dijadikan misalnya pes durian, dijadikan sebagai sejuk beku untuk aiskrim durian dan sebagainya. Jadi kita bantu petani-petani ini dengan bukan menggalakkan mereka bersaing secara menjual biji ke biji, bertanding begitu tetapi kita beli untuk tambah nilai dengan menjadikan durian itu untuk produk hiliran yang lain seperti saya sebut tadi...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: ...Untuk durian pes dan sebagainya. Saya hendak sebutkan, boleh saya tambah sedikit lagi sebagai informasi kepada Dewan. Di pihak FAMA menyediakan pusat untuk memproses durian ini di pusat-pusat memproses durian FAMA iaitu di Batu Kurau, di Perak, Besei Perlis, di Tangkak di Johor, di Machang Kelantan, di Jerantut Pahang dan pusat-pusat memproses swasta di Selangor dan semuanya kita jadikan sebagai pusat untuk memproses durian untuk dijadikan bahan-bahan seperti yang saya sebutkan tadi. Ini juga sebagai bantuan kepada peladang-peladang yang tidak menanam durian *Mosang King* itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik apabila disebut oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan harga durian yang dibeli RM2 sekilo di Bukit Gantang. Saya ini orang Bukit Gantang Yang Berhormat Menteri. Saya ada kebun durian. Durian ini yang dibeli peraih-peraih di kampung kadang-kadang sekilo hanya 30 sen hingga 40 sen. Ini realiti yang berlaku di kampung. Satu.

Keduanya, soalan yang saya bangkit di dalam ucapan saya dahulu ialah bagaimana untuk menjadikan durian ini sebagai satu nilai tambah ataupun untuk membantu kepada pekebun-pekebun kecil kerana *Mosang King* ini ialah ditanam di estet-estet dan juga di kebun-kebun yang agak besar yang bermodalkan besar dan durian ini kebetulannya orang kampung tidak berapa hendak tanam sebab tidak tahan lama.

Jadi saya menolak juga dakwaan kerana murahanya durian di Bukit Gantang kerana kes lambakan daripada Kedah. Fenomena durian harga murah ini bukan berlaku di Bukit Gantang malahan di seluruh negara yang melibatkan durian-durian kampung. Saya pelik apabila peraih yang beli di kampung yang harga 30 sen hingga 40 sen sekilo dijual di Gombak atau di Kuala Lumpur masih dengan sekilo RM4 hingga RM5. Ini persoalannya. Oleh sebab itu saya minta dipihak kementerian supaya kalau benar seperti mana yang

disebut tadi adanya pusat pengumpulan yang dibelikan oleh pihak FAMA dan sebagainya, saya tertarik itu tetapi apa yang berlaku saya tidak dengar cerita bab ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Kebanyakan sebenarnya berlaku ialah lambakan durian ini menyebabkan orang kampung agak terseksa batin mereka. Sekian, terima kasih. [Ketawa]

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa *Mosang King* mendapat sambutan yang baik di negara China tetapi sama ada baru-baru ini kita dapat khabar bahawa penjualan durian di negara China menghadapi masalah. Adakah ia benar atau terdapat penurunan secara ketara dari segi eksport durian ke negara China? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Pertamanya saya akan beri perhatian yang lebih kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Seperti saya sebut tadi kita akan bantu peladang-peladang terutamanya pemilik durian kampung tadi. Memang kita bukan sahaja akan bantu untuk proses durian mereka. Kita juga akan bantu untuk mereka tanam durian ataupun pokok durian yang baru dengan bantu mereka untuk tukar ataupun tukar kepada klon yang lebih tinggi untuk mereka tanam pokok yang baru dan sebagainya. Kita akan bantu. Pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian akan bantu penanaman-penanam ataupun masyarakat luar bandar di kampung-kampung yang memiliki pokok durian kampung ini untuk menukar kepada tanaman-tanaman durian yang lebih baik daripada segi mutu dan sebagainya.

■1150

Tentang isu durian di China menghadapi masalah di pasaran dan sebagainya, saya akan semaklah. Saya pun tidak boleh beri jawapan di sini, saya akan semak balik.

Seterusnya Yang Berhormat Bachok ada membangkitkan isu berkenaan penggantian tanaman tembakau dengan tanaman lain yang boleh meningkatkan pendapatan penduduk. Kementerian melalui pelbagai jabatan dan agensi akan melaksanakan projek menggantikan tanaman tembakau dengan tanaman lain iaitu sayur-sayuran, buah-buahan dan jagung, bergantung kepada kesesuaian tanah mulai tahun 2014.

Peruntukan sebanyak RM3 juta akan disalurkan kepada jabatan ataupun agensi berkaitan yang diterima daripada Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara untuk meneruskan pelaksanaan projek ini dan peserta adalah terdiri daripada bekas pengusaha tembakau sendiri. Sekiranya peruntukan sebanyak RM2 juta bagi tahun 2015 diluluskan, projek ini akan diteruskan dengan jangkauan penglibatan 96 orang peserta.

Yang Berhormat Jasin telah membangkitkan isu mengenai bantuan nelayan yang terjejas akibat jerebu. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhan kejadian jerebu dalam tempoh yang singkat tidak memberi kesan yang *significant* kepada aktiviti harian nelayan. Sehubungan dengan itu, kementerian tidak mempunyai bantuan khas bagi membantu nelayan yang terjejas akibat jerebu. Walau bagaimanapun, kementerian telah melaksanakan pemberian elaun sara hidup nelayan kepada semua nelayan yang berdaftar sebagai pemegang lesen menangkap ikan dan pekerja atas bot warganegara Malaysia sebanyak RM200 sebulan bagi meringankan bebanan hidup golongan nelayan. Selain daripada itu, nelayan yang memiliki *vesse/* menangkap ikan berlesen adalah layak mendapat harga subsidi diesel dan petrol pada harga RM1.25 seliter bagi nelayan yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di Zon 'A', 'B' dan 'C'...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, mencelah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sekejap ya. Manakala nelayan yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di Zon C2, nelayan membeli diesel bersubsidi pada harga RM1.80 seliter.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri dan Lenggong, Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sebelum ini saya ucap terima kasih kepada Menteri dalam program perumahan nelayan, kementerian akhirnya memberikan juga bantuan kepada nelayan darat. Nelayan-nelayan yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan sama ada di sungai atau di tasik yang bukan nelayan laut. Maknanya bantuan rumah telah diberi. Sekarang ini saya nak minta penjelasan dan pandangan Menteri, apakah kementerian juga mempunyai cadangan untuk memberikan bantuan sara hidup tadi juga kepada nelayan darat ini kerana mereka juga sebenarnya bergantung hidup kepada aktiviti nelayan tetapi tidak dikategorikan sebagai nelayan pantai itu. Kalau rumah nelayan telah boleh diberi, saya ingat patutnya juga nelayan darat ini diberikan bantuan sama sebagaimana nelayan laut. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri, boleh jawab sekali?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Di sini saya hendak tanya satu soalan kepada Menteri. Semasa krisis jerebu, Menteri ada melawat Ladang Nanas, Batu 13, Bukit Naning, Bakri ekoran berlaku aktiviti pembakaran terbuka oleh peladang nanas di kawasan Bakri. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian?

Berhubung industri burung walet, adakah kementerian mempunyai pelan rancangan bagi mengawal harga supaya tidak jatuh ke paras yang rendah dan juga membantu menyelesaikan isu-isu pengeksport sarang burung walet ini ekoran terdapat negara-negara luar yang tidak lagi mengimport sarang burung walet kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Menteri, ini berkaitan dengan bantuan kepada nelayan. Syarat yang dikehendaki, kita fahami iaitu lesen bot dan lain-lain lagi tetapi majoriti nelayan itu tidak punya itu semua. Jadi oleh kerana itu mereka terperangkap dalam dengan izin, *vicious circle*. Mereka miskin, mereka tidak ada lesen dan lain-lain oleh kerana itu mereka tidak dapat bantuan dan tidak dapat insentif dan tidak dapat bimbingan. Jadi, saya rasa kementerian harus fikirkan satu cara untuk mengeluarkan mereka daripada kitaran ganas kemiskinan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuantan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan bantuan kepada nelayan ini, Kuantan juga merupakan pangkalan nelayan yang kedua terbesar selepas Kuala Kedah. Masalah di Kuantan ini ialah masalah perumahan Yang Berhormat Menteri, di mana para nelayan yang miskin ini berhadapan dengan masalah sebab rumah mampu milik memang tidak cukup di Kuantan. Jadi kita ada satu projek yang dinamakan Projek Perumahan Bunut Rendang untuk nelayan yang sudah pun terbengkalai selama sepuluh tahun, Yang Berhormat Menteri.

Jadi pada satu ketika apabila saya bertanya dalam penggal yang lepas, katanya sudah pun di bawah kerajaan negeri tetapi kemudian kerajaan negeri sudah tidak mampu hendak selesaikan masalah itu, *pass* balik kepada Kerajaan Pusat. So saya pohon Yang Berhormat Menteri beri status yang terkini berkenaan dengan perumahan tersebut sebab memang masalah yang amat besar. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri, izinkan saya tambah satu soalan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Daripada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Lumut.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Di Pulau Pangkor terdapat lebih kurang 600 bot-bot nelayan tetapi setakat ini, bantuan diesel dikatakan mendapat 1.1 juta liter sebulan. Adakah rancangan Kementerian untuk menambah peruntukan tersebut oleh kerana peruntukan sekarang tidak mencukupi. Ini merupakan rayuan daripada nelayan Pulau Pangkor. Terima kasih.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tambahan sikit, Kuala Kangsar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan tentang nelayan darat. Seperti mana yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri semalam bahawa kerajaan akan memperbanyakkan usaha di kalangan nelayan darat iaitu nelayan sungai seperti di kawasan saya yang menggunakan sumber hasil daripada Sungai Perak. Jadi, peranan agensi manakah atau apakah perancangan pihak Kementerian ataupun di bawah agensi-agensi lain yang menumpukan khusus tentang pembangunan dan juga ekonomi nelayan darat ini, terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Saya terus jawab kepada isu. Untuk nelayan darat ini, memang di bawah Kementerian Pertanian. Untuk kita memberi sara hidup seperti nelayan laut sebanyak RM200 itu belum ada perancangan lagi. Walau bagaimanapun, seperti yang saya sebutkan tadi kita ada beri bantuan juga seperti bantuan rumah yang mana kita sudah pun memberi bantuan sehingga RM10,000. Selain daripada itu, bantuan di bawah Program Azam Tani juga kita beri seperti bantuan bot *fiber glass*, enjin sangkut dan pukat yang bernilai lebih kurang RM10,000 hingga RM15,000, kita beri kepada nelayan darat ini.

Mengenai Yang Berhormat Bakri tadi, saya rasa saya tidak perlu jawablah sebab dia tanya pasal burung walet, tanya pasal nanas dan tidak ada kena mengena dengan nelayan. Saya minta maaflah Yang Berhormat Bakri tetapi burung walet nanti ada dalam jawapan akan datang ini. Jadi saya tidak perlu jawablah.

Tentang Yang Berhormat Kuala Kedah, mengenai apa yang dirancang oleh Kementerian untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan nelayan ini, sebenarnya banyak yang dilakukan oleh pihak Kementerian selain daripada kewangan yang diberikan seperti kewangan tetap iaitu elaun sebanyak RM200, dari segi perumahan, dari segi subsidi diesel dan sebagainya. Begitu juga dari segi insentif pendaratan ikan dan sebagainya yang dibayar setiap kali kenaikan ikan dan sebagainya.

■1200

Ini juga semuanya sebahagian daripada perancangan-perancangan yang dibuat oleh kerajaan bagi membantu meningkatkan pendapatan nelayan dan sebagainya. Tentang Lumut tadi, minyak diesel yang dikatakan tidak mencukupi dari segi kuota dan sebagainya, saya akan semaklah. Secara spesifik saya akan *check* balik. Okey, saya diberi isyarat oleh Tuan Yang di-Pertua, kena laju sedikit ini. Waktu tengah hari, sudah hendak makan ini. *[Ketawa]* Maaf, puasa.

Yang Berhormat Merbok telah...

Seorang Ahli: Kuantan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Oh! Kuantan pun spesifik ya. Saya akan *check* balik kawasan perumahan, spesifik.

Yang Berhormat Merbok telah membangkitkan isu berkenaan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, tadi bantuan sara hidup RM200 belum berjalan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Bantuan RM200 itu belum. Saya katakan tadi, kita tidak ada perancangan setakat ini. Akan tetapi kita bagi secara lain yang saya sebut. Saya sudah jawab tadi.

Yang Berhormat Merbok telah membangkitkan isu berkenaan kolam ternakan udang di kawasan Merbok. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah merekodkan seluas 219 hektar ladang ternakan udang di kawasan Sungai Merbok. Secara dasarnya, pembangunan projek ternakan udang di kawasan tersebut perlu mendapat kelulusan tanah daripada Pejabat Tanah Daerah Kuala Muda Kedah. Manakala, pembangunan projek melebihi 50 ekar di kawasan hutan paya bakau perlu mendapat kelulusan kajian impak alam sekitar. Dalam usaha menggalakkan permohonan Projek Ternakan Udang Laut secara mampan dan tidak merosakkan alam sekitar, Jabatan Perikanan memberi khidmat nasihat dalam aspek pemilihan tapak yang sesuai, reka bentuk projek dan aktiviti ternakan berasaskan kepada garis panduan amalan akuakultur baik.

Bagi memastikan sumber air tidak tercemar, jabatan menekankan setiap projek ternakan perlu mempunyai kolam takungan air ternakan, air masuk dan rawatan air sisa ternakan, air buangan sebelum dilepaskan di perairan sungai. Kajian menunjukkan sisa buangan air kolam ternakan udang laut mempunyai kesan pencemaran yang jauh lebih rendah berbanding sisa yang telah dirawat dari industri yang lain. Perbandingan parameter, kandungan *Biological Oxygen Demand* (BOD) bagi sisa buangan kolam ternakan ikan, kolam ternakan udang berbanding sistem kumbahan, ternakan khinzir, kelapa sawit dan getah adalah seperti berikut:

Sisa-sisa industri / kumbahan	Kandungan <i>Biological Oxygen Demand</i> (BOD) mg/liter
Kolam ternakan udang	4 - 10.2
Kumbahan terawat	30
Kumbahan ladang khinzir	1,900 - 21,600
Kumbahan kilang kelapa sawit	10,250 - 43,750
Kumbahan kilang getah	3,500

Kementerian kini mensyaratkan ladang ternakan udang perlu berdaftar dengan jabatan ini. Ini adalah untuk memastikan ladang-ladang tersebut diiktiraf mengamalkan amalan akuakultur baik dan menepati prinsip-prinsip *bio security* bagi melayakkan hasil ternakan dijual sebagai sumber bahan mentah untuk dieksport kepada pasaran utama dunia seperti Amerika Syarikat dan negara Kesatuan Eropah.

Yang Berhormat Bayan Baru telah membangkitkan isu mengenai Malaysia International Tuna Port (MITP). Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan syarat-syarat dalam perjanjian konsesi yang telah ditandatangani di antara kerajaan dan MITP Sdn. Bhd., Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengambil alih sepenuhnya pengurusan dan operasi Projek Pembangunan Pelabuhan Tuna Batu Maung Pulau Pinang pada 9 Januari 2012. Tindakan ini diambil setelah kerajaan mendapati MITP Sdn. Bhd. tidak lagi mempunyai keupayaan untuk meneruskan projek.

Surat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertarikh 2 Oktober 2006 yang telah ditandatangani oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan pada masa itu adalah merupakan sokongan kepada syarikat konsesi dalam usaha untuk mendapatkan kemudahan pinjaman daripada institusi kewangan komersial. Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan telah memutuskan surat tersebut bukan merupakan jaminan oleh kerajaan ke atas pinjaman yang telah dibuat oleh MITP Sdn. Bhd. daripada institusi kewangan komersial.

Keputusan muktamad mengenai perkara ini akan dibuat oleh Mahkamah Persekutuan. Sehingga kini, kerajaan tidak membuat sebarang bayaran untuk menyelesaikan sebarang pinjaman yang telah dibuat oleh MITP Sdn. Bhd. berdasarkan syarat-syarat dalam perjanjian konsesi tersebut. Kerajaan hanya perlu membayar nilai-nilai kerja yang telah disiapkan oleh MITP Sdn. Bhd. Dalam hal ini, juruaudit telah dilantik oleh kerajaan bagi menentukan nilai-nilai kerja yang telah disiapkan. Kompleks pendaratan ikan di Batu Maung Pulau Pinang akan terus dikendalikan oleh LKIM bagi membolehkan pendaratan ikan daripada *vesse/* tempatan termasuk pendaratan ikan tuna dan kemudahan yang terdapat di kompleks tersebut akan dipertingkatkan mengikut keperluan dan juga keupayaan kewangan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong bangun Yang Berhormat.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Okey Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya. Saya rasa ini satu kegagalan yang tidak boleh dimaafkan dengan begitu sahaja. Ini kerana saya rasa setiap kali apabila satu konsesi diberikan, akhirnya digagalkan tetapi tiada sebarang tindakan diambil. Jadi saya ingin bertanya, adakah sebarang tindakan akan diambil terhadap MITP dan apakah ada salah laku yang telah berlaku? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya percaya jika ada kes salah laku dan jika ada kecuaihan dan menyalahi undang-undang, tentu sahaja tindakan akan diambil. Kita beri jaminan, tidak ada siapa yang akan terlepas daripada undang-undang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kalau ada *breach* macam biasa, yang tidak ada *mala fide* dan sebagainya, kita akan ambil tindakan mengikut kes. Kalau ada penipuan dan sebagainya, kita akan ambil kes berdasarkan kes yang berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi penjelasan tentang kes yang cukup penting sebab ini RM240 juta. Hanya RM10 juta kurang daripada skandal NFC. Jadi, rakyat di Pulau Pinang terutamanya di kawasan Bayan Baru cukup prihatin terhadap isu ini. Saya ada beberapa soalan. Pertama adalah kalau kes ini telah berlaku sejak 2006 dan 2012, kerajaan telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebahagian itu sudah dijelaskan oleh Menteri. Tanya yang belum dijelaskan sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey. Saya hendak tahu tentang juruaudit yang telah membuat pengiraan tentang berapa bayaran. Saya minta Yang Berhormat Menteri bagi berapa yang Kerajaan Malaysia kena bayar kepada kontraktor-kontraktor. Itu nombor satu

Kedua adalah saya difahamkan bahawa lokasi *Tuna Port* ini bercanggah dengan *Penang Second Bridge*. Kawasan itu telah disebabkan oleh perancangan yang *poor planning* sebab tempat itu memang akan didirikan projek jambatan kedua, yang akan *effect the place*. Jadi, ini adalah satu perancangan yang kurang baik dan saya minta Yang Berhormat Menteri terangkan adakah itu benar.

Ketiga adalah baru-baru ini saya pergi membuat lawatan ke tempat tersebut dan di sana saya tidak nampak apa-apa kompleks atau apa-apa pembangunan yang baru. Jadi

saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, adakah projek ini akan diteruskan sebab tidak nampak ada aktiviti pun. Saya rasa projek ini projek yang bagus. Cuma, saya minta pelaksanaan itu perlu ditingkatkan.

■1210

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Mengenai *detail* bayaran kepada kontraktor itu, kita akan beri secara bertulislah sebab saya tidak ada *detail* di sini sebab itu melibatkan perkara yang *detail*. Saya tidak ada di sini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]: [Bangun]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tentang projek Jambatan Kedua Pulau Pinang itu, sebenarnya *Tuna Port* itu sudah pun dirancang lebih awal daripada jambatan Pulau Pinang ini. Jadi ianya telah pun ada di situ. Saya percaya LKIM masih lagi menguruskan bangunan yang ada itu. Cuma bezanya dahulu kita diuruskan oleh MITP yang sepatutnya menjalankan projek tersebut tetapi kerana kegagalan MITP, jadi ianya diambil alih oleh LKIM. Itu sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjung Karang, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri apabila saya pergi buat lawatan, tidak ada aktiviti bot tuna yang datang ke kompleks tersebut. Kompleks tersebut yang cukup besar tetapi cuma ada segelintir nelayan tempatan yang pergi tangkap ikan sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Itu sebab saya hendak tanya, adakah LKIM atau aktiviti tuna itu masih dijalankan. Kita mahu *tuna trade to come to Penang*. Itu sebab kita belanja RM240 juta. Jadi saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Tanjung Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa salah satu kegagalan MITP ini adalah kerana tidak ada kerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Oleh kerana apabila projek hendak dilaksanakan, ia melibatkan kuasa kerajaan negeri untuk mengambil kawasan-kawasan dalam perairan.

Kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa MITP ini perjanjiannya telah pun dibatalkan seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, kerana itu hari ini kerja-kerja itu diuruskan oleh LKIM. Mungkin dia tidak berapa dengar apa Yang Berhormat Menteri cakap tadi. Jadi oleh kerana urusan ini diuruskan oleh LKIM, kerja-kerja kontrakturnya telah pun dihentikan kerana itu Yang Berhormat bersetuju atau tidak bahawa kerajaan tidak akan mengeluarkan satu sen duit pun untuk mengganti rugi duit projek-projek MITP ini. Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: [Bangun]. Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Nibong Tebal. Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Susulan daripada soalan Yang Berhormat Bayan Baru. Saya ingin tahu, kenapa operator daripada Taiwan meninggalkan *Tuna Port* di Pulau Pinang itu? Sebenarnya dia tinggal itu semasa zaman BN, bukan semasa Pakatan Rakyat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Dari segi soal Taiwan meninggalkan *Tuna Port* dan sebagainya, saya rasa itu adalah soal *business*. Itu soal, urusan *business* dan sebagainya. Jadi saya pun tidak dapat memberikan penjelasan kenapa, mungkin ada isu-isu tertentu yang menyebabkan syarikat itu, dengan soal yang tidak dapat kita tahu. Jadi saya tidak dapat hendak jawab pada Dewan ini. Itu adalah soal *business*. Akan tetapi soalnya, saya percaya yang membimbangkan Dewan ini ialah bimbang jikalau pihak

kerajaan terpaksa menanggung kerugian dengan membuat bayaran yang besar akibat daripada kegagalan projek ini.

Sebenarnya seperti yang saya sebutkan tadi bahawa, kita tidak membayar apa-apa ganti rugi kepada pihak MITP, sebaliknya hanya membayar setakat kerja-kerja yang telah pun dilaksanakan. Port ini masih lagi digunakan oleh nelayan-nelayan tempatan. Walaupun mungkin tidak lagi...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]: Peraturan Mesyuarat 36(12). Merujuk kepada Yang Berhormat Nibong Tebal, Peraturan Mesyuarat 36(12) mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan ahli itu boleh dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. *[Dewan riuh]* Dengarlah dahulu Peraturan Mesyuarat.

Tadi saya hendak rujuk Yang Berhormat Nibong Tebal yang dikaitkan dengan usaha Taiwan. Dia kata seorang usahawan Taiwan meninggalkan MITP. Jadi bagi saya ini satu perkara yang mengelirukan Dewan. Kalau Yang Berhormat tidak ada fakta yang betul, kita boleh ambil tindakan di bawah 36(12). Ini mengelirukan Dewan.

Oleh sebab sebagai bekas Menteri, saya tahu tidak ada terlibat Taiwan. Macam mana Yang Berhormat dalam Dewan ini, sebagai bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, boleh mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan. Ini satu tuduhan yang mengelirukan Dewan.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Nibong Tebal tidak ada niat untuk mengelirukan Dewan Yang Berhormat. Tidak apalah, mungkin fakta yang ada pada dia berbeza dengan fakta yang ada pada kementerian.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Hendak saya bagi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah, Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Menteri habiskan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, kita akan bagi jawapan secara bertulis ya kepada Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi, saya cuma hendak tahu apa perancangan *moving forward* sebab saya pada tahun 70-an sampai ke tahun 90-an lebih kurang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah tiga kali Yang Berhormat sebut perkara ini ya. Dengar tadi sudah tiga kali diulang-ulang fasal perancangan masa hadapan port ya. Saya rasa kementerian sudah ambil perhatian.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh, boleh. Terima kasih. Akan tetapi apabila Yang Berhormat Tanjung Karang kalah hujah, dia pakai peraturan. Ini tidak *gentleman*lah kalau boleh bagi hujah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...*[Dewan riuh]* Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey untuk maklumat Yang Berhormat, kita pihak kementerian sedang membuat perancangan untuk meneruskan projek tersebut dan kita sedang berunding bagaimana kita hendak meneruskan projek tuna tersebut.

Maknanya bukan kita *stop* setakat itu sahaja, kita akan teruskan lagi. Kita akan mencari jalan penyelesaian. Projek tuna akan kita teruskan kerana kita mempunyai

tanggungjawab, kerana kita telah pun menandatangani perjanjian, dan kita mempunyai *volumes* tertentu yang perlu kita penuhi dan tanggungjawab kita untuk memenuhi jumlah-jumlah yang telah pun kita persetujuan di dalam perjanjian kita untuk kita dapatkan jumlah tuna ini...

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: [Bangun]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi di dalam kes ini kita bukan sahaja kita akan dapatkan melalui pelabuhan di Pulau Pinang ini, tetapi kita juga sedang mencari kawasan-kawasan lain yang boleh kita jadikan sebagai pelabuhan tuna untuk mendapatkan lebih banyak tangkapan tuna bagi memenuhi persetujuan yang dicapai tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Langkawi bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang Berhormat Langkawi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sangat menarik apabila kita lihat masalah di Pulau Pinang dari segi teknikal dan sebagainya tentang industri tuna ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, di atas kenyataan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi untuk mencari tempat-tempat lain bagi pembangunan industri tuna. Jadi, apakah mungkin Langkawi boleh dijadikan sebagai salah satu tempat itu? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Beberapa kawasan kita kenal pastilah. Jadi saya tidak dapat hendak beritahu, Langkawikah, Perak dan sebagainya. Akan tetapi ada beberapa kawasan yang kita *identify*, kita kenal pasti dan kita akan berikan tumpuan. Kita akan umumkan nanti.

■1220

Yang Berhormat Tanjong Piai telah membangkitkan isu berkenaan pengeksporan sarang burung walet ke negeri China dan pelaksanaan sistem *radio frequency identification* atau pun ringkasnya FRID. Untuk makluman Yang Berhormat, kedudukan terkini mengenai pengeksporan sarang burung walet siap bersih ke negara China ialah selepas memperoleh keputusan hasil pengauditan dari CNCA dan satu mesyuarat membincangkan hasil pengauditan dibuat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menghantar pasukan runding cara ke sembilan loji pemprosesan yang telah diluluskan.

Pasukan ini dibentuk bagi memberikan khidmat nasihat bertujuan membantu loji pemprosesan melakukan tindakan pembetulan ke atas setiap ketidakakuran yang disenaraikan oleh pihak CNCA. Seterusnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan melaksanakan pemeriksaan pengauditan ke atas sembilan loji tersebut bagi memastikan setiap pembetulan dilaksanakan dengan betul. Ini berikutnya akan diikuti dengan laporan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berkaitan tindakan pembetulan yang telah dilakukan oleh setiap loji tersebut kepada pihak CNCA untuk tujuan pendaftaran kelulusan. Dalam tempoh sebulan dari sekarang adalah dijangkakan pihak AQSIQ akan dapat memberi kelulusan lesen pengimport kepada loji-loji berkenaan.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai isu pengeksporan sarang burung walet, saya ingin mendapat maklumat sama ada negara jiran kita Indonesia dan Thailand sudah berjaya untuk mengekspor dan dari segi Malaysia dijangka untuk tahun ini, berapa kilang untuk mungkin diluluskan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan lebih banyak kilang pemprosesan sarang burung walet dapat diluluskan dan bila sarang burung walet mentah akan dapat diekspor ke negara China.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Mengenai burung walet ini, Kuala Krai merupakan, saya *claim*, merupakan tempat yang kedua paling banyak menghasilkan sarang burung ini selepas Setiawan, Perak. Pembangunan industri burung walet di Kuala Krai ini sudah menjadi satu fenomena di mana ada kawasan luas yang dibangunkan dengan bangunan-bangunan

tinggi yang memang khusus untuk burung walet. Bukan seperti sesetengah tempat di mana tingkat-tingkat atas bangunan *diconvert* dengan izin, kepada sarang burung.

Jadi, industri burung walet di Kuala Krai ini sudah memakan belanja modal yang tinggi bagi pengusaha-pengusaha. Akan tetapi apabila harga jatuh kerana ada negara-negara yang biasa mengimport tidak mengimport sarang burung ini daripada Malaysia, maka kesan yang berlaku terhadap pengusaha ini amat tinggi. Jadi, apa langkah Kementerian untuk memastikan bahawa pengeksporan ini dapat berjalan seperti biasa. Kalau gred ataupun pencemaran menjadi isu kepada sarang burung ini dengan *nitratnya* dan sebagainya, maka apa langkah Kementerian untuk memastikan pengusaha-pengusaha ini mematuhi standard yang minimum ini supaya pengeksporan dan harga dapat dikawal dan pelaburan yang begitu banyak tidak merugikan. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Untuk makluman Dewan, sebenarnya ada dua jenis sarang burung walet yang diekspor. Pertamanya ialah yang dibersihkan iaitu *raw and clean* dan keduanya, *raw and unclean* dengan izin. Untuk *raw and clean*, ianya telah pun dibenarkan oleh Kerajaan China, telah pun diluluskan iaitu dengan syarat-syarat tertentu. Ada tujuh kilang pemprosesan yang telah pun diluluskan, tujuh. Dua diluluskan dengan syarat diperbetulkan kesilapannya dan empat telah ditolak. Ini peringkat yang mula-mula dulu, pihak daripada Kerajaan China telah pun datang untuk membuat pemeriksaan di kilang yang memproses sarang-sarang burung tersebut.

Jadi selepas saja diproses, selepas *dicheck*, dibuat pemeriksaan dan sebagainya, mereka telah pun meluluskannya untuk *raw and clean* tersebut. Jadi, kita sudah pun boleh untuk mengekspornya. Akan tetapi belum lagi untuk *raw and unclean* kerana sebab-sebab tertentu. Ini kerana mereka juga takut dengan membawa sarang burung yang masih belum diproses, penyakit dan sebagainya mungkin akan dibawa melalui sarang-sarang burung tersebut.

Untuk pengetahuan Dewan, sebenarnya Thailand dan Indonesia belum mendapat kelulusan daripada Kerajaan China untuk diekspor produk sarang burung mereka ke negeri China. Jadi, kita sebenarnya telah pun mendapat kelulusan tetapi untuk *raw and clean*. Jadi cuma untuk *raw and clean* ini apabila diekspor mesti syaratnya adalah mesti daripada kilang proses yang telah dikenal pasti, diluluskan oleh mereka. Keduanya, mereka mesti dapat mengesan ataupun daya jejak, dari segi *traceability* tadi, mesti. Ini kerana mereka hendak tahu daripada mana, kerana ada juga peniaga-peniaga kita yang dulunya dikatakan nakal. Membawa daripada negara-negara lain Indonesia misalnya. Produk daripada Indonesia tidak dibenarkan dibawa ke China kerana masalah H1N1 di Indonesia dan sebagainya.

Jadi ada peniaga kita yang nakal, bawa daripada Indonesia, bawa ke negeri China. Itu tidak dibenarkan oleh negara China. Jadi, mereka hendak kesan jejak daripada mana asalnya. Jadi, dia minta supaya ada *traceability* itu dan itu yang dulu ramai yang marah kerana RFID dan sebagainya. Jadi, sekarang kita benarkan apa saja alat yang boleh dikesan daripada mana asal-usulnya itu kita benarkan, tidak kira apa pun alat itu.

Ketiga, mesti dapat sijil kesihatan daripada Kementerian Kesihatan. Mungkin ini *nitratnya*, tidak boleh lebih daripada, kalau tidak silap saya 30. Jadi, tiga syarat tersebut menjadikan syarat utama dan boleh kita eksport ke China.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Boleh ringkas, banyak.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Soalan ringkas saja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya ada banyak lagi ini.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ringkas, ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jawab secara bertulis.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh tidak saya habiskan dulu. Selepas itu kalau ada waktu lagi...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Tentang sarang burung juga, ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah macam itu Yang Berhormat. Kalau Menteri tidak bagi, tidak payah *argue*.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, kalau ada lagi sarang burung itu, boleh buat bertulis dekat saya, saya jawab bertulis boleh? Seterusnya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau soal sarang lain-lain boleh tulis tidak Menteri?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sarang apa? Kalau sarang lain, jumpa saya di luar. Yang Berhormat Tasek Gelugor membangkitkan isu berkenaan dengan ladang khinzir di Kampung Selamat.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Timbalan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ladang khinzir?

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Ya. Berkenaan dengan ladang khinzir.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Belum lagi, saya belum jawab lagi.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: *Sorry*.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya jawab dulu.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Okey.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 78 ladang khinzir beroperasi di Kampung Selamat. Jabatan Perkhidmatan Veterinar mewajibkan semua penternak khinzir menyediakan sistem rawatan air kumbahan dari ladang khinzir dan akur kepada piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri bersama dengan pihak berkuasa tempatan bekerjasama menguatkuasakan Undang-undang Kecil Tempat Memelihara Babi, Majlis Daerah supaya ladang babi menyediakan rawatan air kumbahan keluaran ladang babi dan akur kepada piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

■1230

Untuk makluman, Jabatan Alam Sekitar sedang menggubal peraturan baru untuk kawalan pencemaran dari aktiviti penternakan dalam jangka panjang. Kegiatan penternakan babi di Kampung Selamat khususnya di Pulau Pinang amnya, tidak sesuai lagi dan pihak yang sepatutnya mengambil tindakan adalah kerajaan negeri iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sepatutnya mengambil tindakan untuk menutup ladang tersebut. Akan tetapi kerajaan negeri membiarkan perkara ini dan melepaskan kepada agensi lain ataupun jabatan lain. Jadi saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinanglah bantu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang jangan tolak kepada orang lain. Kita harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang bantu tutup ladang itu. Tasek Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya mendapati bahawa kes ini adalah merupakan satu kes yang begitu berat melibatkan lebih kurang 351 hektar kawasan sawah padi di mana saluran-saliran yang berkaitan seperti di Sungai Kereh merupakan saluran yang membawa hasil-hasil buangan ataupun sisa-sisa buangan daripada ladang babi di kawasan Kampung Selamat. Jadi perkara ini sudah begitu kita katakan mendukacitakan petani-petani di kawasan tersebut dan di mana kita dapati petani-petani di situ kebanyakan boleh dikatakan hampir keseluruhannya adalah petani-petani yang beragama Islam dan pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang juga telah pun mengeluarkan pandangan mereka bahawa keadaan tersebut tidak boleh dibiarkan berlaku.

Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri oleh sebab Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak dapat membuat keputusan itu lagi, kalau boleh ada campur tangan daripada

Kerajaan Persekutuan melalui agensi-agensi dan peraturan-peraturan yang boleh digunakan bagi menyelesaikan masalah pencemaran najis babi terutama sekali di kawasan sawah-sawah padi yang mana petani-petani adalah beragama Islam. Manakala dari segi penyakit juga mereka sering kali mengalami penyakit-penyakit kulit akibat daripada pencemaran najis babi tersebut. Jadi mohon perkara ini diambil tindakan yang paling segera. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Seperti saya sebut tadi, undang-undang kecil majlis misalnya, ini di bawah undang-undang kecil majlis, di bawah kerajaan negeri. Ini kadang-kadang susah kita hendak selesaikan kerana kuasa kerajaan negeri di dalam isu yang melibatkan soal tanah dan sebagainya dan ini melibatkan soal ladang babi dan sebagainya, lebih kepada kuasa kerajaan negeri.

Kita dari segi prosedur, cara ternakan mungkin kita boleh beri nasihat. Kalau ada pemeliharaan babi misalnya, kita boleh beritahu dia berapa besar kolam, berapa luas kolam dan sebagainya, berapa biji kolam yang perlu ada untuk kumbahan. Kawasan ini kawasan yang kecil, mungkin sudah tidak sesuai. Kolamnya mungkin tidak cukup lagi, sudah tidak cukup luas untuk menampung.

Kita beri nasihat dan oleh kerana kawasan itu terhad, jadi sudah tidak sesuai. Kita beri pandangan kawasan ini tidak sesuai. Jadi, kerajaan negeri yang sepatutnya. Misalnya Nibong Tebal pernah jadi Timbalan Ketua Menteri, dia patut ambil tindakan. Ini Bagan misalnya, dia Ketua Menteri. Patutnya dia yang faham tentang sensitiviti masyarakat ataupun orang Islam di kawasan Tasek Gelugor yang terpaksa berdepan dengan air daripada kumbahan atau air ladang babi yang masuk ke sawah mereka dan sebagainya. Patutnya isu ini patut mereka fikir. Akan tetapi apa yang berlaku, mereka tolak isu ini kepada Kerajaan Persekutuan yang bukan kuasa kita.

Jadi saya haraplah dalam Dewan ini, saya hendak minta kepada wakil yang ada di sini yang daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya tolong bantu petani-petani daripada Tasek Gelugor supaya boleh selesaikan isu ini bersama-sama dengan pihak kementerian. Kita akan cuba bantu Tasek Gelugor untuk selesaikan isu tetapi mesti dengan kerjasama daripada kerajaan negeri. Tanpa kerjasama kerajaan negeri, kita tidak boleh selesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Hendak habis sudah, hendak habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah, ya.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Respons pendek saja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey bagi respons ya.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas cadangan itu, kita akan bawa balik tetapi untuk makluman Dewan, masalah khinzir di Kampung Selamat ini daripada tahun zaman pemerintahan Tun Dr. Lim Chong Eu lagi. Itu yang itu, kalau hendak tahu dia punya sejarahnya itu, masa itu.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Jadi sudah berpuluh masalah itu Tuan Yang di-Pertua. Namun demikian kita sedang ambil beberapa langkah tetapi bukanlah bagi penerangan di dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, itu masalah dalam negeri kita.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey saya habislah. *Very straight forward* ini saya habiskanlah. Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Baling.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya tidak bagi jalanlah, saya hendak habiskan. Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Baling telah membangkitkan isu mengenai bantuan kepada para petani luar bandar. Kementerian telah melaksanakan pelbagai program bantuan dalam sektor pertanian yang meliputi segenap peringkat bermula dari pengeluaran sehingga kepada pemasaran. Program bantuan tersebut diperkenalkan bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agro makanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan dan meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani.

Antara program bantuan yang disediakan pada masa ini adalah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan, Skim Subsidi Harga Padi, Subsidi Harga Beras, Insentif Peningkatan Hasil Padi, Skim Insentif Pengeluaran Padi, Insentif Benih Padi Sah, Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan, Elaun Sara Hidup Nelayan, Insentif Hasil Tangkapan, Geran Pemandaran kepada Pengusaha Industri Asas Tani, Insentif Teknologi Amalan Pertanian Baik, Insentif Harta Intelek.

Selain daripada itu bagi memperkasa industri pertanian di luar bandar juga khidmat nasihat teknikal, kursus dan latihan pertanian turut disediakan dengan penekanan kepada bidang agronomi tanaman, perlindungan tanaman, penggunaan racun makhluk perosak, berhemah melalui pengurusan perosak bersepadu, pengurusan tanah, pengeluaran produk berkualiti, kejuruteraan pertanian dan aspek kuarantin tanaman.

Yang Berhormat Sik telah membangkitkan isu mengenai bidang agro pelancongan di Sik. Di kawasan Sik, Kedah hanya terdapat satu pusat agro pelancongan yang dikendalikan sektor swasta, Excel Agrotech Sdn. Bhd. dengan kerjasama kerajaan iaitu ladang anggur Tasik Beris, Sik, Kedah. Pusat pelancongan lain di Daerah Sik adalah bersifat ekopelancongan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) melalui Pembangunan Muda Resort atau Ulu Muda Interpretation Centre di Tasik Muda.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sik bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Dato' Sri Menteri, Dato' Sri Menteri pun ada sebut bahawa agro pelancongan di Sik hanya ada satu daripada swasta. Saya hendak tanya bilakah kerajaan akan memperkasakan agro pelancongan dari segi komitmen dari segi kerajaan - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, kita akan kenal pasti beberapa lagi projek agro pertanian yang lain yang boleh kita bangunkan di bawah kementerian.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Dato' Sri, Yang Berhormat Menteri sebab Sik ini terlalu tertinggal sangat. *Please accelerate*, percepatkan *development* Sik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, kita akan bantu, kita akan *check* mana-mana kawasan yang boleh kita bangunkan oleh kerajaan oleh kementerian kita akan bangunkan untuk agro pelancongan ini. Jadi saya kira itu sahajalah yang saya hendak...

■1240

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Menteri, celah sedikit. Semalam saya suruh Yang Berhormat Menteri semak ada soalan daripada Yang Berhormat Ampang. Ada dalam bahas saya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ada soalan Yang Berhormat Ampang mengenai NFC.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yes.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Akan tetapi soalan itu mengenai – saya semak semalam ialah mengenai perancangan untuk mendapatkan balik wang. Jadi itu lebih kepada Kementerian Kewangan. Saya percaya Kementerian Kewangan akan jawab.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Mungkin salah catat juga. Bahagian yang kedua saya minta, apakah perancangan selanjutnya bagi pihak kementerian bagi memastikan bahawa projek ini dikembalikan atau pun diteruskan. Ini kerana projek itu apabila dibuat adalah untuk orang Melayu, untuk orang kampung, bagaimana mereka hendak dimanfaatkan sedangkan projek ini sudah tergendala. Jadi ini satu projek *landmark* yang telah menjatuhkan kerajaan atau merudum sokongan Barisan Nasional 47%.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab bagaimana projek ini harus diteruskan kerana objektif projek ini mulanya, awalnya adalah untuk membantu orang Melayu di kawasan-kawasan kampung. [*Dewan riu*] Projek ini telah menjadi satu *landmark* dalam negara kita dan telah menipu rakyat. Jadi, apakah perancangan kementerian untuk meneruskan agar manfaat ini terus dapat dinikmati oleh orang-orang Melayu yang sepatutnya dapat dari projek ini. Yang Berhormat Kota Belud kenapa hendak bisung? Diam!

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sebenarnya kalau kata projek ini bertujuan hendak tipu rakyat itu tidak betul. Bulan puasa ini tidak sepatutnya kita cakap macam itu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kalau duit itu RM250 juta sudah diselewengkan, tidakkah tipu namanya itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Projek...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang, ini bulan puasa Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tidak mengapa. Yang Berhormat Menteri, jawablah *what is your future plans, so that we see how we can help the Malays*. Itu yang penting, dengan izin.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang, ini bulan puasa. Sabarlah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Duduk.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ini standard sabarlah ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Projek ini melibatkan *satellite farm*. *Satellite farm* daripada rakyat itu masih lagi ada. Dia sebagai *anchor*. NFC ini sebagai *anchor* kepada *satellite farm* yang lain, seperti Yang Berhormat kata rakyat tadi. Projek-projek *satellite farm* rakyat ini masih lagi ada seperti biasa dan kita masih lagi bantu *satellite-satellite farm* ini. Ia tidak ditutup walau pun ada masalah di peringkat NFC, ianya tidak ditutup. *Satellite farm* ini tidak ditutup. Kita masih bantu. Yang ada masalah ini adalah daripada peringkat NFC sahaja. Perancangan NFC itu dan berbagai-bagai perancangan itu yang ada masalah tetapi kita masih bantu di peringkat bawah ini. Tidak ada masalah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Dari segi kewangan bagaimana? Kalau *you* bantu dia orang *there must be financial input*.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Untuk NFC dari segi perancangan apa yang NFC akan lakukan selepas ini, itulah akan dilakukan oleh pihak Kementerian Kewangan. Mungkin dia ada perancangan lain bagaimana hendak bantu NFC sama ada mungkin ada syarikat lain akan *take over* dan sebagainya. Itu Kementerian Kewangan akan jawablah. Mungkin ada syarikat lain yang akan *take over* dan sebagainya. Itu saya tidak tahu. Saya tidak boleh beri jawapan bagi pihak Kementerian Kewangan sekarang. Akan ada jawapan nantilah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Akan tetapi saya persoalkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana hendak tahu perancangan selanjutnya bagaimana.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kita sudah serahkan kepada - NFC...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: ...Agar projek ini menjadi satu projek yang berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak mengapa Yang Berhormat. Mungkin Kementerian Kewangan akan *pick up* soalan ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, Kementerian Kewangan *pick up the question*. Saya tidak mahu nanti *contradict* jawapan saya dengan jawapan dia.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan perkara ini, ini bukan soal kewangan. Bukan dari sudut kewangan. Boleh saya tanya? Berhubung dengan NFC semestinya ianya mempunyai satu matlamat untuk menyelesaikan masalah bekalan daging di negara ini. Ianya bukan satu projek yang saja-saja diadakan. Dengan izin, *it was meant to fulfill a need* – ada keperluan. Sekarang ini projek itu sudah gagal!

Apabila Yang Berhormat Menteri menjawab maka *satellite-satellite* itu masih ada dan sebagainya seolah-olah dengan sendirinya Yang Berhormat Menteri memberikan gambaran bahawa projek itu pada dasarnya tidak perlu. Gagal pun tidak mengapa! Lalu saya rasa yakin bahawa keperluan untuk adanya bekalan daging yang mencukupi dan mengurangkan pergantungan negara kepada daging import. Itulah matlamat di sebalik projek NFC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Cukuplah, cukup, saya faham.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dari sudut kewangan sekarang ini, soalan saya – baru hendak pergi kepada soalan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Cukup, cukup.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Soalan belum ada lagi Yang Berhormat Menteri. Biarlah saya tanya soalan itu dahulu. Soalannya setelah NFC ini jelas gagal kerana telah pun diselewengkan, apakah tindakan kementerian untuk memenuhi keperluan negara dari sudut bekalan daging? Ini soalannya. Baik. Terima kasih.

Seorang Ahli: Soalan bagus!

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Memang baguslah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Pertamanya Yang Berhormat Shah Alam tidak faham soalan. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang tadi ialah mengenai seolah-olah kita tidak menjaga kepentingan rakyat. *Satellite farm* tadi yang seolah-olah...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *No, wait!* Seolah-olah *satellite farm* tadi dibiarkan apabila NFC habis, habislah orang kampung tadi yang menjadi *satellite farm*. Saya jawab yang itu. Soal lembu, soal daging tidak cukup dan sebagainya, bukan ini sahaja projek di bawah kementerian untuk kita mendapatkan bekalan daging mencukupi untuk negara. Bukan satu projek ini sahaja. Banyak projek-projek lain yang kita rancang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *No, wait.* Ini *time* saya, *my floor*. Jadi banyak lagi projek-projek lain yang dirancang untuk menambahkan bekalan negara di bawah Dasar Agro Makanan Negara. Salah satunya NFC. Yang lain-lain banyak lagi. Jadi..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maknanya dengan sendirinya...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: *Wait, wait.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat dengar Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri mengatakan projek itu tidak perlu. Gagal pun tidak mengapa! Ini masalahnya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Bukan tidak perlu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya berharap Yang Berhormat Menteri memikir dengan jelas jawapan yang diberikan kerana jawapan Yang Berhormat Menteri beri ini macam ada banyak projek. Projek ini tidak ada tidak mengapa. Gagal pun tidak mengapa. *If that is what you are saying*, ianya perlu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Bagilah Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maka seharusnya bila sudah gagal ada penggantian. Mesti ada satu cara untuk mengatasi kegagalan ini. *It was a very important project.*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya sudah sebut.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Berbelanja RM200 lebih juta.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Sudah?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: So bila sudah gagal tidak boleh Yang Berhormat Menteri kata oh tidak mengapa, dia gagal. Ada banyak lagi projek-projek lain. Bila Yang Berhormat Menteri jawab begitu memberikan implikasi tidak penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sabar Yang Berhormat Shah Alam. Bulan puasa ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Keduanya, sekali lagi – Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam. Sekali lagi Yang Berhormat Shah Alam tidak faham apa yang saya jawab.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia lapar.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya sudah beritahu bahawa pengurusan seterusnya mengenai soal NFC ini telah pun kita serahkan kepada Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan selepas ini kalau dia hendak meneruskan, hendak lantik *company* lain *take over* NFC dan sebagainya untuk meneruskan projek ini dan sebagainya, saya serahkan kepada Kementerian Kewangan. Kalau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh diberikan tanggungjawab, kita boleh pilih *company* lain untuk *take over* dan sebagainya, kita boleh teruskan projek ini. Akan tetapi sekarang ini bukan kita.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kita sudah beri kepada Kementerian Kewangan, sahabat saya ini. Jadi dia akan *take over* projek ini dan mungkin ada *company* lain agaknya yang saya tidak tahu. Mungkin *company* lain akan teruskan projek ini. Jadi projek ini akan berjalan lagi. Mungkin, saya pun tidak tahu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi maknanya Yang Berhormat Shah Alam ini tidak faham. Dia ingat kita tuntutan *company* ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri tidak faham hujah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskanlah Yang Berhormat Menteri. Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi, saya sudah habis tadi. Saya sudah terima kasih tadi tetapi Yang Berhormat Ampang bangun.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Betullah tetapi kementerian kena bertanggungjawab.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi projek yang begitu penting itu kita tidak boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat lain, duduklah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Yang RM200 juta...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *That's why* kementerian mesti ada satu pendirian memberi pertanggungjawaban ke atas projek itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu duduklah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Perkara yang begitu penting tidak mungkin kita tidak boleh gunakan lima minit, 15 minit untuk jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah perjelaskan Kementerian Kewangan akan jawab isu yang lain dalam perkara ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Satu lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Untuk makluman, Kementerian Kewangan akan menjawab esok. *Second last ministry.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Because* isu ini bukan dalam isu - Mengikut soalan ini ialah...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini bukan soal kewangan. Ini soal pertanian. Ini bukan soal kewangan. Soal kewangan itu soal kedua. Itu telah disoalkan oleh Yang Berhormat Ampang. Akan tetapi ini soal pertanian.

■1250

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, jangan macam itu Yang Berhormat Shah Alam. Nanti peguam datang sini bangun Yang Berhormat, salah peraturan. Tidak boleh. Saya jemput Kementerian Luar Negeri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua kerana dia kata saya tidak faham. Sedangkan saya faham. Dia yang tidak faham apa yang saya faham. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Projek...

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak faham tetapi tidak mahu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Silakan Yang Berhormat Menteri.

12.50 tgh.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari 26 Jun hingga 4 Julai 2013. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Marang telah membangkitkan agar Malaysia mengambil tindakan terhadap isu pembunuhan penduduk beragama Islam di Myanmar melalui saluran-saluran antarabangsa. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia telah sekian lama memberikan komitmen dengan pendirian yang jelas terhadap isu etnik Rohingya di Myanmar. Usaha-usaha Malaysia adalah berlandaskan konsep gerakan kesederhanaan global termasuklah secara dua hala dengan Kerajaan Myanmar. Di peringkat serantau dan antarabangsa, khususnya di bawah kerangka Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia juga memainkan peranan yang penting dalam menangani isu ini.

Dalam konteks hubungan dua hala, Malaysia telah melahirkan kebimbangan terutamanya kepada keadaan dan kesejahteraan penduduk-penduduk minoriti Islam Rohingya di Rakhine yang terjejas akibat kehilangan tempat tinggal berikutan perbalahan etnik ini. Ia dibuat menerusi beberapa kenyataan akhbar dan juga pertemuan di antara Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan Menteri Luar Myanmar yang mana Malaysia telah menggesa Kerajaan Myanmar untuk mengambil langkah dan tindakan segera bagi menyelesaikan konflik tersebut dan membawa pihak yang terbabit ke muka pengadilan secara telus dan adil.

Malaysia juga menyeru agar Kerajaan Myanmar menerima semula rakyat Myanmar termasuk Rohingya yang berada di Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia bekerjasama dengan Kerajaan Myanmar menerusi Kedutaan di Malaysia dalam usaha menghantar balik rakyat Myanmar yang menjadi pelarian di negara ini.

Di peringkat ASEAN pula, pendirian Malaysia adalah selaras dengan prinsip ASEAN sebagai sebuah organisasi yang tidak mencampuri urusan dalam negara-negara anggotanya. Bahkan ia juga sejajar dengan amalan ASEAN untuk mengadakan hubungan yang membina dengan izin, *constructive engagement*...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: [Bangun]

Dato' Hamzah bin Zainudin: Dalam bersama-sama mencari penyelesaian sesuatu isu yang melibatkan salah sebuah negara anggota ASEAN.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ketereh bangun Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: [Bangun]

Dato' Hamzah bin Zainudin: Dalam hubungan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah membangkitkan isu ini sekali lagi semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-46 di Brunei pada 30 Jun. Malaysia menyatakan kebimbangan terhadap persepsi negatif masyarakat antarabangsa dalam isu ini yang mana ASEAN dilihat tidak tegas dalam

mencari penyelesaian untuk melindungi keselamatan dan hak minoriti Islam Rohingya di Myanmar. Kerajaan Malaysia juga berharap Kerajaan Myanmar akan terus mengambil tindakan yang serius dan secara telus untuk menyelesaikan konflik ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita maklum, masalah yang berlaku di Myanmar bukan hanya setakat di negara Myanmar kerana ia telah membawa akibat kepada wujudnya pelarian yang sebahagiannya adalah berada dalam negara kita dan menjadi beban kepada negara kita.

Malaysia adalah antara beberapa buah negara Islam yang menganggotai ASEAN. Apabila peristiwa kezaliman yang dilakukan kepada golongan minoriti Islam di negara Myanmar, Malaysia seharusnya menunjukkan ketegasan yang lebih lagi daripada apa yang ditunjukkan sekarang.

Walaupun kita memahami kita mempunyai dasar luar yang seperti mana kita amalkan dasar tidak mencampuri urusan dalaman tetapi oleh kerana ia menjejaskan kita secara langsung, sepatutnya Malaysia boleh menunjukkan ketegasan yang lebih supaya kezaliman yang dilakukan terhadap umat Islam di negara Myanmar itu dihentikan dengan segera. Apakah cadangan kerajaan kalau sekiranya penganiayaan terhadap minoriti Islam di Myanmar itu terus berlaku? Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Wisma Putra bagi memastikan suara kita didengar?

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tajuk yang sama Yang Berhormat. Saya hendak tambah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Beri kepada Yang Berhormat Tumpat. Saya terpandang Yang Berhormat Tumpat dahulu.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mentang-mentang saya gelap, tidak nampak Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Selepas ini, selepas ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya pun hampir sama dengan rakan Yang Berhormat Ketereh yang melihat bahawa Wisma Putra amat perlahan, lembut dan betul-betul terlalu sederhana dalam menghadapi isu penganiayaan pembunuhan rakyat Myanmar dalam kalangan orang-orang Islam di sana...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Saya mengakui bahawa kenyataan terakhir Menteri Luar di Sidang ASEAN pada 30 Jun sedikit menunjukkan ketegasan yang kita harapkan. Salah satu organisasi antarabangsa Yang Berhormat Menteri tidak sebutkan tadi ialah OIC yang mana OIC telah cuba untuk terlibat membantu penganiayaan terhadap rakyat Islam di Myanmar itu. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri sudah tentu tahu bahawa Kerajaan Myanmar tidak membenarkan OIC beroperasi membuka pejabatnya di Myanmar. Adakah kita sekarang ini ingin lebih tegas daripada biasa dalam kes seperti ini dan menekankan supaya OIC diberikan peranan yang lebih berkesan dengan sokongan daripada kita dalam kes Myanmar ini? Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terpandang Yang Berhormat Baling dahulu Yang Berhormat.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya dahulu.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dan sokong Yang Berhormat Tumpat cakup tadi. Saya ini mungkin dalam ramai-ramai ini dalam Dewan yang mulia ini hanya saya seorang yang bertuah sudah sampai ke Sittwe di *Rakhine State* dalam usaha membantu rakyat dalam kalangan orang Islam ditindas, dibunuh dan sebagainya, saya berada selama sembilan hari di situ. Betul, yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tumpat tadi memang OIC tidak dibenarkan sama sekali masuk ke situ untuk dalam usaha memberikan bantuan kemanusiaan. Rakyat Malaysia 28 juta telah kumpul untuk menyumbangkan bantuan makanan. Kita telah membawa 500 tan makanan melalui kapal, sampai ke sana selama 28 hari.

Jadi apa yang saya hendak nyatakan kepada kerajaan, kalau boleh, kita memandang serius berkaitan dengan isu ini. Marilah kita bersama-sama seluruh warga Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kita bekerja atas nama kemanusiaan, bukan atas nama politik. Kita bantu mereka. Ini kerana pengalaman saya sewaktu saya berada di situ, kami telah disekat, dikawal 100% oleh kerajaan mereka sehinggakan hampir susah untuk kita sampai ke kawasan untuk diberikan bantuan makanan. Jadi saya minta kerajaan, Menteri Luar...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Untuk memantau kes ini dan kita boleh ambil satu keputusan yang konsensus untuk membantu atas nama kemanusiaan kepada rakyat Rohingya di *Rakhine State*, Sittwe ini. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri kepada Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Perkara yang sama. Nanti jawab sekali. Boleh?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Batu, berilah Yang Berhormat Batu ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih. Penzaliman Kerajaan Myanmar terhadap rakyatnya sendiri bukan bermula sekarang. Sudah berpuluh tahun. Nampaknya kerajaan tetap mengamalkan yang disebut *engagement* yang *constructive*, yang membina. Ia gagal untuk pujuk Myanmar untuk kembali kepada semangat ASEAN sebagai anggota ASEAN selain daripada menikmati faedah sebagai ahli ASEAN tetapi ada tanggungjawabnya. Akan tetapi Kerajaan Myanmar seolah-olah tidak memahami peranan ini. Saya hendak tanya sama ada kerajaan sudah sampai satu tahap untuk kita *review* semula keanggotaan ASEAN kerana terlalu lama. Kita beri dia masa tetapi tidak berjaya kita memujuk mereka untuk mengambil satu sikap yang lebih positif.

Dato' Hamzah bin Zainudin: [Bangun]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bersambungan dengan ini ialah semasa pada zaman Aung San Suu Kyi, kita ada aktivis yang pergi ke Myanmar untuk memberikan sokongan. Di sana, mereka ditahan dan diusir balik termasuk sekarang ADUN Sarawak, Yang Berhormat See Chee How selepas dia dihalau, pendiriannya membantu rakyat Myanmar tetapi hari ini pasportnya di kompaun oleh Kerajaan Malaysia kerana tindakan menyokong rakyat Myanmar. Saya ingin tahu bilakah *ban* ini dapat kita batalkan supaya semangat membantu ini boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, boleh jawab selepas *break*.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, pertambahan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Untuk rekod, kami pergi ke sana atas kehendak Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Malaysia. Kita bukan pergi atas nama individu. [*Tepuk*] Cuma kita pakai *cap* sebagai aktivis NGO yang mana Kerajaan Barisan Nasional, UMNO telah menghantar kita pergi ke situ untuk membantu rakyat di Rakhine State khususnya pada Rohingya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri boleh menjawab selepas rehat nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sila Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menyambung.

2.32 ptg.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab beberapa persoalan yang ditimbulkan dan juga pandangan beberapa Yang Berhormat sebelum kita rehat tadi Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan isu Myanmar tadi. Yang Berhormat daripada Ketereh, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Baling dan juga Yang Berhormat Batu.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tumpat, Malaysia telah menunjukkan ketegasan dalam isu Rohingya semasa di Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN baru-baru ini di Brunei. Ingin saya mengingatkan Yang Berhormat semua bahawa Malaysia tidak boleh melakukan secara sendirian dalam perjuangan isu Rohingya ini. Ketegasan tidak bermakna kita harus bersuara keras atau lantang tetapi juga melalui usaha-usaha yang berterusan menggunakan pendekatan pragmatik dan konsisten termasuklah menggunakan pendekatan *constructive engagement* yang saya katakan tadi.

Selain kita bawakan isu ini secara dua hala dengan Myanmar, Malaysia juga menengahkan isu Rohingya ini secara pelbagai hala di peringkat serantau dan antarabangsa mengikut lunas-lunas hubungan diplomasi antarabangsa. Di peringkat ASEAN saya telah jelaskan tadi, Malaysia merupakan satu-satunya negara ASEAN yang membangkitkan isu ini, manakala negara-negara lain tidak mengemukakan dan membangkitkan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN. Sebagai sebuah negara anggota OIC juga, Malaysia mengambil usaha untuk membangkit dan menyuarakan pendirian serta kebimbangan secara aktif terhadap isu minoriti Muslim Rohingya di Myanmar. Seterusnya secara tidak langsung memberi tekanan ke atas Myanmar bagi menyelesaikan isu ini.

Dalam hubungan ini Malaysia telah memainkan peranan yang konstruktif dengan merundingkan satu draf resolusi yang inti patinya antara lain mengecam dan mengutuk kegunaan dan pencabulan hak asasi manusia di Myanmar, termasuklah ke atas masyarakat Rohingya. Maka tidak timbul sama ada Malaysia tidak tegas, kita menggunakan mengikut lunas-lunas antarabangsa yang ada.

Selain itu kita juga ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa satu kenyataan Presiden Majlis Hak Asasi Manusia PBB di mana Malaysia selaku salah satu negara anggotanya telah di terima secara sebulat suara oleh majlis ini PBB pada 14 Jun 2013, baru-baru ini semasa sesi ke-23 MHAM-PBB. Kenyataan bertajuk *Human Rights Situation of Muslim in Myanmar* merupakan satu mesej jelas kepada Myanmar bahawa dunia memandang berat dan serius akan perkembangan dalam negara tersebut.

Khususnya pencabulan hak asasi manusia dan keganasan terhadap masyarakat Rohingya dan orang Islam di Myanmar.

Manakala apa yang di bangkitkan oleh Yang Berhormat Batu, saya hendak jelaskan, saya tidak tahu bagaimana Yang Berhormat Batu boleh mengaitkan isu Myanmar ini dengan isu seorang rakyat Sarawak Yang Berhormat, Tse Chi Hoa di mana pasportnya telah dikatakan *confiscated* oleh imigresen di Sarawak. Ini isu yang berbeza kerana isu itu adalah isu beliau bukan pertama kali, telah pun mempunyai masalah ini dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Sebelum ini pun dalam satu lagi perkembangan beliau bila balik juga di tahan. Isu ini saya tidak mahu Yang Berhormat Batu bangkitkan kecuali hendak bangkitkan isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Marang tentang isu Rohingya, etnik Rohingya di mana Malaysia mengambil satu pendekatan yang jelas dan konsisten tentang isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Marang juga telah menyentuh tentang isu penjenayah perang pembebasan Bangladesh 1971. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan Bangladesh telah menubuhkan Tribunal Jenayah Antarabangsa Bangladesh pada 25 Mac 2010 dalam usaha menyiasat dan membawa penjenayah perang pembebasan yang tercetus pada tahun 1971 ke muka pengadilan. Perbicaraan berkenaan telah dilakukan mengikut lunas undang-undang negara berkenaan. Dalam hal ini kerajaan berpandangan bahawa adalah tidak wajar untuk Malaysia membawa tekanan...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon penjelasan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Menteri baru mula isu itu. Sekejap.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Isu Myanmar, Myanmar.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Myanmar nanti dahulu. Saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini sudah beralih ke Bangladesh sudah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Sudah beralih kepada Bangladesh, sebab itu karang, kemudian kalau ada masa kita balik kepada Myanmar. Jadi isu Rohingya tadi telah pun saya selesaikan. Dalam hal ini kerajaan berpandangan adalah tidak wajar untuk Malaysia membuat tekanan kepada Bangladesh yang jelas mengambil tindakan yang dirasakan perlu bagi menyelesaikan masalah dalaman negara tersebut. Ini sejajar dengan dasar luar Malaysia yang tidak mencampuri urusan dalaman sesebuah negara berdaulat.

Isu sempadan maritim Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan ada membangkitkan isu ini dan beliau menyentuh mengenai isu sempadan Maritim seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sebelum itu Bangladesh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu bangun.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu Bangladesh.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Isu Bangladesh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu Bangladesh ini juga ada berkaitan dengan apa yang di sebut oleh Yang Berhormat tadi. Tindakan atau pendirian Bangladesh yang tidak ingin menerima pelarian. Ini menyebabkan pelarian hanya ada satu jalan sahaja mereka datang ke Malaysia. Kalau tadi Yang Berhormat juga sebut Malaysia tengah bekerjasama dengan Kerajaan Myanmar untuk hantar mereka balik. Jadi apakah pendirian perikemanusiaan kita? Sepatutnya kita harus ada cara untuk menguruskan dan juga merumahkan mereka tanpa menyebabkan masalah sosial kepada Malaysia. Kita harus faham perkara ini tidak akan selesai. Ada ramai lagi yang akan datang.

■1440

Kita tidak boleh kata, kita menghormati pendirian Bangladesh dan Bangladesh boleh hantar balik. Kita sepatutnya mendesak supaya Bangladesh juga ambil sebahagian daripada tanggungjawab.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah Yang Berhormat Batu ini. Apa yang kita bangkitkan, isu Bangladesh ini adalah isu spesifik di mana Yang Berhormat Marang membangkitkan hal tribunal yang telah pun dibuat oleh Kerajaan Bangladesh terhadap pemimpin-pemimpin mereka ketika masalah timbul di antara Pakistan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak kembali kepada isu Rohingya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya kata sudah masuk isu Bangladesh, Yang Berhormat Batu masuk isu Myanmar balik. Yang Berhormat tidak faham-faham. Kalau boleh nama Yang Berhormat Batu itu patutnya dilembutkan sedikit supaya tidak jadi batu. Ini masalahnya. Kita sudah masuk isu Bangladesh, sekarang ini tentang masalah itu. Tentang masalah Tribunal Jenayah Antarabangsa Bangladesh...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu saya menghormati pendirian. Itu saya tidak ada masalah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Okey, jadi jangan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak kembali sebab isu Rohingya tidak selesai, sebab itu...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ini masalahnya. Saya sudah kata isu Rohingya tadi sudah selesai, kita sudah ambil tindakan yang jelas dan kita sudah bawa. Saya sudah jelaskan. Sekali lagi saya hendak jelaskan bahawa Kerajaan Malaysia telah buat mengikut lunas-lunas undang-undang antarabangsa yang ada. Kita buat, pertama melalui *bilateral relation* di antara kita dengan Myanmar. Kemudian kita bawa dalam mesyuarat multilateral. Di antara semua negara-negara *regional* ASEAN yang ada, kita sahaja yang menyuarakan isu ini.

Kemudian kita juga bawa dalam OIC. Kemudian juga dalam Majlis Hak Asasi Manusia, maka bermakna kita telah mengikut cara yang baik untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi, tidak timbul lagi masalah Myanmar.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya sudah masuk isu Bangladesh dan sekarang saya sudah hendak masuk isu sempadan kita pula bersama dengan negara-negara yang ada di sekeliling kawasan negara kita. Kalau Yang Berhormat Shah Alam hendak masuk tentang isu maritim, silakan. Kalau hendak masuk Myanmar, saya tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Saya hendak masuk isu Bangladesh yang pasal tribunal itu. Boleh beri masuk, boleh? Baik, terima kasih.

Apa yang kita saksikan ialah bahawa tindakan yang begitu *draconian* dan drastik yang dilakukan terhadap mereka yang dituduh telah menjadi sebagai pengkhianat dan penderhaka dalam keadaan perang saudara iaitu *East Pakistan* dan *West Pakistan*.

Walaupun kita cukup memahami bahawa ianya merupakan masalah dalam negara Bangladesh, akan tetapi atas dasar prinsip-prinsip keadilan sejagat, saya rasakan bahawa apa yang telah berlaku pada ketika dan zaman peperangan itu perlu dilihat dan difahami dalam konteks suasana pada ketika itu. Memang ada sebahagian yang hendak supaya tidak berpecah daripada *West Pakistan* dan Bangladesh kekal sebagai *East Pakistan*. Ada yang ingin supaya ianya menjadi negara yang merdeka.

Maka atas sebab itu untuk dituduh satu pihak sebagai penderhaka dan pengkhianat adalah tidak adil. Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak Kerajaan Malaysia supaya dasar-dasar keadilan dalam soal penghakiman dan menjatuhkan hukuman terhadap mereka ini. Apa yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Malaysia untuk membantu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Sila.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Ha! Macam itulah Yang Berhormat Shah Alam. Cuba ajar sedikit Yang Berhormat Batu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pasal nampak garang sangat tadilah, *cool down* sedikit.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yalah, kita bercakap dari segi isu, jadi senang. Kalau kita bercakap dari segi isu, saya menjawab pun mudah. Akan tetapi kalau hendak bangkitkan cerita-cerita yang lain itu, saya rasa tidak betullah. Jadi, hari ini kita hendak bercakap dari segi Bangladesh ini, seperti Yang Berhormat Shah Alam bangkitkan, ini merupakan satu persepsi orang luar. Bila kita menuduh sesuatu pihak itu dizalimi di atas tindakan Kerajaan Bangladesh sendiri, itu adalah merupakan satu pandangan orang luar termasuklah Yang Berhormat Shah Alam sendiri.

Akan tetapi kita kena jelas di sini bahawa pandangan Malaysia dalam isu ini apabila tribunal itu telah pun dimulakan dan hukuman telah dijatuhkan, kita tahu bahawa daripada tahun daripada 2010 sehinggalah tahun 2013, Februari 2013 barulah hukuman dijatuhkan. Bermakna ia mengambil satu masa yang panjang, penyelidikan telah mereka buat di Bangladesh. Jadi, sebab itu pendirian kita jelas bahawa ini adalah sesuatu perkara yang tidak wajar untuk Malaysia membuat tekanan terhadap hukuman yang telah pun dijatuhkan kerana apabila kita melihat daripada laporan yang diberikan, mereka yang dihukum itu juga telah pun melakukan kezaliman ketika perkara-perkara itu berlaku, di waktu dan masa ketika mana *the civil war* berlaku.

Jadi, tidak timbullah sama ada Malaysia boleh buat tekanan ataupun negara-negara luar lain kerana perbicaraan telah pun dibuat secara yang adil mengikut lunas undang-undang Bangladesh sendiri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh saya mendapat penjelasan sedikit berhubung dengan tribunal yang telah dibentuk di Bangladesh? Adakah...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Selepas ini saya duduk dengan Yang Berhormat Shah Alam, kita *discuss*. *I give you more detail*, berlaku daripada mulanya *civil war* sehinggalah sekarang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, hanya saya hendak tahu *the tribunal*, *is it a military tribunal* ataupun *civil tribunal*?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Itu kita berikan selepas ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kemudian?

Dato' Hamzah bin Zainudin: *I will give you more detail*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk isu sempadan maritim. Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat Putatan ada membangkitkan isu ini. Malaysia sentiasa peka dengan isu-isu tuntutan bertindih dan persempadanan maritim. Usaha-usaha sentiasa diambil bagi menyelesaikan isu tuntutan bertindih dan menentukan sempadan maritim di antara Malaysia dan negara-negara jiran yang berkaitan, termasuklah di kawasan Laut China Selatan. Rundingan pembatasan sempadan maritim mengambil masa yang panjang, kerana banyak faktor yang perlu dipertimbang dan diteliti pada setiap tahap perbincangan dan perundingan. Meliputi aspek-aspek geografi, teknikal dan undang-undang yang kompleks demi memastikan hasil penyelesaian yang muktamad dan saksama.

Sungguhpun perundingan mengambil masa yang lama, Malaysia adalah komited untuk menyelesaikan isu pembatasan sempadan secara perundingan atau perbincangan dua hala berlandaskan undang-undang antarabangsa. Khususnya Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS 1982).

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, UNCLOS 1982 merupakan dokumen komprehensif yang menyentuh segenap dimensi hal ehwal kelautan dan maritim. Ini termasuklah penentuan garis pangkal atau *base line* zon-zon maritim, pembatasan sempadan maritim, atau dengan izin, *the limitation*, perlindungan alam sekitar marin, navigasi kajian saintifik dan sebagainya. Inilah sebabnya UNCLOS 1982 juga dikenali sebagai Perlembagaan Laut atau dengan izin, *Constitution of the Oceans*. Di dalam konteks tuntutan kawasan maritim misalnya, UNCLOS...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Dato' Hamzah bin Zainudin: Sebentar Yang Berhormat. UNCLOS 1982 menggariskan bahawa negara-negara berpantai boleh menuntut zon-zon maritim terdiri daripada perairan wilayah atau *territorial sea*, zon berdampingan atau *contiguous zone*, Zon Ekonomi Eksklusif atau *Exclusive Economic Zone* dan pelantar benua atau *continental shelf*. Sekiranya berlaku pertindihan di dalam tuntutan ke atas zon maritim ini, ianya hendaklah diselesaikan secara aman dahulu melalui kaedah-kaedah yang turut dinyatakan di dalam UNCLOS 1982.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri memang jelas. Jawapan Yang Berhormat Menteri yang dulu sama juga. Walaupun saya timbulkan masalah ini, kalau saya tidak lupa dua tiga kalilah, jawapan sama. Soalan itu agak lain sedikit sebab ada kisah-kisah *intrusion* di Lahad Datu. Oleh sebab itulah soal ini ditimbulkan balik Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1450

Jadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun disuruh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila satu kes ketika pertelingkahan kita dengan Indonesia di mana NGO-NGO Indonesia ini menyentuh soal perbatasan antara Malaysia dan Indonesia iaitu waktu Ambalat dahulu.

Kita telah pun juga bukan juga isu itu tetapi isu-isu sosial, isu penangkapan nelayan-nelayan ataupun kapal-kapal yang dipunyai oleh negara jiran kita yang kita tangkap dan kononnya kita ini dituduh menghina ataupun membuat satu tindakan yang ganas kepada rakyat Indonesia di negara kita termasuklah pembantu-pembantu rumah. Itu semua ditimbulkan oleh NGO.

Akan tetapi, isu rundingan kita dengan G2G itu amat baik sekali. Itu memang baik. Itu kita tidak nafikan. Juga dengan baru-baru ini kita telah pun juga membuat satu perjanjian dengan Presiden Benigno Aquino soal MILF, soal *claim* di Sabah ini, *customary right*, hak asasi sebagainya. Jadi isu yang kita tangani secara yang baik, secara demokratik itu betul. Kita terima. Akan tetapi, bila kita menyelesaikan isu persempadanan kita ini? Itu isu yang saya timbulkan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Hamzah bin Zainudin: [Bangun]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dalam peta Filipina, Sabah itu masih masuk dalam negara Filipina. Kalau tidak percaya pergi jumpa melawat pejabat-pejabat di Filipina. Jadi, kita malu. Rakyat Malaysia malu. Jadi, soal ESSCOM ini *welcomed*lah, terima kasih kerana satu usaha yang paling baik bagi rakyat Malaysia di negeri Sabah. Jadi kita mahu tahu berapa perbincangan, berapa *engagement* kita dengan Filipina dan Indonesia menyelesaikan masalah perbatasan kita?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Pertama, saya hendak jelaskan tentang isu dengan Indonesia dahulu. Sehingga kini, sudah ada 24 mesyuarat teknikal telah kita adakan dalam proses perundingan pembatasan sempadan dengan Indonesia ini, kita menentukan bahawa sempadan maritim di antara kedua-dua negara yang belum ada lagi garis sempadan yang dipersetujui. Banyak telah dipersetujui, masih ada sedikit yang tidak dipersetujui terutamanya di kawasan Laut Sulawesi. Kawasan paling selatan di Selat Melaka dan juga di sebelah timur Selat Singapura.

Perundingan ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Putatan tadi sudah sampai di peringkat Menteri Luar kedua-dua negara Malaysia dan Indonesia sehingga dengan izin, *Joined Corporation For Bilateral Cooperation* juga telah pun kita adakan.

Perundingan tahunan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bersama dengan Presiden Republik Indonesia. Jadi, masalah ini sedang kita uruskan lagi dan kita rasa dan kita jangka ianya boleh diselesaikan dalam tidak lama lagi. Sudah 24 kali *technical meeting* diadakan, saya rasa sudah boleh kita selesaikan.

Manakala isu Sabah dengan Filipina ini Yang Berhormat Putatan, pertama kita kena jelas. Malaysia tidak pernah mengiktiraf sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas negeri Sabah. Jadi, itu mesti jelas. Jadi biar dia hendak buat peta macam mana pun, kalau hendak ikutkan peta China, China dia kata sampai ke Kuching. Sama sahaja. Jadi, itu tidak jadi masalah kepada kita. Yang pentingnya, sebab itu saya jelaskan tadi UNCLOS 1982 yang boleh sama-sama bawa untuk menentukan, menyelesaikan masalah ini dengan menggunakan lunas-lunas undang-undang antarabangsa.

Sebenarnya, ciri-ciri peta baru Malaysia 1979 itu jelas kita telah katakan di situ, kita ambil mengikut Konvensyen United Kingdom dan United States pada tahun 1933 yang dipanggil *Treaty 1933 – Anglo-American Treaty*. Jadi, itu telah pun kita ambil dan itulah ia yang sebenarnya. Kita mengikut apa yang telah pun diputuskan ketika itu lagi, tahun 1933. Jadi, tidak timbul masalah sama ada kita tidak mahu selesaikannya ataupun tidak. Jadi jawapan yang dahulu, jawapan yang sekarang sama bermakna kita konsisten dalam menyelesaikan isu ini. Itu yang sebenarnya.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya bercakap dari segi perubahan ini, perubahan apa yang mereka mahu lagi? Kalau kita perhatikan daripada dahulu, semenjak merdeka sehingga sekarang, begitu banyak perubahan yang telah kita lakukan daripada semasa ke semasa menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang begitu terkenal di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga sedang dalam proses untuk melaksanakan perundingan membatasi sempadan maritim dengan Singapura di kawasan selat Singapura termasuklah di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah. Proses perundingan ini dijangka akan dimulakan pada tahun ini. Selain daripada itu juga, Malaysia juga sedang membatasi sempadan maritim dengan Thailand di Teluk Siam dan juga Vietnam di kawasan Laut China Selatan.

Saya hendak masuk isu yang lain Tuan Yang di-Pertua. Konsep kesederhanaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Jelebu dalam perbahasan beliau tempoh hari. Seperti yang telah dinyatakan oleh beliau, Gerakan Kesederhanaan Global yang dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada September 2010 sememangnya merupakan satu pendekatan yang boleh membawa kepada kestabilan dan keamanan sejagat serta membina satu masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Pendekatan yang dipelopori oleh Malaysia ini telah mendapat sokongan yang menggalakkan daripada pelbagai negara. Antaranya Amerika Syarikat, United Kingdom serta beberapa negara dari Kesatuan Eropah, Timur Tengah, benua Afrika dan sudah tentu sokongan daripada negara-negara Asian. Selaras dengan ini, Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global atau Global Movement of Moderates Foundation akan terus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengetengahkan lagi dan memberikan penerangan yang lebih mendalam tentang konsep dan pendekatan kesederhanaan *wasatiyyah* di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Isu Palestin Tuan Yang di-Pertua yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Marang dalam perbahasan beliau juga. Saya ingin maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia tidak pernah mengabaikan nasib saudara kita di Palestin yang ditindas secara berterusan oleh Israel. Malah, kerajaan sejak dahulu lagi konsisten dengan Dasar Luarnya terhadap isu ini. Kerajaan sentiasa memberi sokongan padu kepada Palestin baik dari segi politik, ekonomi, moral serta juga bantuan-bantuan berbentuk kemanusiaan, sumbangan kewangan dan pembangunan infrastruktur asas.

Malaysia juga lantang mengesahkan tindakan dan keganasan *regime* Israel mencerooboh wilayah Palestin serta mengenakan pelbagai bentuk penindasan, kekejaman dan sekatan yang tidak mengikut lunas undang-undang antarabangsa serta berperikemanusiaan terhadap rakyat Palestin...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Palestin.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Mengenai...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tadi saya *miss* tadi.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta sedikit penjelasan tentang bagaimana pendirian dan sikap kerajaan terhadap perbalahan antara Hamas dengan Fatah. Kita semua tahu bahawa Hamas telah berjaya secara demokratik untuk memenangi kerajaan di sana. Cuma, masih ada lagi timbul dari segi sikap kerajaan kita dari sudut perhubungan, komunikasi sama ada kita masih berinteraksi dengan Fatah ataulah kita berinteraksi dengan Hamas?

Ini kerana berlaku kadang-kadang kita hadir di peringkat *international* pun, yang mewakili Palestin itu adalah daripada Fatah sedangkan yang memerintah di Palestin itu adalah Hamas. Saya minta, dan mohon penjelasan atas sikap Kerajaan Malaysia terhadap kekeliruan ini.

■1500

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Mengenai isu ini, saya mahu menjelaskan bahawa Malaysia secara terbuka dan lantang memang memperjuangkan hak asasi rakyat Palestin serta memberikan sokongan padu kepada pihak berkuasa kebangsaan Palestin.

Maknanya *Palestinian National Authority*, PNA yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa sebagai mewakili seluruh rakyat Palestin. Ini kena jelas. Jadi dalam isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar, terbukti bahawa Pejabat Pertubuhan Pembebasan Palestin atau *Palestin Liberation Organization* dengan izin, telah ditubuhkan di Malaysia sejak tahun 1969 lagi dan telah dinaikkan tarafnya sebagai Kedutaan Besar Palestin pada tahun 1983. Maka, di dalam hal ini Hamas merupakan hanya salah satu daripada parti-parti politik yang wujud di Palestin dan Malaysia hanya menjalinkan hubungan pada tahap tidak rasmi dengan pihak Hamas.

Maka apa yang timbul di antara Fatah dan Hamas, mereka sedang ada rundingan persepakatan (*reconciliation talk*) bagi mendekatkan jurang perbezaan di antara kedua-dua pihak. Harapan kita supaya akhirnya kerajaan perpaduan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *unity government* sebelum pilihan raya Parlimen dan pilihan raya umum boleh diadakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat, Baling dan Tumpat?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Baling.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling, sila.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu Gaza ini memang dekat dengan hati saya, isu Palestin. Sudah dua kali saya pergi ke negara tersebut dalam sudut bantuan kemanusiaan. Untuk rekod, rakyat Palestin tidak kira Fatah atau Hamas, mereka mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Malaysia, rakyat Malaysia. Akan tetapi dalam konteks usaha kemanusiaan, saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada kawan-kawan daripada PKR, PAS pun ada berjumpa dengan saya di sana. Jadi, di dalam konteks itu cukup bagus.

Bagi tujuan untuk memberi sedikit maklumat tambahan. Kalau kita ke Palestin, apabila kita pergi ke Gaza melalui Rafah, mesti melalui negara Mesir. Jadi, kita masuk situ sudah semestinya di Gaza, diperintah oleh Hamas. Kalau kita hendak pergi ke *West Bank* diperintah oleh Fatah. Akan tetapi untuk rekod juga, hendak pergi ke *West Bank* bukan mudah, ia dipantau oleh pihak-pihak Israel. Mereka tidak akan memberi kelulusan untuk kita masuk dengan mudah, kita kena masuk melalui negara Jordan untuk pergi ke *West Bank*.

Jadi apa yang saya hendak nyatakan di sini ialah kerajaan, rakyat di Palestin mereka memang menyanjung tinggi segala usaha rakyat Malaysia yang begitu konsisten daripada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah sehinggalah ke zaman Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Apatah lagi dengan beraninya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menjejakkan kaki ke bumi Anbia iaitu Gaza sebelum pilihan raya pada bulan Mac baru-baru ini, beliau telah sampai ke situ.

Jadi, saya hendak menyatakan di sini dalam konteks Fatah dan Hamas, memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar tadi. Memang kalau kita lihat dalam semua program-program, dahulunya memang pihak Fatah yang tampil ke hadapan dalam semua apa juga program-program. Akan tetapi sekarang ini pihak-pihak Hamas sudah mula datang. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri melihat, meneliti dalam konteks perpaduan Fatah dan Hamas ini dapat kita laksanakan secara terbaik, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tumpat dan Shah Alam.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Tumpat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tumpat, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Baling, sekali lagi dalam hal ini yang mengingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa Perdana Menteri kita sendiri melawat Gaza. Kalau mengikut Yang Berhormat Menteri tadi, seolah-olah Fatahlah kerajaannya, Hamas hanya parti. Dalam konteks itu seolah-olah Gaza itu diperintah oleh parti pembangkanglah, nama Hamas. Akan tetapi Perdana Menteri Malaysia mengiktiraf parti pembangkang Palestin tersebut. Ini suatu nasihat yang baik kepada kita di kedua-dua belah Dewan ini.

Akan tetapi saya hendak mengingatkan dan hendak bertanyakan dengan Yang Berhormat Menteri dan juga rakan saya Yang Berhormat Baling bahawa dahulunya Perdana Menteri kita boleh ke Gaza kerana kerajaannya, pimpinan Presiden Morsi. Sekarang ini kerajaannya pimpinan lain dan cukup anti kepada...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kalau...

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: ...Laluan-laluan sudah pun ditutup...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat...

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: ...Untuk ke Gaza.

Dato' Hamzah bin Zainudin: ...Saya ingat kalau hendak masuk bab Mesir ini, kita tunggu kemudian nanti. Palestin dahulu...

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Ada peluang?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Nanti saya beri peluang.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Jadi, untuk Gaza itulah...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Kita habiskan satu-satu isu dahulu, okey.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Soalan saya bahawa sepatutnya kita meningkatkan lagi sokongan kepada Palestin. Ada satu soalan saya yang tidak dapat

dijawab iaitu menanyakan tentang bilakah kedutaan Malaysia di Palestin akan ditubuhkan. Bagaimana bentuk kedutaan itu nanti dan di mana nanti kedudukan Kedutaan Malaysia di Palestin nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya kembali kepada persoalan pengiktirafan Hamas yang masih nampak seolah-olah Kerajaan Malaysia agak keberatan untuk memberinya. Apabila disebut tentang kemungkinan adanya hendak diwujudkan *unity government* di antara Fatah dan Hamas dan sebagainya, saya berpandangan untuk usaha ini berjalan dengan lebih lancar, tidakkah lebih baik bagi Kerajaan Malaysia mengiktiraf juga Hamas. Dengan itu, mengenakan tekanan kepada Fatah untuk menerima hakikat bahawa dunia sudah mula melihat kepada Hamas sebagai salah satu suara yang sah untuk mewakili rakyat Palestin. Akan tetapi sekiranya Kerajaan Malaysia kekal dengan pendiriannya tidak mahu mengiktiraf Hamas, maka dengan itu Fatah akan terus dengan sikapnya. Tidak ada tekanan baginya untuk menerima hakikat bahawa Hamas adalah satu suara alternatif bagi rakyat Palestin. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Baling kerana dia telah berperanan untuk membantu dan menaikkan imej negara kita dan sanggup beberapa kali pergi ke Palestin. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Baling.

Mengenai isu yang dibangkitkan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya pun sudah pergi dua kali juga tetapi saya tidak sebutlah. Akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat Menteri sebut, maka saya pun kena sebutlah. Saya pun sudah pergi juga dua kali ke Gaza.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut itu saja hendak jolok dia kerana hendak memberitahu, lain kali kalau hendak masuk ke kawasan-kawasan tersebut, laporkah kepada *embassy* kita yang ada. Jadi, senang kita mengetahui berapa ramai yang hendak masuk. Mereka ini hendak tunjuk hero tidak mahu buat seperti yang itu, apabila ada masalah baru balik kepada kita. Baru-baru ini pun sudah ada masalah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita balik lapor kepada *embassy* di Kaherah. Wakil duta di Kaherah tahu saya datang untuk pergi ke Gaza.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, sekejap ya. Kita tinggal esok sahaja untuk Yang Berhormat Menteri menjawab tanpa saya menafikan kepentingan dan keutamaan Kementerian Luar Negeri. Cuma saya hendak berkongsi dengan wakil-wakil rakyat, kita ada 10 buah kementerian lagi yang perlu dijawab. Jadi, Jabatan Perdana Menteri ini ada lima atau enam Menteri yang hendak menjawab, jadi 15 Menteri yang akan terlibat. Jadi, saya berharap dapat memberikan kerjasama.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tinggal satu lagi isu selepas Palestin ini. Jadi kalau saya hendak jelaskan tentang kedudukan Hamas tadi, *unity government*, memang itulah yang kita mahukan. *Reconciliation* di antara kedua-dua pihak Fatah dan Hamas, kita berperanan untuk menentukan supaya ada *unity government* ini. Kalau Yang Berhormat Tumpat kata, kita mengiktiraf Kerajaan Gaza yang dipimpin oleh Hamas ini, saya hendak beritahu kita ini bekerjasama, berkawan, bukan macam PAS yang tidak mahu berkawan dengan UMNO, bukan macam itu. Kita berkawan ini dengan orang Islam, kita kawan semua tetapi kerajaan yang diterima, diiktiraf oleh antarabangsa adalah kerajaan yang saya sebutkan tadi.

■1510

Saya hendak masuk balik kepada isu Mesir. Tuan Yang di-Pertua, dalam isu pergolakan politik di Mesir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian. Ini isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, jadi jangan risau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya ingin memaklumkan bahawa Malaysia mengambil pendekatan tidak campur tangan, *non-interference* dalam hal ehwal dalaman negara-negara berdaulat dan isu ini jelas merupakan isu dalaman negara Mesir. Malaysia berharap agar proses pilihan raya dapat dijalankan segera supaya pemerintahan demokrasi dapat dikembalikan semula di Mesir. Dalam konteks krisis politik di Mesir ini, kita harus mengambil iktibar dari pengajaran terutamanya impak terhadap ekonomi negara dan rakyat jelata seperti pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan - Yang Berhormat Shah Alam dengar ini, mengatakan perubahan, *change* kalau tidak diuruskan dengan baik ianya boleh membawa kemudaratan kepada negara. Dengan izin, *change if not properly manage it can be disasters for the country.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Oleh itu selesailah isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sikit ini. Sikit, sikit.

[*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya hendak tanya rakyat Malaysia ini, macam mana?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita minta Kerajaan Malaysia... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Saya jemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Batu, sudah habis sudah. Kita pergi kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa *change* yang di Mesir ini yang tidak ikut lunas yang baik. Yang Berhormat tolong bagi penerangan.

3.11 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 13 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pihak kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian serius semua pandangan, saranan, cadangan serta teguran membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan atau saranan-saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berdasarkan perkara-perkara yang disentuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Pertama adalah dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat. Berhubung cadangan agar kerajaan mewujudkan undang-undang berkaitan kuota gender supaya sasaran sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat dapat di capai. Buat masa ini, kerajaan berpandangan bahawa pendekatan secara *persuasive* atau dengan izin, *persuasive approach* adalah lebih sesuai untuk mencapai sasaran tersebut. Menerusi pendekatan ini, semua pihak yang terlibat perlu memainkan...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, baru mula ini Yang Berhormat Pengerang.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Baru mula, hendak habis sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Baru mula. Bagi Yang Berhormat Menteri dahulu.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Menerusi pendekatan ini, semua pihak yang terlibat perlu memainkan peranan yang lebih berkesan bagi memastikan golongan wanita yang dicalonkan sebagai ahli lembaga pengarah syarikat. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji dan menimbangkan cadangan berkenaan sekiranya penilaian semula dasar dan mekanisme mendapat keperluan untuk menjadikan sasaran ini suatu kewajipan di bawah undang-undang. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selamat berpuasa Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, atas jawapan Menteri tadi tentang konsep *persuasive*, bolehkah Menteri terangkan kenapa *persuasive* ini lebih efektif daripada adanya akta dari segi undang-undang yang khas. Kalau kita lihat di negara-negara Eropah, komitmen negara Eropah pada isu wanita 30% dalam tanggungjawab kerajaan dan juga pembuat dasar ini dilihat sebagai satu kemestian. Jadi kenapa kerajaan menekankan pada logik dengan *persuasive* dengan izin, lebih kepada undang-undang? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat daripada Pengerang. Yang Berhormat, banyak perkara yang kita buat di dalam dunia ini kadang-kadang *persuasive approach* itu dia lebih lagi memberi impak. Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat, saya kata bukanlah saya kata kita terus tidak menggunakan pendekatan yang lain. Akan tetapi kita menggunakan *persuasive approach* sebab kita pun mendapati bahawa *insya-Allah* negara kita dengan menggunakan *persuasive approach*...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Mencilah sedikit.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Habis *sentence* ini Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sikit sahaja Yang Berhormat saya habiskan. Ini kerana dengan kita menggunakan *persuasive approach* memang sudah mendapat ada perubahan sedikit sebanyak. Saya habis sikit Yang Berhormat, mengenai persoalan jumlah wanita yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah, saya hendak masuk kepada cerita 30% ini. Dalam syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan, kini terdapat seramai 106 wanita dalam 68 syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Pencapaian ini merupakan 15% daripada jumlah keseluruhan ahli lembaga pengarah dan ini kita telah menggunakan *persuasive approach*. Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya faham tentang konsep *persuasive* itu dan hendak dilaksanakan di peringkat swasta dan sebagainya. Akan tetapi apa yang dipersoalkan di sini, Malaysia sudah menandatangani CEDAW hampir 20 tahun yang dahulu tetapi peningkatan ini amat lemah, amat lambat, *slow*. Jadi kita juga hendak tanya itu di peringkat swasta tetapi di peringkat kerajaan, peringkat agensi-agensi kerajaan kita tidak ada satu *affirmative action* yang dibuat oleh kementerian agar memastikan bahawa apa yang kita tandatangani di krisis CEDAW itu dilaksanakan.

Kita tidak lihat juga ada satu *monitoring* pemantauan yang menunjukkan ada peningkatan dari tahun ke tahun. Malah ada tahun-tahun yang berikutan penglibatan wanita itu menurun dan tidak ada satu *pickup*. Jadi kita harap Menteri yang baru ini, harap dapat melaksanakan ini dengan lebih komitmen yang tinggi agar memastikan bahawa pemimpin-pemimpin wanita itu betul-betul dilaksanakan kerana wanita memainkan peranan yang penting dalam negara ini. Seramai 50% penduduk kita adalah wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja bangun sekali. Sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya boleh bersetuju ada unsur *persuasive* tetapi kita juga perlu ada unsur *affirmative*. Ini kerana ia mengambil masa yang agak panjang. Saya tahu memang di dalam politik, *confrontational approach* ini tidak menguntungkan wanita. Akan tetapi, kerajaan patut juga memikirkan apakah di mana kita akan sampai ke satu tahap yang membanggakan. Seramai 45% rakyat di dalam negara ini adalah wanita, 40% dalam tenaga kerja sedangkan *decision making process* kita. Dalam Parlimen ini pun tidak sampai, hanya *we have* 10% sahaja. Jadi kita harap kerajaan dapat menggubal satu polisi secara berperingkat-peringkat.

Satu *affirmative action* berperingkat-peringkat supaya ia akan menjadi satu tekanan kepada sistem politik negara kita. Ini kerana kalau kita hendak layan di peringkat akar umbi untuk wanita bersaing dengan lelaki, maka kita tidak akan sampai ke tahap itu.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Ampang dan juga Yang Berhormat Kota Raja. Sebenarnya Yang Berhormat, sebenarnya ada di dalam jawapan tetapi biarlah saya sama-sama juga membaca. Akan tetapi tadi Yang Berhormat mengenai CEDAW itu tadi ya, kerajaan memang kita sentiasa komited dalam menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan memang sebagai negara yang kita adalah pihak kepada konvensyen penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita atau CEDAW sejak tahun 1995 Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat *remind*kan pasal itu.

Actually Yang Berhormat, kita sedikit sebanyak kita telah banyak membuat tindakan-tindakan khusus. Elok juga saya maklumkan di sini bagi menghapuskan diskriminasi terhadap wanita. Ini kerana kadang-kadang perkara ini terjadi tetapi kita tidak sedar, benda ini tidak diuar-uarkan begitu hebat. Sebagai contoh, kita telah membuat pindaan kepada peraturan imigresen bagi membenarkan lelaki atau wanita asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia memperbaharui pas lawatan sosial mereka sehingga lima tahun.

■1520

Selepas itu, kita ada peraturan baru secara pentadbiran iaitu penerimaan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi anak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki asing di bawah perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan oleh Pegawai Konsulat di Kedutaan Malaysia di luar negara. Selepas itu juga sebagai contoh, kita telah banyak membuat pindaan kepada seksyen 2, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 iaitu [Akta 521] pada tahun 2012 bagi meluaskan definisi keganasan rumah tangga daripada hanya kecederaan fizikal kepada turut merangkumi penderaan emosi, mental dan psikologi serta mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Satu lagi di bawah peraturan kerja atau pekerja separa masa. Dalam tahun 2010, bagi menjamin hak dan perlindungan pekerja separa masa termasuk bayaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, bayaran kerja lebih masa dan cuti rehat dan penguatkuasaan peraturan ini memberi faedah kepada suri rumah, ibu tunggal, pesara dan juga orang kurang upaya yang ingin bekerja separa masa dan kita ada juga membuat pindaan seksyen 16, Akta Pencen 1980 di bawah [Akta 227] pada tahun 2002 dengan memotong seksyen 16(a) dalam akta asal telah membolehkan balu yang berkahwin semula terus mendapat pencen ilat. Jadi ini adalah beberapa yang kita sebenarnya telah buat.

Dalam pada itu kementerian ini melalui agensinya iaitu NAM. NAM adalah NAM *Institute for the Empowerment of Women* sedang melaksanakan Program Pengarah Wanita atau *Women Director's Program* bermula tahun 2012...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Menteri, sedikit.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Di mana - Yang Berhormat saya ini - Sebab mungkin Yang Berhormat tanya ada dalam ini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tidak, soalan kami tadi adalah - Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang Menteri ceritakan adalah diskriminasi terhadap wanita dan pelaksanaan program yang telah dilaksanakan. Akan tetapi apa yang kita bincangkan tadi ada satu perkara yang lebih besar. Bagaimanakah usaha kementerian untuk memastikan perkhidmatan wanita, 30% itu dapat dilaksanakan? Sudah 20 tahun Malaysia menandatangani, sampai sekarang masih gagal lagi untuk mencapai 30% perkhidmatan wanita di peringkat membuat dasar dan membuat keputusan. Apatah lagi daripada Kerajaan BN-UMNO yang sudah 50 tahun memerintah, masih gagal lagi juga untuk mengetengahkan ramai lagi pemimpin wanita untuk memimpin dalam negara ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Jadi ini yang kita hendak. Dasar yang lebih, yang mana boleh membawa wanita itu ke tahap yang lebih atas.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Akan tetapi kita Pakatan Rakyat *alhamdulillah*, walaupun kita baru, kita dapat banyak menaikkan wanita dan mengetengahkan wanita. Itu yang kita hendak, yang diskriminasi itu okey, kita tahu itu semua.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong. Sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sebenarnya dalam soal mengiktiraf wanita, Kerajaan Barisan Nasional yang buat sejak dahulu lagi. Kalau kita tengok Kelantan, baru-baru ini sahaja. Dahulu tidak boleh langsung, bertanding pun tidak boleh. Hendak bertanding dalam pilihan raya pun tidak boleh.

Seorang Ahli: Tidak boleh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sebab itu Yang Berhormat...

Seorang Ahli: Malulah...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya ingat Yang Berhormat, saya hendak ucap tahniah kepada kerajaan. Walaupun katakana kita tidak tercapai tetapi hakikatnya, Kerajaan Barisan Nasional telah melakukan pelbagai usaha dan meletakkan kedudukan wanita di kebanyakan tempat. Saya minta walaupun tidak ada dalam jawapan, minta diberi bertulis. senaraikan tokoh-tokoh wanita yang mendapat tempat-tempat pertama. Misalnya, Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan sebagainya. Tunjukkan kepada pihak sebelah sana supaya mereka tahu ini usaha kerajaan selama ini.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sebenarnya Yang Berhormat, mereka tahu Yang Berhormat...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak betulkan sedikit Yang Berhormat Lenggong.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sebenarnya Yang Berhormat, mereka tahu. Mereka tahu Yang Berhormat dan saya telah mengatakan tadi bahawa kita memang sudah *subscribe* kepada CEDAW, kita telah menjalankan beberapa yang diperlukan untuk kita mengurangkan atau menghapuskan diskriminasi. Pada masa yang sama seperti yang saya katakan lagi, banyak saya hendak cerita ini. Apa yang telah dilakukan seperti - Terima kasih Yang Berhormat daripada Lenggong. Memang Gabenor Bank Negara yang termasyhur adalah dari Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Dia adalah wanita. Kalau saya hendak kata, KSU wanita hingga Julai tahun ini, ada tujuh daripada 23 orang. Itu adalah 30.4%.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ketua Jabatan dari golongan wanita sehingga Julai 2013, 19 orang daripada 112 orang. Saya harap pihak lelaki jangan marah sangat, bukan? Akan tetapi ini adalah melalui *persuasive approach*. Saya rasa pihak lelaki tidak marah, bukan? *It is persuasive approach*.

Beberapa Ahli: Eh! Kita tidak marah.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: So ini kita dibuatkan. Itu 17%. CEO wanita daripada Ketua Pengarah Badan Berkanun, ada enam orang daripada 44 orang. Itu adalah 13.6% dan wanita dalam perkhidmatan sehingga bulan Disember 2012, 577,235 orang. Itu adalah 53.7%. Jadi ini yang saya katakan tadi *insya-Allah*, kita buat dan itu *persuasive*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Menteri, penjelasan Menteri.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat saya sampaikan - Mungkin yang saya akan sebut ini ada...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: [Bangun]

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat beri saya ruang sedikit. Saya hendak cerita fasal...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Menteri teruskan jawapan Menteri.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sedikit Yang Berhormat, ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Selepas ini, ya. Selepas ini.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya, sedikit Yang Berhormat, ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Boleh.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, Parit Sulong. Parit Sulong pun hendak...

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sebab ini sedang seronok hendak cerita ini Yang Berhormat. Berilah ruang sebab ini adalah satu daripadanya. Mungkin sebelum ini tidak ruang untuk kita uar-uarkan, ya. Jadi di bawah - [Ketawa] Nanti ada. Sebab sebenarnya kementerian ini juga jaga lelaki Yang Berhormat sebab ini Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jadi jangan hanya lihat wanitanya, lihat keluarganya dan masyarakatnya. Ya, so sebenarnya - Jadi boleh Yang Berhormat ya. Akan tetapi biarlah saya...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Gombak dengar, wanita jaga lelaki.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Jadi sukatan di bawah Program Pengarah Wanita, melibatkan kursus ke atas kemahiran teknikal dan kemahiran *soft skill* di mana hingga 4 Julai tahun ini, sejumlah 406 orang telah pun menjalani Program Pengarah Wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Di mana 220 orang wanita dalam tahun 2012 dan 186 orang pada tahun ini. Jadi, bermakna sekarang ini total di dalam *registry* kita sudah ada 500 orang yang *ready* untuk masuk mana-mana *board* wanita.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Parit Sulong.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sekejap lagi, saya beri kepada Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya dahululah, saya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju, di bawah Kerajaan Barisan Nasional memang banyak peluang-peluang diberikan untuk memperkasakan peranan wanita. Itu tidak saya nafikan Yang Berhormat Menteri. Mungkin juga Yang Berhormat boleh beri statistik mengenai bagaimana pula keadaan di negeri-negeri pembangkang terutamanya di Kelantan. Akan tetapi yang saya hendak bangkitkan kali ini adalah bagaimana pula cara kita hendak memperkasakan wanita ini di *private sector* dengan izin? Sebab kalau kerajaan, kita memang akur dengan KSUnya yang ramai, dengan CEO bawah agensi kerajaan. Akan tetapi yang kita kawatir adalah di peringkat swasta sebab dasarnya telah ditetapkan oleh kerajaan. Tahun lepas pun ada dimaklumkan tetapi kita hendak lihat sama ada ia di ambil, diterima dan swasta ini memberi peranan kepada wanita-wanita itu. Itu yang kami hendak tahu dengan lebih jelas lagi. Terima kasih banyak.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Okey, terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mana ini? Yang Berhormat Kuala Kraikah atau Yang Berhormat Kuantan?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai, Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kuantan? Yang Berhormat Kuantan, sila.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya kira ianya isu dasar sama ada kita hendak ada satu pendekatan, *affirmative action* ataupun pendekatan *persuasive action*.

Pada saya, wanita perlu diiktiraf dan dimartabatkan. Kedudukan wanita apabila kita bercakap berkenaan dengan mengiktiraf wanita, ia bukan setakat memberi kedudukan. Ia bukan setakat menghormati dan mengingati mereka pada Hari Wanita atau Hari Ibu dan sebagainya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Macam Presiden PKR.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Pada pengiktirafan wanita, ya. Jadi Yang Berhormat Menteri, *affirmative action* itu perlu.

■1530

Pada pandangan kami, wanita Malaysia terutamanya di bawah kepimpinan Kementerian Wanita yang dahulu gagal untuk melaksanakan *affirmative action* sebab kalau wanita dapat tempat kerana *persuasive*, pujuk-pujuk, rayu-rayu, senyum-senyum, itu adalah menghina wanita. *Women should be given*, dengan izin *their position due to merits* bukan sebab dia pandai hendak ambil hati lelaki. Ini salah dari segi *approach* dan itu pada saya menghina wanita.

Yang Berhormat Menteri, *we have to get this right. Women have got to get these rights*. Pemimpin wanita kena faham bahawa *affirmative action is important* dan perlu diberikan peruntukan tersebut untuk wanita. Pengiktirafan dengan peruntukan tersebut, CEDAW kementerian yang dulu gagal. Betul tidak Yang Berhormat Menteri? Gagal untuk memberi laporan kepada United Nation pun berkali-kali gagal. Tidak *submit* laporan pun kepada United Nations. Tolong Yang Berhormat Menteri perjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, sekejap ya. Penjelasan. Ya, sekejap.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Pandan ke sana, Kulai.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Sekejap ya, sekejap. Yang Berhormat Menteri...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya hendak sokong perempuan, sekejap sahaja, saya hendak sokong perempuan. Saya menyokong semua rakan dari kaum hawa malah hari ini sebab kita kena tengok Yang Berhormat Menteri dari segi statistik kita. Di universiti-universiti dan sekolah sekarang yang sebahagian besarnya adalah wanita. Jadi peratusan wanita yang berpendidikan tinggi ini jauh melebihi lelaki.

Kalau kita tidak ada dasar yang memberi kuota kepada mereka, maka kemajuan kita untuk *our progress* dengan izin, untuk memastikan bahawa ada keserasian dari segi jumlah yang masuk ke universiti dan jumlah yang diserap dan mendapat tempat-tempat yang sewajarnya itu tidak akan sampai pada tahap yang kita mahukan. Sampai bila-bila akan ketinggalan. Oleh sebab itulah memerlukan satu dasar seperti kuota 30% seperti yang diperjuangkan oleh rakan-rakan kita dalam Dewan hari ini. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri, kalau tidak buat macam itu, macam mana kita hendak pastikan *catch up* dengan *rate* di universiti. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tambah sikit. Saya rasa kuota ataupun *target* untuk mencapai 30% ini adalah sebenarnya satu *target* minimum. Akan tetapi sebenarnya, saya rasa kerajaan kita pun ada satu sasaran. Kita harap bahawa sampai tahun 2015 kita ada ataupun peratusan wanita yang terlibat dalam tenaga kerja boleh mencapai 55%. Ini adalah sasaran yang ditetapkan oleh bekas Menteri wanita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi apa yang saya khuatir di sini ialah selama 15 tahun, peratusan wanita yang terlibat dalam bidang kerja hanyalah 46% walaupun negara jiran kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Seperti Filipina sudah mencapai 52%, Indonesia pun sudah mencapai 52%, Singapura pun ada 60%, Brunei pun ada 61%, Thailand pun sudah ada 67%. Jadi saya di sini hendak tanya Menteri yang baru ini Menteri kita, saya rasa di bawah Yang Berhormat Menteri, berkeyakinan tidak, bolehkah kita mencapai sasaran 55% ini di dalam bidang kerja untuk melibatkan golongan wanita kita kerana kita hanyalah satu tahun setengah sahaja iaitu lebih kurang 18 bulan sahaja. Jadi mintalah pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat lepas jawab bolehlah isu lain pula.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya, okey terima kasih sebab banyak perkara yang disebut, ditanya daripada Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Pandan dan Yang Berhormat Kulai, sebenarnya ada di dalam jawapan saya. Jadi izinkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Saya Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan jawapan. Okey, terima kasih di atas segala peringatan kepada saya dan *insya-Allah* saya akan memberi jawapan seperti yang ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga mendapat sokongan. Tadi yang menyebut mengenai pihak swasta, kita mendapat sokongan daripada Suruhanjaya Sekuriti bagi meningkatkan lebih ramai wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Dalam hal ini, Suruhanjaya Sekuriti pada 8 Julai tahun 2011 telah melancarkan *corporate governance blue prints* tahun 2011 yang menggariskan perkara yang perlu dipatuhi oleh syarikat awam. Antara perkara yang digariskan dalam dokumen ini ialah *board diversity* dari segi pengalaman, gender, kompetensi, kaum, budaya dan juga kewarganegaraan. Lembaga Pengarah juga perlu melaporkan secara eksplisit mengenai pelaksanaan dasar kepelbagaian gender serta sasarannya dan langkah-langkah yang diambil untuk mencapai sasaran tersebut.

Saranan dalam *corporate governance blueprint* tahun 2011 seterusnya diperkukuhkan menerusi kod tadbir urus korporat Malaysia tahun 2012 yang dilancarkan pada 29 Mac 2012. Kod ini memperuntukkan tempoh peralihan iaitu selama lima tahun diberikan kepada sektor korporat bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Perkara ini turut diberi penekanan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya semasa Program 1 Million Women Purple Walk pada 17 Mac 2013 supaya setiap GLC melantik sekurang-kurangnya seorang wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya merujuk kepada pandangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan sebab ini pun ada kena-mengena kenapa *the percentage* wanita ini macam seakan-akan menurun? Ada sebab-sebabnya dan *insya-Allah* kami juga memaklumkan kekangan dan bagaimana untuk mengatasi.

Pertama adalah mengenai isu taska. Adalah menjadi perjuangan kementerian ini supaya lebih banyak Taman Asuhan Kanak-Kanak (taska) dibuka khususnya di tempat kerja. Langkah ini penting bagi membolehkan lebih ramai wanita memasuki pasaran pekerjaan selaras dengan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang menyasarkan 55% penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan pada tahun 2015, 55% dan ini juga adalah *in line* dengan cadangan Yang Berhormat daripada Pandan tadi mengatakan, memang Yang Berhormat di universiti sekarang antara 60% hingga 70% adalah wanita dan mereka juga masuk ke dalam pasaran pekerjaan. Namun ada sebab-sebab kenapa ada vakum.

Bagi menggalakkan pembukaan taska di tempat kerja di sektor awam kerajaan telah menambah geran pelancaran penubuhan taska di tempat kerja sektor awam daripada RM50,000 kepada RM80,000 mulai tahun 2007. Seterusnya sewaktu membentangkan bajet tahun 2010 pada 23 Oktober 2009, kerajaan telah meningkatkan geran pelancaran penubuhan taska daripada RM80,000 kepada RM200,000.

Bagi penjawat awam, kerajaan memberi subsidi yuran pengasuhan taska sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2008. Dalam pada itu, kerajaan menyediakan insentif sejak tahun taksiran 1994 bagi menggalakkan sektor swasta membuka taska di tempat kerja. Perenggan 42(2) Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 membolehkan majikan yang menggunakan bangunan untuk pengasuhan kanak-kanak diberi elaun pembangunan perindustrian selama sepuluh tahun terhadap perbelanjaan, pembinaan atau pembelian bangunan. Sikit lagi Yang Berhormat. Melalui bajet tahun 2013, tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jua telah mengumumkan insentif baru kepada para pengusaha taska swasta.

Pertama, geran pelancaran RM10,000 kepada penyedia taska untuk membantu mereka membuka taska.

■1540

Adalah dianggarkan sebanyak seribu buah taska mendapat manfaat daripada insentif ini. Kedua, potongan cukai dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan taska dan juga pusat jagaan kanak-kanak akan diberi kepada majikan. Ketiga, pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun diberi kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniah di atas pelantikan Menteri Wanita. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu pertama setakat ini berapa jumlah taska yang di bawah kelolaan kerajaan yang telah dibuat, yang telah dilaksanakan. Kita sangat berterima kasih di atas pelbagai insentif yang telah disediakan untuk membantu menggalakkan kemudahan bagi sistem sokongan kepada pekerja wanita tetapi kita lihat walaupun pelbagai insentif yang telah dibuat, kita tengok di Parlimen ini sendiri tidak ada lagi kemudahan taska. Sedangkan di sini tempat penggubal dasar dan kakitangan kita pun ramai wanita. Jadi maknanya bila perkara ini akan dilaksanakan?

Saya mengambil kesempatan ini menafikan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggong tadi. Sebenarnya PAS telah meletakkan calon wanita di peringkat Parlimen sejak 1957 lagi, Khadijah Sidek. Jadi kalau tidak ada fakta, jangan bercakap. Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pendang bangun.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Sedikit sahaja. Walaupun saya sudah tidak ada anak kecil, tidak akan dapat. Satu soalan Yang Berhormat Menteri, saya hendak mencadangkan selepas beberapa banyak insentif yang diberikan untuk taska-taska ini, mengapa kerajaan tidak menunjukkan satu contoh di mana di satu pejabat kerajaan, jabatan kerajaan, bangunan kerajaan menyediakan satu tempat untuk taska ini dijalankan. Sebagai contoh, kalau umum sahaja, saya pun boleh umum. Jadi satu contoh, kerajaan melaksanakan, biar kita laksanakan dulu sebagai contoh kepada masyarakat bahawa kerajaan prihatin bagi menjalankan dasar untuk melaksanakan taska-taska ini dalam negara kita.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya mencelah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai insentif-insentif itu kita memang menghargai. Cuma soalan saya ialah semenjak insentif-insentif ini diberi, berapa banyak peningkatan, berapa peratus peningkatan di kalangan majikan baik swasta ataupun jabatan-jabatan kerajaan yang mengambil kesempatan ini kerana saya tidak nampak dengan *significant* di luar sana bahawa mereka menyambut insentif ini. Bila Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa minta sektor swasta, selagi tidak ada peraturan, selagi tidak ada undang-undang, tidak ramai majikan yang bersimpati dengan wanita yang ada anak ini, tidak ramai. Ini yang wanita minta supaya diundang-undangkan.

Misalnya saya sebut mungkin saya sudah beri semasa saya berbahas hari itu bahawa kementerian KPKT perlu ada satu undang-undang, satu peraturan bahawa setiap bangunan, setiap kompleks yang wujud dalam negara kita perlu ada ruang untuk taska. Kalau tidak, ia atas budi bicara kalau dia hendak insentif yang tidak seberapa itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah Yang Berhormat, itu adalah satu daripada kekangan yang kami hadapi sebab satu, bangunan ini bukannya macam itu sahaja, pihak KPKT kena memainkan peranan, sama-sama membantu, bomba juga mesti memastikan bahawa bangunan itu sesuai dan selamat. Selepas itu ada juga memang tempat itu tidak sesuai untuk taska. Jadi oleh yang

demikian Yang Berhormat, ini yang saya cuba hendak ceritakan sedikit sebanyak ini supaya kita dapat satu gambaran yang lebih luas.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak bagi cadangan sedikit.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, saya habiskan dulu Yang Berhormat, mungkin ada dalam ini Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya lihat tadi memang banyak insentif tetapi mungkin *takers* tidak banyak dan maka operasi untuk taska-taska, untuk ibu-ibu nampak lemah di seluruh negara tetapi satu pendekatan baru harus dilaksanakan. Mungkin harus dijalankan dengan berperingkat mengikut satu organisasi besar dan kita mesti ada satu *formalities action towards all these*, barulah kita boleh nampak peningkatan itu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kalau tidak sampai sekarang saya tengok tidak nampak satu *figure* yang mana kita dapat melihat bahawa ianya adalah satu kejayaan atau kegagalan atau ada peningkatan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, macam ini Yang Berhormat. Perkara-perkara ini Yang Berhormat, ia *above politic*. Jadi kalau dapat kita di dalam ini, kita kurangkan cerita politik tetapi bagi cadangan begini Yang Berhormat. Kami sangat mengalu-alukan sebab kita hendak mendengar seramai mungkin yang memberi cadangan supaya ini adalah untuk kesejahteraan negara kita.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *[Bangun]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Satu sahaja, cadangan, cadangan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Akan tetapi Yang Berhormat, biar saya sebab mungkin ada, sebab banyak yang ditanya yang memerlukan saya menjawab dulu. Sekejap ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk dulu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi pengenalan insentif-insentif tersebut telah sebenarnya menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja, ini seperti ada beberapa yang bertanya tadi. Hingga bulan Mei tahun ini, sebanyak 82 buah taska di tempat kerja sektor awam dan 27 buah taska di tempat kerja sektor swasta telah pun berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini sekali gus memberi manfaat kepada seramai 2,767 orang kanak-kanak. Jadi bermaknanya *insya-Allah* seperti yang disebutkan tadi memang sekarang ini di dalam permohonan sudah ada 200 lebih yang memohon untuk membuka taska yang kita sasarkan seribu itu. *Insya-Allah* cukup yakin rasanya kita boleh capai 1,000, *insya-Allah*.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan taska.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian, pertama sekali kepada kepimpinan

Perdana Menteri kerana mewujudkan insentif-insentif berkenaan dengan isu penubuhan taska. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya adakah kerajaan berminat untuk menambah jumlah apa yang disebut sebagai pendapatan isi rumah sebab Yang Berhormat Menteri telah menyebut RM3,000 pendapatan isi rumah. Hari ini kalau kita tengok terutama sekali graduan-graduan muda yang berkahwin, suami isteri kalau kita campurkan gaji memang lebih daripada RM3,000. Jadi secara tidak langsung seolah-olah dasar kerajaan ini tidak menyeluruh kepada mereka-mereka yang berpendapatan lebih daripada RM3,000 sekeluarga. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, itu adalah satu yang kami harapkan yang boleh diutarakan di dalam Dewan ini sebab sekarang ini kita hendak. Betul Yang Berhormat. Sekarang ini kalau dua orang PAR bekerja dah lebih RM3,000 dah sebab sekarang ini dengan *minimum wage* lagi. Jadi oleh yang demikian, *insya-Allah* mungkin cadangan yang ada ini, dari Yang Berhormat Pengerang satu daripadanya nanti mungkin yang lain akan memberikan kami satu *lead way* untuk kami hendak mencadangkan kepada kerajaan dan Kabinet untuk kita meningkatkan *the bracket* supaya betul-betul insentif ini memberi manfaat kepada mereka yang mempunyai anak-anak yang 6 tahun ke bawah.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Cadangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kuala Nerus bangun, sila.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Kita banyak bincang di sini tentang wanita yang berkerjaya. Saya cuba hendak ajak undur ke belakang sedikit untuk kita melihat bagaimana pula dengan mereka yang bersedia korbakan kerjaya dan menjadikan kerjaya sebagai ibu sebagai kerjaya. Adakah di pihak kerajaan ada suatu perancangan untuk beri satu insentif yang terbaik kepada orang yang seumpama ini?

Kalau kita lihat dalam hadis Nabi SAW, [*Membaca sepotong hadis*] "*seorang perempuan adalah penjaga di rumah suaminya*". [*Membaca sepotong hadis*] "*dia akan dipersoalkan di hari akhirat tentang perkara ini*". Ertinya Islam meletakkan menjadi ibu dan isteri juga adalah kerjaya yang besar. Sejauh mana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melihat persoalan ini? Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Bukit Gantang, sedikit sahaja cadangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satunya berkenaan dengan soal taska. Saya lihat hari ini sebab itu banyak di kalangan wanita-wanita yang berhenti kerja ialah masalah anak tidak ada yang mengasuh. Jadi sebab itu saya hendak mencadangkan supaya pihak kementerian antara bendanya ialah taska ini didirikan oleh pihak kerajaan di tempat sama ada di situ adanya sektor swasta ataupun sektor awam.

■1550

Gajinya, mereka ini orang yang terlatih yang kita perlu buka satu mungkin melalui MLKV. Melalui sijil vokasional atau sebagainya yang mengajar berkenaan dengan *skill parenting* dan sebagainya. Mereka ini perlu ada EPF dan sebagainya. Tidak perlu lagi kita bergantung dengan warga asing yang terpaksa mengasuh anak kita. Itu satu.

Keduanya ialah kementerian juga kena bela ramai wanita-wanita yang terpaksa dipisahkan dengan suami, soal tempat kerja. Kadang-kadang, soal benda itu ada kementerian tertentu, dia tidak mahu menyusahkan. Dia kata "*itu awak punya hal, itu keluarga punya hal*". Maka dia tidak ada inisiatif untuk mendekatkan antara suami dan isteri. Lebih teruk lagi yang berada di Sabah dan Sarawak ataupun suami di Semenanjung. Akhirnya kita tengok masalah sosial muncul. Seminggu, boleh. Dua minggu boleh. Apabila setahun atau dua tahun, kadang-kadang banyak berlaku kes penceraian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang, ringkaskan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Hendak letak jawatan masalah sedikit.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, banyak lagi isu? Baru satu isu sahaja.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Bermakna sekarang ini biar saya baca jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau benarkan celahan, dua jam tidak habis.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Sekejap sahaja. Satu cadangan sebab tadi minta cadangan.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: *Last and then* saya hendak baca segala jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tadi Yang Berhormat Menteri minta cadangan dan tadi juga disebut tentang wanita yang tidak bekerja mengorbankan kerjaya di luar untuk menjadi suri rumah tangga. Jadi, saya hendak cadangkan di sini untuk kerajaan melaksanakan dasar ataupun manifesto Pakatan Rakyat iaitu caruman sosial wanita sebanyak RM600 setahun sebab saya rasa ini akan memberikan satu pengiktirafan kepada wanita yang menjadi suri rumah dan membela kebajikan mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam jawapan saya pun ada akan menceritakan segala yang disebut tadi, macam wanita yang terpaksa mengorbankan pekerjaan. Selepas itu suri rumah tangga dan sebagainya. *Insya-Allah* ada. Eloklah saya guna ruang ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, bagilah saya untuk menjawab supaya nampak *flow*nya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Jadi, saya hendak masuk mengenai *flexi hours* iaitu sesungguhnya kerajaan telah pun melaksanakan waktu bekerja berperingkat di agensi-agensi kerajaan mulai 1 Jun 2007 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007. Ia merupakan satu sistem kerja dengan tiga waktu peringkat, yang mana tempoh masa waktu pejabat agensi kerajaan adalah dari 7.30 pagi hingga 5.30 petang.

Sewaktu tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan turut menggalakkan pelaksanaan waktu kerja anjal dan bekerja dari rumah di sektor awam serta swasta untuk mewujudkan tempat kerja yang lebih mesra keluarga. Jadi, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama TalentCorp. telah membangunkan portal yang dinamakan TalentWanita. Portal ini merupakan satu pangkalan data bagi wanita profesional yang telah meninggalkan kerjayanya kerana tuntutan keluarga dan kini berhasrat untuk kembali ke pasaran kerja.

Ia berfungsi sebagai platform khas yang memaparkan peluang pekerjaan dengan elemen pengaturan kerja fleksibel atau *flexible working arrangement* dan khidmat pemedanan pekerjaan. Dalam pada itu, syarikat-syarikat korporat yang mempunyai insentif dan sokongan khusus untuk membolehkan wanita kembali bekerja dijemput untuk menyertai TalentWanita dan mengiklankan peluang pekerjaan di syarikat masing-masing menerusi laman TalentWanita. Antara syarikat yang terlibat termasuklah *General Electric*, MIMOS Berhad, *PricewaterhouseCoopers*, *Hewlett-Packard*, IBM Malaysia Sdn. Bhd. dan *Ernst & Young advisory services*.

Terkini, TalentWanita telah dinamakan semula kepada *flexWorkLife.my*. Portal tersebut mengandungi *repository* amalan terbaik aturan kerja fleksibel dan kemudahan mesra keluarga telah dilancarkan pada 8 Julai 2013. Portal ini juga menjanginkan antara majikan dan modal insan yang berbakat bagi mengintegrasikan pekerjaan dengan kehidupan. Portal ini dijangka menyumbang ke arah usaha mengekalkan wanita dalam pasaran kerja.

Selain itu, Program *Get Malaysian Business Online* turut diperkenalkan dalam usaha membantu 50,000 orang usahawan kecil terutamanya wanita bagi melonjakkan perniagaan dengan meningkatkan jualan secara *online*. Dalam hal ini, geran sebanyak RM1,000 diberikan melalui peruntukan sebanyak RM50 juta oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Oleh yang demikian, saya menyeru lebih ramai wanita merebut peluang ini untuk merancakkan ekonomi negara.

Inisiatif yang telah saya huraikan sebentar tadi merupakan antara faktor-faktor pendorong kepada peningkatan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dari 45.8% pada tahun 2006 kepada 49.5% pada tahun 2012. Bagi wanita berkahwin, jumlah penglibatan ke dalam sektor pekerjaan telah meningkat daripada 44.4% pada tahun 2006 kepada 50.2% pada tahun 2012. Izinkan saya membaca sedikit sebanyak statistik mengenai penyertaan tenaga buruh wanita termasuk wanita bujang, yang balu, yang bercerai dan yang berkahwin.

Kadar penyertaan tenaga buruh wanita meningkat daripada 45.8% pada tahun 2006 kepada 49.5% pada tahun 2012. Selepas itu, penyertaan tenaga buruh wanita bujang yang belum pernah berkahwin berkurangan sedikit daripada 47.7% pada tahun 2006 kepada 47.3% pada tahun 2012. Mungkin dia hendak *take a break* dan sebagainya. Selepas itu penyertaan tenaga buruh wanita yang berkahwin meningkat daripada 44.4% pada tahun 2006 kepada 50.2% pada tahun 2012. Penyertaan tenaga buruh balu meningkat daripada 39.7% pada tahun 2006 kepada 45.5% pada tahun 2012. Bermakna mereka ini masuk balik ke dalam pasaran kerja. Penyertaan tenaga buruh wanita yang telah bercerai, berpisah tetap meningkat daripada 74% pada tahun 2006 kepada 78.1% pada tahun 2012. Jadi, ini adalah penyertaan ataupun statistik yang ada mengenai tenaga kerja.

Tadi kita telah memberi maklum bahawa selain taska, kita kena ada *flexi time* di dalam kita dapat menjalankan pekerjaan supaya kita ada masa menjaga keluarga atau anak-anak dan pada masa yang sama kita juga masih di dalam pasaran buruh negara.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Mengenai pendaftaran ibu tunggal dan Kad Skuad Pengguna.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Saya hendak masuk ke pendaftaran ibu tunggal.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri tidak benarkan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tentang kerja. Tentang kerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Menteri tidak benarkan pencelahan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tentang pasaran kerja.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Berhubung persoalan itu, saya rasa yang itu sudah banyak.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tentang pasaran kerja. Penting, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Berhubung soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Parit Sulong saya rasa mengenai kad diskaun dan pendaftaran ibu tunggal, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah

mengambil tindakan untuk menawarkan Kad Skuad Pengguna kepada golongan ibu tunggal yang berdaftar dengan Persatuan Ibu Tunggal. Pemegang Kad Skuad Pengguna boleh menikmati diskaun istimewa ke atas produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh premis perniagaan yang menyertai program ini. Pemberian Kad Skuad Pengguna membolehkan pengguna menerima potongan harga hingga 50% bagi pembelian barangan keperluan di 2,170 premis perniagaan di seluruh negara termasuk Kedai Rakyat 1Malaysia.

■1600

Inisiatif ini dapat meringankan beban golongan berpendapatan rendah termasuk ibu tunggal. Hingga 8 Julai tahun 2013 seramai 13,906 orang ibu tunggal telah menerima kad skuad pengguna. Justeru, mana-mana ibu tunggal yang ingin mendapatkan kad Skuad Pengguna bolehlah mendaftarkan diri dengan mana-mana persatuan ibu tunggal yang berdaftar. Permohonan yang lengkap dengan menggunakan format borang yang telah disediakan akan dipanjangkan oleh persatuan ibu tunggal kepada Jabatan Pembangunan Wanita sebagai agensi penyelaras sebelum dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk diproses.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Bagi mengumpul data ibu tunggal, Jabatan Pembangunan Wanita telah membangunkan portal MyWanita pada tahun 2012 yang mengandungi tujuh modul di mana satu daripadanya ialah modul ibu tunggal. Pada masa ini Jabatan Pembangunan Wanita sedang melaksanakan pendaftaran ibu tunggal melalui portal ini di mana ibu tunggal boleh mendaftarkan diri secara *online* atau dalam talian melalui laman web www.mywanita.gov.my. Kini terdapat data 70,552 orang ibu tunggal dalam portal MyWanita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai undang-undang gangguan seksual terhadap wanita. Berhubung isu perundangan dan gangguan seksual terhadap wanita yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Gudang, Kementerian Sumber Manusia telah meminda Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] bagi memasukkan satu bahagian khusus iaitu Bahagian 15A yang mengandungi definisi dan peruntukan bagi menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja.

Ini termasuk arahan untuk mengemukakan laporan berkenaan kes-kes gangguan seksual kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Pindaan ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja untuk mengarahkan majikan untuk menubuhkan mekanisme dalaman di tempat kerja bagi menangani gejala gangguan seksual.

Peruntukan baru ini juga membolehkan Ketua Pengarah Tenaga Kerja menyiasat kes-kes berhubung gangguan seksual ke atas majikan syarikat pemilik tunggal atau *sole proprietor*. Peruntukan ini tidak terhad kepada pekerja-pekerja yang dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 tetapi turut melindungi semua pekerja tanpa mengira had upah mereka.

Selain itu, terdapat seksyen di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*] yang boleh diguna pakai bagi menangani gangguan seksual iaitu seksyen 354, seksyen 355, seksyen 377D dan seksyen 509. Seksyen-seksyen ini boleh dikaitkan secara langsung dengan kes gangguan seksual.

Di samping itu, seksyen-seksyen ini lebih bersifat punitif atau berbentuk hukuman. Beban pembuktian dalam kes-kes yang dirujuk di bawah kanun keseksaan perlulah dibuktikan melampaui keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*).

Mengenai garis panduan mengendalikan gangguan seksual di tempat kerja dalam perkhidmatan awam. Bagi sektor awam pula, selain Penguatkuasaan Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengenai larangan melakukan gangguan seksual, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan garis panduan mengendalikan gangguan seksual di tempat kerja dalam perkhidmatan awam pada tahun 2005.

Secara ringkas garis panduan ini menggunakan pendekatan mendidik sebagai satu cara pencegahan daripada berlakunya situasi gangguan seksual. Antara program yang disenaraikan dalam garis panduan ini ialah siri ceramah, program penerapan nilai-nilai murni dan juga pameran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gender *responsive budgeting* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang...

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, gangguan seksual.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Gangguan seksual.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan gangguan seksual ini saya dengar ada pembaharuan di situ berkenaan dengan kuasa untuk menyelidik. Akan tetapi ia tetap masih garis panduan Yang Berhormat Menteri. Ia tetap masih garis panduan.

Ini saya rasa akan timbul masalah lagi kerana walaupun kita ada proses mendidik ramai juga lelaki dan juga wanita yang tidak faham apabila ada gangguan seksual. Saya bagi satu contoh. Saya harap Yang Berhormat Menteri lihat ini secara serius dan saya juga hendak tahu apa pandangan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kes ini.

Ada satu kes yang berlaku di Parlimen ini sendiri tetapi bukan dalam Dewan tetapi di luar Dewan di mana ada salah seorang pegawai mengatakan kepada salah seorang daripada Ahli Parlimen, Ahli Yang Berhormat wanita berkenaan dengan dia tidak bermaksud untuk menghina, kata dia. Akan tetapi dia kata begini. Saya minta maaf saya terpaksa *quote*. Dia kata, "*Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak dapat jawatan Exco sebab Yang Berhormat tidak tunjuk seluar dalam.*"

Dia kata, kalau Yang Berhormat tunjuk, Yang Berhormat dapat jawatan Exco. Ini kata-kata seorang pegawai lelaki kepada seorang Ahli Parlimen wanita di luar Dewan berkenaan dengan kedudukan Ahli Parlimen wanita ini yang tidak dapat jawatan Exco, dan dia kata begitu. Yang Berhormat Menteri... [*Dewan riuh*]

Dia bercakap berkenaan dengan kedudukan Exco di negerilah. Akan tetapi *point* dia Ahli-ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Menteri, *point* dia ialah apabila seorang lelaki berkata kepada wanita begitu pada saya, itu gangguan seksual. Saya cakap kepada lelaki tersebut saya kata minta maaf, wanita ini ibu. Depan saya, saya kata, "*Minta maaf, wanita ini ibu.*" Maka bila bercakap depan wanita, hormat. Akan tetapi pada saya itu adalah sebahagian daripada gangguan dan tidak ramai lelaki memahaminya. Dia kata saya tidak berniat untuk menghina, saya tidak berniat begitu. Akan tetapi kalau cakap dengan wanita, bukan begitu. Ini yang saya risau apabila kita hanya ada garis panduan. Kita tidak ada undang-undang.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya minta sangat penjelasan bagaimana kita boleh memperkuatkan lagi kesedaran (*awareness*), mendidik dan kesedaran supaya kaum lelaki benar-benar memahami apa sebenarnya - *where do you draw the line* dengan izin, *with regards to* menghina wanita dengan kata-kata begitu kepada wanita. Terima kasih.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: [*Bangun*]

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, dari Bakri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Pasir Gudang bangun Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Belakang sekali, kawan lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya terpandang Yang Berhormat Pasir Gudang.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sedikit. Ini soalnya sekarang seperti yang saya katakan yang lepas soal *burden of proof*.

Saya sebelum ini adalah pengurus sumber manusia, jadi saya biasa mengendalikan kes-kes *sexual harassment*. *Burden of proof* kepada wanita ini amat susah. Satu macam saya katakan mereka malu. Kita minta juga *burden of proof that he is not guilty* dengan izin, kepada pihak yang dituduh kerana wanita hendak bukti macam mana.

Kadang-kadang kita hendak bukti benda sudah berlaku. Kadang-kadang dalam ruangan yang sempit, tempat kerja saya itu sebagai contoh, ruang yang sempit. Benda ini

memang benar-benar berlaku dan akhirnya bila saya buat mengikut prosedur garis panduan yang ditetapkan, akhirnya perempuan ini malu, dia sendiri berhenti kerja. Bukan kerana dia diberhentikan, tidak! Akan tetapi dia berhenti kerja kerana malu, kerana dia yang membuktikan bahawa dia diganggu oleh si lelaki ini, tetapi lelaki ini tidak kuat hendak membuktikan bahawa dia tidak bersalah. Jadi saya minta tolong itulah, Yang Berhormat Menteri.

■1610

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Menteri dan Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada Bakri. Di sini saya hendak tanya satu soalan kepada Menteri. Apakah kementerian ada menyediakan bantuan sama ada khidmat kaunseling, bantuan guaman atau bantuan kewangan kepada keluarga Sungai Petani atau kepada keluarga-keluarga mangsa rogol dan bunuh atau seksa, yang mungkin mengalami kesan psikologi. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Jauh sudah perginya...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mencelah sikit? Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar rakan-rakan kita daripada Pakatan Rakyat seolah-olah berjuang mati-matian untuk wanita, peluang bekerja, peluang naik pangkat dan juga berkenaan dengan gangguan seksual. Kalau saya tidak silap, Nik Aziz pernah kata bahawa, wanita yang cantik-cantik sepatutnya jangan kerja. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Masing-masing senyum. Masing-masing senyum itu faham-fahamlah ya.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Semua tidak cantik belaka.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Kuantan, sama juga Yang Berhormat Pasir Gudang dan Tebrau dan termasuk juga dari Bakri. Akan tetapi elok saya masuk kepada yang dikatakan tadi hanya garis panduan.

Jadi, walaupun dikatakan tadi hanya garis panduan tetapi kita juga menggunakan Kanun Keseksaan yang boleh diguna pakai untuk menangani gangguan seksual ini. Seperti saya katakan tadi di bawah seksyen 354 yang berkaitan dengan kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan, seksyen 355 yang berkaitan dengan kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak menjatuhkan kehormatan seseorang kecuali atas sebab-sebab provokasi.

Ketiga, seksyen 377D yang berkaitan dengan kesalahan melanggar kesopanan sama ada di tempat awam atau persendirian dan keempat, seksyen 509 yang berkaitan dengan kesalahan yang bermaksud untuk mengaibkan kehormatan seseorang sama ada dengan perkataan atau isyarat.

Jadi tadi Yang Berhormat dari Kuantan, perkara macam inilah Yang Berhormat kita tunjukkan satu contoh. Kita bawa, kita heret dia, ini ada gangguan seksual untuk menjadi satu kes. Ini Yang Berhormat, kadang-kadang kita memang memikir banyak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang, sebab dia hendak *burden of proof*. Jadi, bila *burden of proof* ini selalunya ia merujuk kepada wanita tetapi kita *persist*. Ini sebenarnya banyak kes yang telah berlaku di mana memang banyak yang telah didapati tetapi memang makan masa sedikit sebab seperti biasalah, mengumpulkan *burden of proof*.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Menteri, sikit mengenai ini tadi yang disebut tadi.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ini *responsive* tidak?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Belum, sebelum itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma tadi Menteri sebut tentang undang-undang *Sexual Harassment Act* dan tadi juga menceritakan tentang langkah-langkah untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam ekonomi negara. Akan tetapi dalam kes ini, ibu mengandung, kes Nor Fadilah, seorang guru yang mengandung waktu memohon kerja dan selepas itu dihentikan perjawatan beliau kerana beliau mengandung.

Jadi dalam ucapan saya, saya minta kementerian untuk buat satu dasar polisi agar ini tidak ada diskriminasi kepada wanita mengandung waktu memohon pekerjaan di semua sektor. Jadi, ini harus dilihat kerana wanita muda perlu mengandung. Jadi kalau mereka didiskriminasikan, bagaimana mereka hendak bekerja. Bagaimana kita hendak mencapai tahap 55% dan bagaimana hendak capai 30% sebagai pembuat dasar. Jadi, ini harus diteliti dan buat satu penggubalan dasar.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu Yang Berhormat, kita memang di dalam proses untuk menambah baik apa-apa yang dirasakan bahawa ianya telah menjejaskan khususnya keselamatan dan juga kehormatan. Khususnya kepada wanita, bukan sahaja wanita tetapi keluarga dan juga masyarakat. Mengenai kes yang disebut oleh Yang Berhormat Bakri, memang kami di Kementerian Wanita memang begitu prihatin. Kami mengambil berat daripada segi pelbagai kes-kes keganasan terhadap wanita termasuk rogol dan juga telah membuat saranan-saranan kepada kerajaan untuk meminda undang-undang berkaitan bagi kesejahteraan dan juga kebajikan masyarakat, khususnya wanita.

Bermakna, memang ini adalah dalam proses kami. Saya ingin memberi peringatan kepada semua wanita supaya menjaga keselamatan diri masing-masing dan juga kepada golongan lelaki supaya memberi penghormatan yang sewajarnya kepada golongan wanita. Dalam hal ini, kementerian telah melaksanakan program pencegahan dan juga kesedaran seperti Program Wanita Antijenayah, di mana temanya adalah "*Respek Wanita*". Kita fokuskan kepada gangguan seksual dan juga rogol. Di mana sehingga kini, 4,203 orang peserta yang terdiri daripada 1,249 orang lelaki dan 2,954 orang wanita telah mengikuti program pada tahun ini. Saya sangat berharap bahawa seminar seperti ini akan terus memberi kesedaran.

Sekarang ini Yang Berhormat, kita terpaksa tekankan kesedaran dan kesedaran supaya sentiasa kaum lelaki menyayangi, menghormati dan menghargai kaum wanita. Jadi, janganlah diseksa, janganlah buat cerita-cerita rogol. Jadi, hormatilah wanita-wanita. Jadi, kepada pelaku-pelaku kesalahan rogol, saya ingin memberi amaran, ini bagi yang sudah dan yang akan. Kementerian akan melakukan apa sahaja yang terdaya untuk memastikan mangsa mendapat keadilan, so itu untuk Yang Berhormat Bakri ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [*Bangun*]

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Saya rasa saya mohon *last*, sebab saya ada *signal*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ada *signal*. Sudah lebih satu jam sudah Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat berkaitan dengan masalah keganasan wanita. Kita lihat sekarang ini peningkatan keganasan wanita lebih daripada 3,000 kes setahun. Ini purata dan semakin meningkat. Jadi kita lihat hari ini di antara permasalahan yang ada pada hari ini, mungkin saya minta kerjasama dengan pihak kementerian, supaya kita menguatkuasakan etika, terutama etika berpakaian yang kita lihat ini juga di antara salah satu punca membawa kepada gangguan seksual. Contohnya, berpakaian tidak sopan di tempat awam. Kita lihat hari ini satu fenomena baru. Mungkin ini adalah gara-gara kerana pemimpin BN bawa artis daripada Korea. Jadi, ramai gadis hari ini suka berpakaian seluar pendek...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Perbetulkan Yang Berhormat Rantau Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh, pada peringkat ini tidak boleh mencelah Yang Berhormat. Dia tengah mencelah itu.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Bagi saya peluang bercakap dahulu sebab budaya berpakaian seluar pendek di kalangan gadis-gadis ini sangat tidak sopan. Begitu juga pakaian pramugari sebagai contoh dengan skirt yang sangat pendek, dengan kain terbelah. Sepatutnya pihak kementerian memberi perhatian dalam isu-isu seperti ini supaya tidak berlaku kes. Walaupun tidak dinafikan ada kes sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Pengerang, yang mana wanita yang berpakaian menutup aurat pun ada yang dirogol. Akan tetapi yang kita tengok ialah, punca-punca dan di antaranya ialah pergaulan bebas dan berpakaian mendedahkan aurat. Jadi hendaklah dilaksanakan oleh pihak kementerian supaya orang yang bukan Islam berpakaian sopan, orang Islam berpakaian yang mengikut tatacara Islam. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Boleh tambah sikit tidak, mengenai hormat wanita tadi itu. Jadi, saya cuma hendak memberikan sedikit cadangan. Program hormat wanita itu yang disebutkan oleh Menteri tadi adalah untuk kesedaran, kesedaran dan sebagainya. Akan tetapi Menteri sedar tidak, kita perlu menangani isu ini daripada peringkat awal iaitu di peringkat prasekolah, *primary school*, *secondary school*. Dalam mata pelajaran atau silibus, bagaimana membudayakan falsafah hormat wanita itu dalam negara kita, di kalangan rakyat kita.

■1620

Ini penting. Kalau ini dapat dimulakan daripada awal, maka ianya akan dapat menangani masalah-masalah sosial yang kita ada sekarang dan ianya bermula dari satu *syllabus* pendidikan yang mana bermula daripada taska kepada sekolah rendah, menengah, remaja, satu *syllabus* yang holistik bagaimana kita membudayakan falsafah itu sendiri. Orang perempuan itu sebagai ibu, isteri, anak, kakak, nenek dan apa harus dihormati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Segambut hendak masuk.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, saya terpendang Yang Berhormat Segambut.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Segambut dahulu Yang Berhormat. Tidak apa.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Oh.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya terima kasih. Saya tertarik kepada seruan Yang Berhormat Menteri kata, lelaki mesti hormat wanita. Jadi, saya hendak tanya apa respons kerajaan kepada *London Mayor*. Dia kata wanita Malaysia, pergi UK belajar, hanya semata-mata untuk mencari suami. Apa respons kerajaan kepada *London Mayor* ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membangkitkan dua isu. Satu skim-skim yang sedia ada atau yang dalam proses untuk implementasi oleh kerajaan bagi kaum wanita yang akan memperdayakan kaum wanita secara asasnya untuk kaum-kaum wanita atau isteri yang dikira bernasib baik. Saya ingin membangkitkan isu andai kata si suami itu pengedar dadah atau di tahan polis, masuk lokap, masuk penjara, bagaimana pula dengan kaum wanita atau isteri yang terpaksa menanggung beban keluarga mereka, anak-anak yang telah terdedah kepada ancaman dadah. Kemungkinan besar isteri dan

keluarga juga menjadi penagih dadah. So apa inisiatif kerajaan dan selaku Yang Berhormat Menteri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membantu isteri-isteri dari golongan seperti ini?

Dalam isu kesihatan wanita, kebanyakan wanita atau isteri dari keluarga di mana suaminya seorang penagih dadah, dengan izin *is open to sexually transmitted disease which affected a lot of woman*, dengan izin. Jadi, apa pandangan atau inisiatif dari pihak kerajaan? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi. Ini adalah tambahan-tambahan Yang Berhormat yang tidak disentuh di dalam perbahasan. Saya telah tulis tetapi biarlah saya menyentuh yang telah ditulis atau yang telah disebutkan termasuk yang London itu.

Okey, mengenai *gender responsive budgeting*...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, maaf. Minta jawapan bertulis bagi soalan saya. Boleh?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: *Insya-Allah*. Okey, mengenai *gender responsive budgeting* daripada Yang Berhormat Ampang dan saya kalau dapat saya hendak meneruskan jawapan saya. Merujuk kepada isu *gender responsive budgeting*, sememangnya pelaksanaan Dasar Bajet Negara sentiasa mengambil kira elemen gender.

Walau bagaimanapun, pemahaman terhadap isu-isu dan analisis gender perlu dikukuhkan dan diperbaiki selari dengan arus perubahan. Sebagai contoh pada 16 Oktober tahun 2008, Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan arahan mengenai pengaplikasian data mengikut pecahan jantina dalam penggubalan dasar dan pelan tindakan serta perancangan program kerajaan. Arahan ini telah meminta semua kementerian dan juga agensi untuk menyediakan dan mengumpul data mengikut pecahan jantina bagi membolehkan perspektif gender diketengahkan dalam penggubalan dasar dan pelan tindakan serta perancangan program dan intervensi yang lebih berkesan di peringkat kementerian dan juga agensi.

Selain itu, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan arahan yang menjurus kepada perkara yang sama dengan memberikan fokus kepada penyediaan bajet semenjak tahun 2004. Arahan ini terkandung dalam beberapa dokumen iaitu yang terbaru ialah Pekeliling Perbendaharaan, Bil.2, Tahun 2011 mengenai garis panduan bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2012 dan tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 14 Januari tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya hendak masuk sekali lagi mengenai Program Respek Wanita. Kita menjalankan Program Respek Wanita untuk kita meningkatkan kesedaran umum serta menerapkan rasa hormat dan sayang kepada wanita melalui Seminar Wanita Anti-Jenayah dan juga Seminar Literasi Undang-undang.

Terima kasih cadangan daripada Yang Berhormat Ampang yang mengatakan bukan sahaja kita buat di peringkat orang dewasa tetapi mungkin kita mengadakan *syllabus* juga di peringkat serendahnyanya sehingga tadika dan sebagainya. *Insya-Allah*, terima kasih Yang Berhormat. Pengisian program berkenaan meliputi pelbagai topik seperti berikut:

- (i) senario jenayah terhadap wanita;
- (ii) kes-kes jenayah komersial melibatkan mangsa wanita;
- (iii) keldai dadah;
- (iv) aman nita; dan
- (v) kesaksamaan gender.

Program ini melibatkan peserta-peserta yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat termasuk ibu tunggal, kaum lelaki, golongan belia, pelajar di institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan dan juga masyarakat setempat.

Yang Berhormat daripada Ampang juga membawa isu gadis Penan yang di rogol. Bagi menjelaskan isu gadis Penan yang di rogol, secara umumnya laporan yang telah dikeluarkan oleh kumpulan sokongan Penan pada tahun 2010 berkisar kepada usul atau cadangan Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi menyiasat dakwaan penderaan seksual terhadap wanita kaum Penan di Sarawak melalui laporan yang dikeluarkan pada tahun 2009...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: [Bangun]

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Susulan daripada itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling bangun Yang Berhormat.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tajuk yang sama Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang mana? Penan?

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya berkaitan dengan jenayah, kes wanita keldai dadah dan *credit card* ini. Adakah kerajaan boleh sediakan sebarang peruntukan atau cari kaedah yang bersesuaian untuk membawa mereka ini pulang. Saya ada pengalaman membawa keldai dadah daripada Peru. Empat orang daripada Peru. Saya pernah bawa balik seramai tujuh orang daripada Vietnam berkaitan dengan jadi keldai *credit card*. Skim pemalsuan *credit card*.

Jadi kalau kita tengok statistik, masih ramai lagi wanita-wanita yang dianiaya khususnya mereka yang OKU. Banyak mereka dapat surat jemputan mengatakan ada pelancongan, perjalanan percuma dan sebagainya dan akhirnya dalam beg mereka didapati dadah. Dadah ini bukan bentuk yang serbuk. Kadang-kadang kita pun tidak tahu dadah ini. Kadang-kadang dadah ini hanya sehelai kertas atau pun dia kata tolong hantarkan kain untuk anak saya hendak kahwin di luar negara. Rupanya kain itu telah dicelup dengan dadah jenis dadah ini dan akhirnya mereka menjadi mangsa.

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada kementerian ada tidak peruntukan atau ada tidak kajian di bawah kementerian Datuk Menteri yang baru ini untuk kita tengok, cari kaedah yang bersesuaian macam mana kita hendak selamatkan wanita-wanita yang teraniaya ini? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat, *insya-Allah* cadangan Yang Berhormat saya catit dan kita akan berbincang mengenai perkara ini kerana ia melibatkan juga kementerian lain. Jadi mengenai Penan ini tadi, pelbagai program seperti Program Gangguan Seksual dan Keganasan, Program Pembangunan Minda serta Program Memperkasakan Gadis dan Wanita Kawasan Pedalaman Terhadap Wanita telah diadakan untuk kita memberi manfaat kepada ibu bapa dan juga pelajar, masyarakat Penan sejak tahun 2009 hingga tahun 2012.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti *Sarawak Woman for Woman Society* bagi membela nasib dan menghalang dari perkara yang tidak diinginkan berulang. Program ini telah disertai oleh seramai 2,265 orang peserta dari kaum Penan di Baram, Miri. Sebagai tambahan, pada tahun ini kementerian akan melaksanakan Program Wanita Anti Jenayah yang memberi fokus kepada isu-isu gangguan seksual, rogol, cabul, sumbang mahram, pemerdagangan orang, keldai dadah dan keganasan rumah tangga. Program ini dijangka melibatkan 300 orang wanita dan gadis Penan pada bulan Oktober tahun 2013.

Jadi, selain itu, tindakan penyiasatan telah dijalankan serta kertas siasatan dibuka oleh pihak polis susulan aduan kes rogol. Namun, aspek kekurangan bukti menyukarkan kekurangan pihak berkuasa untuk membawa mereka yang didakwa melakukan jenayah ke muka pengadilan. Walau bagaimanapun, pihak polis meneruskan usaha pemantauan bagi mengelakkan kes yang sama berulang.

■1630

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: [Bangun]

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat saya rasa...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tentang kes perogol dan penjenayah dengan gadis Penan ini. Jadi maksudnya kes ini sudah ditutupkah?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tidak, masih ini saya kata, masih diteruskan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Apa penjenayah dan perogol itu kita kenal pasti tetapi masih belum ada tindakan terhadap mereka?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Diteruskan Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Lama sudah, berapa tahun sudah. Tidak tangkap-tangkap sampai sudah beberapa kali rogol sudah.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: [Ketawa] Yang Berhormat tadi sudah beberapa kali orang mengatakan ini macam-macamlah *you know*, kes ini tetapi *insya-Allah* ia masih berterusan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keusahawanan wanita yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Samarahan, jadi kita akan memperbanyakkan program keusahawanan di mana kita akan menyediakan latihan asas dalam bidang kemahiran kepada wanita berpendapatan rendah menerusi program inkubator kemahiran ibu tunggal dan mula daripada tahun 2008 hingga tahun 2012 seramai 2,949 orang ibu tunggal di seluruh negara telah menyertai program *I-Kid*.

Selain itu, kementerian menggalakkan penyertaan wanita dalam bidang perniagaan dan keusahawanan dalam tempoh pembangunan Rancangan Malaysia kesepuluh. Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah, kementerian bekerjasama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia sebagai agensi pelaksana untuk melatih dan membangunkan usahawan wanita.

Dari bulan Januari tahun 2010 hingga ke 31 Disember tahun 2012, kementerian telah berjaya melahirkan 4,300 orang usahawan wanita dan pencapaian ini melepasi sasaran awal sebanyak 4,000 orang usahawan wanita. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan semasa ucapan Bajet Tahun 2013 pada 28 September tahun 2012 yang lalu, memperuntukkan sebanyak RM400 juta bagi program 1Azam bagi tahun 2013. Program ini adalah untuk memperkasakan isi rumah berpendapatan rendah melalui inisiatif perusahaan kecil dan mikro. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa semenjak tahun 2010 program 1Azam telah mencatatkan penyertaan sejumlah 106,967 orang seluruh negara hingga 31 Disember tahun 2012 dan daripada jumlah tersebut 70,224 peserta atau 65.65% adalah wanita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai mengukuhkan institusi kekeluargaan, kementerian telah menggubal Dasar Keluarga Negara serta Pelan Tindakan Keluarga Negara bagi memastikan dasar dan strategi perancangan dan pembangunan sosioekonomi di semua peringkat mengambil kira perspektif keluarga serta menjurus ke arah membina keluarga yang sejahtera. Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan Keluarga Negara yang dilancarkan pada tahun 2011 bermatlamat untuk membangunkan keluarga yang sejahtera, sihat dan berdaya tahan untuk memastikan kestabilan sosial.

Pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Keluarga Negara berpandukan kepada tiga strategi utama seperti berikut iaitu:

- (i) meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha pembangunan sosioekonomi;
- (ii) memastikan undang-undang dasar prosedur serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan mengutamakan perspektif keluarga; dan
- (iii) menyelia dan memastikan program perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga mudah diakses atau dicapai.

Selain itu, di bawah strategi lawatan biro kebangsaan Dasar Keluarga Negara menjadi asas kepada pelaksanaan gerakan *1Malaysia Family First* yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 3 November tahun 2012 di Pekan, Pahang.

Bagi mendapat komitmen semua pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa syarikat-syarikat swasta yang menganjurkan hari keluarga untuk pekerja layak diberikan pelepasan cukai 100% bagi menjalankan aktiviti tersebut.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Program yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara pada tahun 2011 mendapati tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia ialah 7.55 daripada skala 10. Berdasarkan kepada kajian tersebut domain bagi hubungan kekeluargaan masih perlu dipertingkatkan bagi memastikan tahap kesejahteraan keluarga terus meningkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun, hendak bagi Yang Berhormat?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sekejap saya hendak sampai ke bapanya pula.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Perkahwinan kanak-kanak, perkahwinan.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sebab bila tidak ada dalam ucapan, dalam perbahasan, ia mengganggu sedikit sebanyak *floor* ini.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ini tentang keluarga perkahwinan...

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tidak apa nanti Yang Berhormat ini ya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam. Duduklah Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Bagi menggalakkan bapa mengikut program-program kekeluargaan, jadi sebagai ketua keluarga mesti mempunyai peranan yang besar dalam membangunkan dan melahirkan generasi maju dan berintegriti lebih-lebih lagi banci penduduk dalam perumahan Malaysia pada tahun 2010 mendapati 86.1% keluarga masih diketuai oleh lelaki.

Sehubungan dengan itu bagi memastikan golongan bapa berperanan dalam memperkasakan keluarga, kementerian melalui Lembaga Pendudukan dan Pembangunan Keluarga telah membangunkan beberapa modul kekeluargaan bagi memberi ilmu kepada golongan bapa selain kepada ibu. Modul-modul tersebut telah digunakan dalam kursus *Smart Starts*, Ilmu Keluarga LPPKN, *Parenting@Work* dan Smart Belanja at LPPKN. LPPKN turut memberi perkhidmatan kaunseling keluarga di 15 buah pusat keluarga di seluruh negara untuk membantu ahli-ahli sesuatu keluarga termasuk golongan bapa. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh 17 orang kaunselor tetap dan 62 orang kaunselor panel.

Tuan Yang di-Pertua, ini kita masuk kepada spesifik iaitu cadangan penyediaan jururawat atau doktor di taska yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Kota Raja. Suka saya maklumkan di sini bahawa berdasarkan kepada peruntukan undang-undang, semua pengasuh taska diwajibkan hadir dan lulus kursus asuhan dan didikan awal kanak-kanak PERMATA. Kursus tersebut turut memuatkan pembelajaran berkaitan pertolongan cemas dan pencegahan kemalangan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak yang berada di dalam taska. Oleh yang demikian, semua pengasuh taska mampu memberikan pertolongan awal melalui *first aid* sebelum kanak-kanak tersebut dirujuk dengan segera kepada pegawai perubatan untuk mendapatkan rawatan segera jika terdapat situasi kecemasan.

Mengenai mengkaji semula kadar bantuan, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil perhatian terhadap kos sara hidup yang semakin meningkat. Bagi memastikan kadar skim bantuan yang disediakan sentiasa relevan dengan

keadaan semasa, kerajaan bersetuju supaya pendapatan garis kemiskinan tahun 2009 yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri digunakan untuk menggantikan PGK tahun 2007.

Kriteria ini mula berkuat kuasa pada 21 Februari tahun 2012 dan ini bermakna PGK di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada RM720 kepada RM760, RM830 kepada RM910 bagi Sarawak dan RM960 kepada RM1,050 bagi Sabah. Selain itu izinkan saya menyatakan penyelarasan semula bantuan kebajikan dan pengenalan skim bantuan baru semenjak tahun 2008 hingga kini adalah seperti berikut:

- (i) kadar bantuan orang tua telah dinaikkan daripada RM200 sebulan kepada RM300 sebulan; dan
- (ii) insentif kepada golongan OKU melalui skim elaun pekerja cacat telah dinaikkan kadarnya daripada RM200 sebulan kepada RM300 sebulan. Pada masa yang sama syarat pertimbangan kelayakan siling pendapatan OKU yang bekerja juga telah dinaikkan daripada RM750 kepada RM1,200 ke bawah.

■1640

Dengan kenaikan ini, lebih ramai OKU yang bekerja layak untuk menikmati elaun pekerja cacat dan kita telah memperkenalkan skim bantuan baru iaitu Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar dengan kadar RM300 sebulan seorang bagi mengurangkan bebanan kepada penjaga yang menjaga mereka. Mulai Januari tahun 2009, Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja telah diluluskan sebanyak RM150 dan ia diberi kepada golongan OKU yang berusia antara 18 tahun hingga 59 tahun dan tidak mampu bekerja.

Mulai tahun 2010, kelayakan pemberian EPC telah diperluaskan kepada OKU yang menerima pencen ilat. Mulai tahun 2011, pemberian bantuan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan jumlah, sedikit sahaja, OKU tadi.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat, saya habiskan Yang Berhormat sebab itu telah kita buat keadaan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, kalau boleh naikkan, minta sangat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya. Pemberian bantuan, ini Yang Berhormat kita sentiasa buat, kita melihat kadar-kadar yang bersesuaian.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Menteri...

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Pemberian bantuan turut diperluaskan kepada - Ini masih *child bride*?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Perkahwinan kanak-kanak.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: *Child bride* sebab tidak masuk dalam ini, sekejap Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Akan ada?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA), kadar bantuan bergantung kepada skim-skim yang layak. Selain daripada...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, sebelum beralih ini, tajak ini JKM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Saya masih lagi dekat ini peruntukan Yang Berhormat, saya habis sedikit.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: JKM?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya, JKM masih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: KAR1SMA itu, macam sudah tukar topik KAR1SMA pula.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: KAR1SMA ini adalah Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia, dia sama jugalah. Kadar bantuan bergantung kepada skim yang layak. Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada itu, bagi memastikan peruntukan untuk bantuan kebajikan disediakan secukupnya, kementerian melaksanakan kajian semula perbelanjaan setiap setengah tahun. Ini saya harap telah menjawab kerisauan. Setiap setengah tahun bagi menyelaraskan keperluan yang terlibat. Sebarang keperluan peruntukan tambahan akan dikemukakan untuk pertimbangan Kementerian Kewangan dengan segera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat, panjang lagikah?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, rasa dia bagi peluang dekat Parit Sulong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, sebab sekarang ini kementerian ini sudah pun mengambil lebih daripada 1 jam setengah Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Sedikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jadi kalau terlalu panjang lagi, saya cadangkan ia dijawab secara bertulis.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Soalan khusus Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi saya peluang.

Saya tertarik dengan apa yang dimaklumkan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri mengenai kadar-kadar baru melalui JKM dan saya hendak ucapkan tahniah tetapi saya tengok melalui pengalaman saya dekat Parlimen saya. Di daerah Batu Pahat ini dia ada empat Parlimen Yang Berhormat dan pegawai-pegawainya adalah sama. Saya mendapati setengah daripada permohonan itu lambat diproses disebabkan kekangan pegawai dan juga kakitangan. Jadi boleh tidak Yang Berhormat selaku Menteri mengambil kira, berapa pegawai per kes, sebab daerah Batu Pahat ini daerah yang kedua terbesar di Johor. Saya harap penambahan kakitangan ini dapat ditambah terutamanya di Daerah Batu Pahat. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Sedikit saja Yang Berhormat Menteri, tentang OKU.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Saya hendak tanya khusus tentang PDK ini atau Pemulihan Dalam Komuniti. Saya ada bangkitkan dalam perbahasan. Jadi saya minta penjelasan dan saya minta juga Yang Berhormat Menteri tolong turun padang tengok keadaan Pemulihan Dalam Komuniti ini dia perlukan satu pemulihan juga sebenarnya, teruk keadaannya. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat, terima kasih. Saya akur mengenai pegawai-pegawai yang diperlukan sebab mereka memang mesti turun padang dan juga memantau.

Yang Berhormat Bukit Katil, sebab saya hendak sampai kepada Yang Berhormat ini. Yang Berhormat Bukit Katil, dia bertanyakan tentang PDK.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang *last*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, habiskanlah yang itu Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: PDK di mana PDK ini adalah Kampungku Sayang, Melaka dikatakan dalam keadaan daif. Untuk Makluman Yang Berhormat, jadi petugas di PDK adalah berstatus sambilan dan kementerian amat menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat tadi.

Kementerian akan sentiasa berusaha untuk menambahbaikkan kemudahan bukan sahaja di PDK Kampungku Sayang, malah di semua PDK-PDK di seluruh negara. Sebagai makluman, petugas PDK adalah individu yang dilantik oleh Jawatankuasa PDK untuk bertugas secara sukarela dan kebiasaannya untuk tempoh tiga tahun bergantung kepada prestasi dan diberikan sagu hati.

Justeru, petugas PDK tidak tertakluk kepada Akta Kerja 1955 dan tambahan pula status petugas PDK adalah bersifat sukarelawan. Mereka bukan penjawat awam dan tidak layak menerima apa-apa keistimewaan sebagai penjawat awam. Jadi inilah keadaannya Yang Berhormat. Jadi sebab itulah kita memerlukan mentor macam Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama-sama membantu PDK-PDK yang ada. Jadi...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri. Kita telah tandatangani satu konvensyen mengenai hak OKU di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jadi saya fikir perlu ada keseriusan di peringkat Yang Berhormat sendiri sebab saya pergi turun padang lihat yang bekerja di tempat itu sudah 10 tahun sukarelawan. Jadi saya fikir ini satu perkara yang tidak memberikan dukungan kepada mereka untuk membantu dan kalau kita lihat anak-anak yang dijaga itu memang kasihan. Saya simpati dan sebab itu saya bangkitkan sebab kita telah pun tandatangan konvensyen ini dan mesti dilayan sama rata. Terima kasih.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Masalah Yang Berhormat sebab seperti saya katakan sekarang ini kementerian kita menggalakkan kesukarelaan. Kesukarelaan bukan sahaja yang bertugas tetap tetapi komuniti setempat juga tampil untuk menjadi sukarelawan bagi membantu. Jadi Yang Berhormat, itu saja yang saya dapat rungkakan untuk kementerian dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya akan menerima kalau dapat secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: *[Bangun]*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya telah bangkitkan dalam perbahasan saya perkahwinan kanak-kanak dan saya rasa penting Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dijemput Kementerian Pengangkutan.

4.47 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 13 Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pengangkutan di Dewan yang mulia ini.

Izinkan saya untuk turut sama menjunjung kasih di atas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Tuanku yang telah menyentuh secara langsung perkara-perkara berkenaan kementerian ini. Saya dan seluruh keluarga Kementerian Pengangkutan akan terus komited dan beriltizam untuk memastikan bahawa

sistem pengangkutan awam di negara ini ditambah baik dan menjadi lebih efisien serta selamat untuk keselesaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pengangkutan Nasional berkenaan cadangan Yang Berhormat Kluang mengenai SPAD. Ianya adalah di bawah bidang kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan melalui dasar-dasar sedia ada sememangnya telah memberi fokus ke arah pencapaian misi dan matlamat kementerian untuk memastikan sistem pengangkutan pelbagai mod yang cekap, bersepadu, selamat, mampan dan mesra pengguna di negara ini. Antaranya termasuk pengangkutan awam yang stimulus, efisien dan selamat.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada Kementerian Pengangkutan, terdapat beberapa kementerian dan agensi lain yang juga terlibat dari segi pembangunan sektor pengangkutan di negara ini. Mereka juga mempunyai dasar-dasar dan objektif yang tertentu terhadap sistem pengangkutan yang lebih mampan di Malaysia.

■1650

Mengenai isu lapangan terbang, berkenaan dengan...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Menteri, Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak masuk lagi Yang Berhormat. Itu baru *preamble*.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Bukan, saya hendak tanya soalan. Saya tanya soalan tentang Dasar Pengangkutan Awam, Dasar Pengangkutan Nasional. Saya hendak tanya tentang isu SPAD, kerana SPAD ini kalau terletak di bawah JPM, tidak begitu berkesan untuk Kementerian Pengangkutan, untuk membuat penyelarasan. Saya harap ini masukkan agenda kerajaan di mana SPAD diletak di bawah Kementerian Pengangkutan. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Menteri, juga tentang SPAD. Saya masih ingat lagi apabila kita membentangkan akta dan juga berkenaan dengan SPAD ini. Kita banyak berbincang bagaimana SPAD harus mengambil tanggungjawab untuk *regularized* dan melihat dengan dasar-dasar tentang pengangkutan awam. Akan tetapi saya tengok dalam lapangan sekarang ini, SPAD ini ia lebih menjadi agensi yang begitu menitik beratkan tentang penguatkuasaan. Saya lihat SPAD lebih menumpukan perhatian kepada hal-hal penguatkuasaan. Saya tengok juga malah ada di bawah di sana kita lihat bagaimana berlaku percanggahan di antara penguatkuasaan yang dilakukan oleh SPAD dengan juga undang-undang yang telah diberikan kepada JPJ. Jadi di situ nampak konflik. Nampaknya ada juga pegawai-pegawai JPJ yang kompelin. Mereka buat tangkapan dan sebagainya, lepas itu kena serah kepada SPAD. Nampak kerja bertindih sangat.

Oleh sebab itu saya memohon Menteri melihat balik supaya peranan SPAD ini harus dilihat betul-betul supaya bukan sahaja lihat bas, lori, teksi tetapi lihat keseluruhan hal-hal yang tidak melibatkan penguatkuasaan. Saya rasa itu lebih baik. Hal yang melibatkan penguatkuasaan, serahlah kepada polis dan kepada JPJ supaya ia tidak bercanggah dan akhirnya tidak ada *overlapping of powers*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kementerian akan mengambil maklum dan akan membincangkan di peringkat yang lebih tertinggi.

Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Ketereh, Pengkalan Chepa, Kubang Kerian dan Tanah Merah mengenai Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu. Kerja-kerja menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu telah pun dilaksanakan oleh kerajaan pada bulan Jun 2010 dan telah siap pada 8 September 2011. Melalui projek tersebut, landasan lapangan terbang tersebut telah dipanjangkan daripada 1,981 meter kepada 2,400 meter. Landasan yang baru di naik taraf tersebut dapat mampu mengoperasikan pesawat jenis Boeing 737 dan Airbus 320 dengan selamat dan selesa.

Selanjutnya menyentuh tentang cadangan supaya dinaiktarafkan status Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu kepada lapangan terbang antarabangsa. Perkara ini telah beberapa kali dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kemudahan-kemudahan yang ada di lapangan terbang tersebut sudah mampu mengendalikan

penerbangan antarabangsa. Tujuan asal pembinaan lapangan terbang tersebut adalah berfungsi sebagai sebuah lapangan terbang domestik. Kerajaan hanya menetapkan enam buah lapangan terbang antarabangsa di Malaysia.

Lapangan terbang yang lain termasuk Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu berfungsi sebagai *feeder* kepada enam lapangan terbang antarabangsa tersebut. Sehubungan dengan itu, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu masih lagi berstatus lapangan terbang domestik.

Mengenai isu kelewatan KLIA...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir rakan-rakan bukan sahaja daripada Kelantan tetapi daripada seluruh Pantai Timur, khususnya Terengganu, khususnya berdekatan dengan Pilihan Raya Kecil Kuala Besut akan merasai sangat bimbang dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kerana Lapangan Terbang Pengkalan Chepa bukan sahaja berkhidmat untuk rakyat negeri Kelantan tetapi juga sebahagian besar rakyat di utara Terengganu termasuklah Menteri Pendidikan II.

Keduanya, fakta bahawa Lapangan Terbang Pengkalan Chepa itu lapangan terbang domestik tidak tepat. Kita sekarang ini mengendalikan penerbangan ke Singapura, mungkin akan berkembang ke destinasi-destinasi lain. Jadi dari segi sebenarnya, hakikatnya ianya berfungsi sebagai lapangan terbang antarabangsa tetapi tidak mempunyai kemudahan yang sesuai untuk sebuah lapangan terbang antarabangsa tanpa mengira penerbangan-penerbangan domestik yang begitu banyak, tanpa mengira ianya juga mempunyai sekolah memandu penerbangan juruterbang, tanpa mengira ianya juga berkhidmat untuk pelantar-pelantar minyak di lautan Kelantan yang sebenarnya isu royalti pun sepatutnya oleh Kelantan. Jadi minta Timbalan Menteri jelas sikit hal itu.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, isu yang sama. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat menyebut tadi ada enam lapangan terbang yang berstatus antarabangsa. Kita minta senaraikan dan apa kriteria yang istimewa sangat dan apa sebab kenapa Kelantan tidak boleh diberikan status yang sedemikian, sedangkan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tumpat ini terlalu banyak kriteria yang sepatutnya sudah lama kerajaan memberi taraf ini kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Ini menampakkan lagi satu lagi diskriminasi daripada hak royalti satu lagi yang buat kepada rakyat Kelantan. Minta penjelasan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat ataupun hendak jawab dulu.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Hendak jawab dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, duduk dulu Kota Melaka.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, ada enam lapangan terbang yang dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa iaitu KLIA 1, Penang, Kota Kinabalu, Kuching, Langkawi dan Senai. Walau bagaimanapun lapangan terbang yang lain yang berada di Malaysia, kita telah meliberalisasikan penerbangan ini dengan mewujudkan dasar langit terbuka. Sebagai contoh, kita telah membuat satu perjanjian dengan Kerajaan United Kingdom di mana kapal terbang daripada luar negara boleh terus terbang ke mana-mana destinasi dalam Malaysia.

Oleh sebab itu macam di Kota Bharu boleh terbang ke Singapura, ianya memang boleh, dasar langit terbuka tetapi cuma dikategorikan dalam walaupun ianya dikategorikan sebagai domestik tetapi masih boleh membenarkan penerbangan antarabangsa seperti di Kuala Terengganu. Kuala Terengganu juga boleh membuat penerbangan antarabangsa walaupun Kuala Terengganu itu ditakrifkan sebagai lapangan terbang domestik. Seterusnya...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kota Melaka bangun ya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang apa yang disebutkan naik taraf lapangan terbang yang dikatakan domestik, lapangan terbang di Batu Berendam, Melaka, Kerajaan Negeri Melaka katakan ini satu lapangan terbang antarabangsa. Soalan saya dikatakan naik taraf sebuah lapangan terbang di Melaka, Kerajaan Persekutuan termasuk kerajaan negeri sudah membelanjakan lebih RM200 juta untuk naik taraf Lapangan Terbang Batu Berendam di Melaka dan Boeing 737 dan Airbus pun boleh mendarat. Akan tetapi kapasiti penggunaannya memang kita rasa mengecewakan. Sampai setakat ini saya ingat hanya dua syarikat penerbangan dari Indonesia yang menggunakan Lapangan Terbang Batu Berendam.

■1700

Saya ingin bertanya, kalau tidak silap saya, jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan terpulung kepada *commercial trading* di antara syarikat-syarikat penerbangan dengan kerajaan negeri yang menguruskan bukan syarikat *airport*. Saya hendak tanya, kalau kita membelanjakan lebih RM200 juta dan jika kita biarkan keadaan begini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: ...Saya ingat ini memang tidak waras dan betul. Saya hendak tahu, apakah langkah-langkah dan usaha oleh kementerian bersama dengan Kerajaan Negeri Melaka untuk mempromosikan Lapangan Terbang Batu Berendam ini? Lagipun tahun hadapan *Visit Malaysia Year 2014*. Oleh sebab itu saya hendak tanya apakah langkah-langkah, mungkin program atau usaha oleh kementerian sejak kita menaiki taraf Lapangan Terbang Batu Berendam? Bolehkah Dewan ini diberitahu. Terima kasih.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: Boleh satu lagi berkaitan dengan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kota Bharu? Saya cuma ingin tahu sebagaimana telah dijawab oleh pihak kerajaan tadi, berkaitan dengan Lapangan Terbang Kuala Terengganu yang membenarkan untuk dilakukan penerbangan antarabangsa. Siapakah sebenarnya pihak yang boleh membenarkan, misalnya kalau ingin dijadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu sebagai tempat untuk menerbangkan jemaah Haji khususnya daripada Kelantan terus ke Jeddah? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai Lapangan Terbang Batu Berendam, walau pun pihak kerajaan negeri melabelkan sebagai lapangan terbang antarabangsa tetapi di pihak kementerian masih ditakrifkan sebagai lapangan terbang domestik. Memang kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan beroperasi di mana-mana lapangan terbang di Malaysia. Ini semua tertakluk kepada *commercial decision* daripada syarikat-syarikat penerbangan ini. Kerajaan tidak menghalang mana-mana syarikat penerbangan untuk terbang ke mana-mana destinasi di dalam negara. Begitu juga di Kota Bharu.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, bukankah semasa kita mencadangkan naik taraf sebuah lapangan terbang, kita sudah membuat kajian-kajian tentang *commercial potential*? Kalau tidak, kita membelanjakan wang untuk menaik taraf tanpa penggunaannya. Saya ingat ini memang kelemahan atau kekurangan semasa kita meluluskan projek naik taraf ini.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun Yang Berhormat, di belakang.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Minta laluan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua soalan ringkas.

Baru-baru ini kementerian telah juga merasmikan lapangan terbang di Ipoh yang saya kira Yang Berhormat Menteri juga hadir. Apakah usaha-usaha kerajaan atau kementerian untuk merencanakan lagi aktiviti penerbangan di Ipoh? Ini kerana ia dapat meningkatkan lagi ekonomi dan aktiviti yang boleh merencanakan lapangan terbang di sana. Satu ketika dahulu lapangan terbang ini telah berfungsi dan satu ketika saya dapati tidak ada aktiviti penerbangan di sini.

Keduanya, kita lihat kesibukan yang amat sangat di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Tidakkah ada perancangan jangka panjang oleh kementerian contohnya untuk mengadakan satu lagi lapangan terbang di utara, contohnya di Parlimen Bagan Serai, di kawasan Beriah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri boleh menjawab isu-isu yang dikemukakan semasa perbahasan. Yang baru itu dikemudiankan Yang Berhormat ya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Pasu, bangun Yang Berhormat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil bila berbincang berkenaan dengan perkara ini iaitu berkenaan dengan Lapangan Terbang Alor Setar. Lapangan Terbang Alor Setar, saya ingat ia merupakan lapangan terbang domestik. Ia juga digunakan oleh Yang Berhormat Arau kalau balik ke Perlis tetapi lapangan terbang ini kemudahannya amat menyedihkan. Kadang-kadang dalam dua *lounge* menunggu itu, ada tiga *flight* sekali. Apabila ada tiga *flight* sekali ia menjadi *congested*. Ada penumpang-penumpang yang ketinggalan kerana sebab-sebab itu.

Jadi, saya memohon kepada Kementerian Pengangkutan supaya melihat balik Lapangan Terbang Alor Setar supaya *diupgrade*, terutama sekali di ruang menunggu dan sebagainya. Ini kerana saya tengok *design*nya pun pada masa ketika ia diluluskan dahulu pada mulanya ianya tidak mempunyai *escalator* pun. Orang yang sampai itu terpaksa turun tangga. Sekarang ini *escalator* ditambah satu tetapi ia tersorok dan kadang-kadang terlepas dan sebagainya.

Jadi, kita haraplah supaya dalam masa untuk melihat lapangan terbang yang lain yang *diupgrade* sebagai lapangan terbang antarabangsa, saya rasa wajar dilihat juga Lapangan Terbang Alor Setar yang digunakan sebagai lapangan terbang domestik oleh Kedah dan Perlis termasuklah di Selatan Thailand pun kadang-kadang menggunakan lapangan terbang itu. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Mengenai Lapangan Terbang Kuala Krai. Maaf lapangan terbang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai. Hendak bagi jalan lagi?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Bukan lapangan terbang Kuala Krai tetapi Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu. Disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kita ambil perhatian bahawa mana-mana syarikat boleh mengendalikan lapangan termasuk daripada luar negara seandainya mereka merasakan ianya bagus untuk *business*. Akan tetapi saya merasakan pengendali lapangan terbang, MAHB juga harus mengambil kira bahawa lapangan terbang yang maju, yang mendapat penerbangan yang banyak juga akan mendapat keuntungan kepada pengurusan MAHB bukan hanya mengendalikan seperti di KLIA.

Oleh yang demikian, saya rasa Lapangan Terbang Kota Bharu ini antara lapangan terbang yang cukup banyak mengendalikan penerbangan antarabangnya termasuk ke Krabi di Thailand dan kini mungkin Malindo pun sudah masuk. Jadi, penaikan taraf yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang telah selesai terpaksa menjalani naik taraf semula kerana mengendalikan penerbangan yang banyak, yang mungkin tidak diunjurkan terlebih awal.

Jadi, potensi Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra ini cukup tinggi. Maka kalau kita hendak menggalakkan penerbangan banyak masuk, saya rasa sekadar memanjangkan daripada 1.9 kilometer kepada 2.4 kilometer *runaway* tidak cukup. Ianya harus menepati ciri antarabangsa sehingga 4,000 meter barulah ianya dapat menampung satu kawasan Pantai Timur yang bukan hanya melibatkan Kelantan tetapi Terengganu dan juga Selatan Thailand. Jadi, kita harap Yang Berhormat Menteri mengambil serius saranan bukan hanya daripada sebelah pihak tetapi semua pihak untuk menaikkan taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Pertamanya, saya ingin memaklumkan mengenai Lapangan Terbang Batu Berendam. Kenapa kerajaan membina dan membelanjakan wang yang banyak untuk menaiktarafkan lapangan terbang tersebut. Ianya kerana kerajaan melihat untuk mewujudkan potensi-potensi ekonomi di setiap lapangan terbang. Maka oleh sebab itu kerajaan membelanjakan untuk dibina lapangan terbang ini dinaiktarafkan supaya dapat menampung pesawat-pesawat ataupun yang jenis besar seperti *Boeing 737* dan *Airbus 320*.

Mengenai Ipoh memang ianya baru dinaiktarafkan, memandangkan Lapangan Terbang Ipoh sebelum ini dalam keadaan yang agak lama. Saya akan mengambil perhatian mengenai permintaan daripada Yang Berhormat Kubang Pasu, agar Alor Setar akan diambil perhatian untuk *upgrade*.

■1710

Seterusnya mengenai Kota Bharu. Lapangan terbang ini telah kita tingkatkan kemampuan dan malah hari ini mampu menampung *Boeing 373* dan *Airbus 320* dan ianya boleh dikatakan baru siap pada tahun 2011...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Jadi kita akan melihat sekiranya penumpang meningkat, *insya-Allah* kerajaan akan mengambil pertimbangan untuk menaikkan taraf Lapangan Terbang Kota Bharu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Lenggong bangun Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Lenggong mohon mencelah.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sedikit sahaja berkaitan dengan Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita, isu...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Ketawa] Yang Berhormat Putrajaya minta satu lapangan terbang khas untuk Parlimen Putrajaya.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita banyak berbincang mengenai isu tarif sesebuah lapangan terbang. Kalau kita dengar Melaka disebut Lapangan Terbang Antarabangsa Batu Berendam, tetapi bukan kategori antarabangsa pun. Jadi apakah kriteria sebenar? Dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bukan antarabangsa.

Apakah kriteria yang kementerian letak untuk menentukan sesebuah lapangan terbang itu antarabangsa atau tidak? Ini yang disoalkan baru kali... [Disampuk oleh YB Menteri, Ahli bagi Putrajaya] Itu saya ingat minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab,

secara *detail* sedikit, kalau tidak pun secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat Putrajaya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:

Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon satu soalan pendek sahaja. Saya mendapati terdapat sebuah Lapangan Terbang di Pulau Pangkor. Cuma hendak tahu statusnya sama ada ia di dalam senarai Kementerian Pengangkutan ataupun hak individu tertentu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai penarafan lapangan terbang antarabangsa ataupun domestik, ianya bergantung kepada jumlah penumpang setiap tahun. Jadi pihak kementerian ada peringkatnya, sekiranya mencapai sesuatu peringkat penumpang setiap tahun itu tinggi...

Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [Bangun]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Maka ianya akan diiktiraf sebagai lapangan terbang antarabangsa. Manakala mengenai Pulau Pangkor, memang ada di dalam senarai kementerian sebagai lapangan terbang dipanggil *airstrip*.

Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi ada dijelaskan bahawa kriterianya adalah kriteria penumpang. Akan tetapi di kawasan Bukit Katil, ada lapangan terbang antarabangsa dengan kadar penumpang *average* daripada tahun 2009 hingga tahun 2012 hanya 24%.

Oleh itu, saya ingin menyatakan dengan perbelanjaan lebih mencecah RM200 juta, apakah satu pelaburan yang berbaloi yang membabitkan wang rakyat sebanyak RM200 juta tetapi kekerapannya cukup kurang. Saya tidak tahu sama ada kerajaan negeri *self-proclaimed* lapangan terbang antarabangsa ataupun apa? Oleh kerana ini memalukan di mana sekarang ini ramai orang bermain layang-layang di kawasan tersebut kerana tidak ada kapal terbang. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seperti yang saya sebutkan di awal-awal tadi bahawa pembinaan lapangan terbang di Batu Berendam adalah untuk mewujudkan platform potensi-potensi ekonomi yang sememangnya Melaka telah menjadi Bandar Bersejarah dan oleh sebab setiap lapangan terbang di negara kita boleh dikatakan hampir setiap lapangan terbang ada proses dinaiktarafkan maka lapangan terbang Melaka pun tidak terkecuali untuk dinaiktarafkan seperti di Kota Bharu. Yang Berhormat...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau sekiranya kriteria jumlah penumpang yang menjadi ukuran yang menentukan sama ada lapangan terbang itu boleh dinaiktarafkan kepada taraf antarabangsa, saya percaya Lapangan Terbang Kota Bharu merekodkan antara jumlah penumpang yang paling tinggi di antara semua lapangan terbang kecuali Kuala Lumpur dan Penang, saya fikir.

Adalah juga satu perkara yang agak aneh di mana penumpang-penumpang terutama jemaah haji kalau daripada Kelantan, mereka terpaksa ke Terengganu kerana di Terengganu terdapat penerbangan jemaah haji yang dibuat secara *direct* daripada Terengganu ke Jeddah. Sedangkan di Terengganu itu sendiri jumlah penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Terengganu tidak sampai 30% jika dibandingkan dengan jumlah penumpang yang ada di Kelantan.

Saya faham masalah Lapangan Terbang Kota Bharu adalah masalah landasannya yang tidak cukup bagi pendaratan *Boeing*. Saya fikir langkah yang paling baik bagi kerajaan ialah untuk mempertimbangkan supaya pembesaran lapangan terbang itu dilakukan supaya pendaratan *Boeing* boleh berlaku dan selari dengan dasar *Open Sky Policy* barangkali akan ada penerbangan-penerbangan antarabangsa yang boleh menggunakan lapangan terbang

tersebut. Hakikatnya Lapangan Terbang Kota Bharu jauh lebih strategik daripada Lapangan Terbang Terengganu.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Ketereh, saya akan membawa cadangan daripada Yang Berhormat untuk saya bincang di pihak kementerian. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kelewatan KLIA2, seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Kos penambahan KLIA2 adalah disebabkan oleh peningkatan dan penambahan skop asal projek. Peningkatan skop ini adalah akibat peningkatan keperluan daripada pihak kerajaan dan agensi-agensi berkaitan serta unjuran trafik penumpang yang agresif.

Antara penambahan skop utama yang menyumbang kepada peningkatan kos untuk KLIA2 ialah pertama bangunan terminal yang lebih besar. Di mana pada awalnya adalah dua tingkat tetapi sekarang telah dinaikkan kepada tiga tingkat. Seterusnya menaiktarafkan sistem pengendalian bagasi dan juga peningkatan bilangan *aircraft stand* dan juga selain itu landasan tiga yang lebih panjang daripada yang asal serta kawasan tanah yang lebih luas.

Seterusnya menara kawalan trafik yang baru iaitu *air traffic control tower* dan juga seterusnya peningkatan dalam infrastruktur lain seperti jalan raya yang juga perlu dibuat bertingkat. Kemudian ruang komersial yang lebih besar dan perkhidmatan *aerobridge* untuk kemudahan dan keselamatan orang kurang upaya, warga emas, ibu mengandung dan kanak-kanak terutamanya ketika cuaca buruk.

Walaupun wujudnya perubahan skop yang telah menyebabkan peningkatan kos KLIA2, *Rating Agency Malaysia* masih mengekalkan perakuan pengiktirafan pangkat *triple 'A'* untuk MAHB. Sebagai refleksi keyakinan terhadap kebolehdirian KLIA yang kekal utuh.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya hanya ingin tekankan bahawa, kita bukan bercakap tentang penambahan yang sedikit, daripada RM1.9 bilion hingga RM4 bilion.

Jadi selalunya tugas-tugas konsultan yang dipilih untuk menjaga *variation order* ataupun perubahan daripada order dan sebagainya dan perubahan-perubahan lain dari segi pembesaran, pemanjangan landasan itu dipikul oleh KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd. Syarikat yang beroperasi selama dua tahun yang sepatutnya lebih tegas kepada para kontraktor, jangan membiarkan AirAsia misalnya mengubah permohonan mereka, spesifikasi mereka dari semasa ke semasa.

■1720

Akan tetapi syarikat ini juga gagal kerana dilihat terlalu longgar dalam mengenakan terma-terma yang sepatutnya. Saya mahu tanya kepada Yang Berhormat, sekarang ini sedang nilai yang beri ialah RM4 bilion tetapi saya dapat maklum balas seperti saya sebut semalam, daripada beberapa *research houses* dengan izin, yang menyatakan ada juga *variation order* lain yang menyebabkan MAHB perlu membayar kepada kontraktor-kontraktor tertentu. Misalan, *MIDF Research* RM250 juta atas *variation order*. Jadi, adakah ini bermaksud pada hari ini Yang Berhormat menyatakan walaupun ada *variation order*, kos masih lagi RM4 bilion.

Keduanya, adakah Yang Berhormat bersedia membawa kami Ahli-ahli Parlimen yang telah menyatakan sejak awal ada penundaan walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkeras kata 28 Jun tahun ini untuk pergi melawat ke tapak KLIA2 bersama-sama dengan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai apa yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai *MIDF Research*, penambahan RM250 *million* itu sebenarnya sudah dalam perkiraan jumlah RM4 bilion. Penarafan *rating* ini pada ketika ini seperti yang saya sebutkan, masih mempunyai keyakinan daripada segi pelaburan. Oleh sebab itu pada ketika ini kalau kita melihat daripada yang terbaru, daripada RHB ianya menganggarkan harga RM7.53 dan daripada CIMB RM7.55.

Ini menggambarkan bahawa keyakinan bahawa projek ini akan dapat dijayakan dan saya selaku pengerusi pemantau yakin projek ini tidak ada penundaan daripada tarikh yang disebutkan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Boleh sikit Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri yakin, saya pun alu-alukan Jawatankuasa Pantauan untuk memastikan tidak ada lagi penundaan yang sudah lima kali daripada awal dibuat berkali-kali. Hanya saya pinta sekali lagi, saya kata kalau pun kami Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat tidak dapat dilibatkan dalam Jawatankuasa, sekurang-kurangnya tidak ada salah untuk Yang Berhormat membawa satu delegasi termasuk sesiapa yang mahu untuk pergi melawat tapak.

Saya juga bangkitkan tadi bagaimana maklum balas Yang Berhormat tentang lawatan, satu. Kedua, tentang peranan KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd. Ini kerana Yang Berhormat, konsultan ini penting, dia yang boleh menyatakan tidak kepada para kontraktor kalau diminta spesifikasi tambahan. Misalan kalau bulan depan, tiba-tiba AirAsia kata hendak tambah lagi bab lain. Bagaimana kita dapat yakini bahawa konsultan yang dipilih oleh MAHB akan menjalankan tugasnya dengan baik supaya tidak ada pertambahan kos. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: *[Bangun]*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, ramai yang bangun Yang Berhormat?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sikit ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya fikir apa pun kita harus berbangga dengan pembinaan KLIA2 ini. Ini kerana dari satu aspek ialah kalau kita bandingkan dengan pembinaan KLIA yang dulu dengan sekarang. Jikalau dulu, hampir keseluruhan menggunakan kepakaran luar, teknologi luar. Akan tetapi untuk pembinaan KLIA2 ini kepakaran dalam, bermakna keupayaan syarikat tempatan telah begitu mampu untuk bersaing dengan syarikat-syarikat antarabangsa.

Saya hendak sebut di sini ialah kalau kita tengok dari segi kos, RM4 bilion setakat ini yang akan mengambil masa lebih kurang lima tahun. Kalau kita bandingkan dengan pembinaan lapangan terbang lain, misalnya di Kansai, Hong Kong misalnya. Ada sampai USD22 bilion, misalnya. Maka, itu kita dapat lihat lebih murah, misalnya. Saya hendak tanya pandangan, ini maklumat yang boleh kita perolehilah. Betul atau tidak dari segi kalau kita hendak banding KLIA2 ini sebenarnya hampir 60% daripada lapangan terbang KLIA ini.

Maknanya, apa yang dibina ini sebenarnya dari segi bandingan kos agak belum tinggi berbanding dengan luar. Saya hendak tanya pandangan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak bagi jalan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Boleh saya jawab dulu.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya hendak bagi pandangan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya jawab dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dulu Yang Berhormat. Yang lain duduk dulu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat. Yang lain itu, yang berdiri itu minta duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai pandangan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, sebenarnya KLIA Consultant Service telah tidak disambung untuk mengurus projek tersebut. Projek KLIA ini sebenarnya diurus oleh MAHB sendiri dengan kepakaran dalaman mereka. Jadi, pihak MAHB berkemampuan untuk menguruskan projek yang disebutkan tadi. Mengenai daripada...

Seorang Ahli: Lawatan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Lawatan, saya harus minta izin dengan MAHB kerana projek ini belum siap lagi.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Menteri boleh putuskan. Bawa MP pergi tengok aset yang kita ada di negara kita, tidak ada masalah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Takkan kena tanya MAHB?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Takkan lawatan pun tidak boleh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Kita boleh pertimbangkan, kita rujuk. Malah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada BN pun belum melawat lagi.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kita semua pergi bersama.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bawa sekalilah, bawa sekali.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ha! Bawa sekali, kita pergi bersama, RM4 bilion, setuju? Dewan sekarang boleh putuskan, semua hendak pergi!

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Duit minta daripada Dewan, tidak mahu bagi pergi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Baik, saya akan mempertimbangkan permintaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Soalan, soalan sikit, Yang Berhormat Bayan Baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Soalan sikit, Bayan Baru.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Sambung sikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan menyampuk dahulu Yang Berhormat. Saya ada kerja saya duduk depan ini, saya sedang bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak bagi jalankah tidak? Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak bagi jalan?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya bagi sedikit penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk, Yang Berhormat Mersing duduk.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai kos yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Lenggong, memang ada betulnya kerana kalau dibandingkan dengan lapangan terbang-lapangan terbang yang lain yang sedang dibina atau yang telah dibina, pembinaan KLIA2 adalah yang termurah dengan mengambil anggaran sebagai sebanyak RM89 *construction cost per passenger*. Kalau dibandingkan dengan di Jerman iaitu Willebrand International Airport di Berlin, RM478.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan *airport* di Jerman ini sedang berlangsung selama enam tahun setengah walaupun terminal ini mempunyai kapasiti yang sama dengan Terminal KLIA2. Mereka sedang membina berjalan enam tahun setengah dan kita hanya tidak sampai tiga tahun. Kos kita hanya RM89 *construction cost per passenger*, sedangkan di Jerman RM478.

Untuk perbandingan di Hong Kong, pembinaan Hong Kong International Airport melibatkan kos RM2,143 *construction cost per passenger* dan di Changi melibatkan RM2,906 *construction cost per passenger*. Jadi, dalam banyak-banyak pembinaan lapangan terbang yang di dunia ini, Terminal KLIA2 adalah termurah dan paling cepat sehingga hari ini.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ramai bangun. Yang Berhormat Mersing...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Mersing.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan sahaja. Saya hendak sambung sikit apa Yang Berhormat Lembah Pantai cakap. KLIA pertama di urus konsultannya oleh anak tempatan. Seorang pegawai JKR yang *senior* diberi kesempatan untuk menubuhkan KLIA Consult yang terdiri syarikatnya adalah kepunyaan kerajaan iaitu CEO dia ialah Tan Sri Jamilus Husin.

■1730

Saya hendak tahu kenapa? Sebab dia ini sudah mahir dalam KLIA pertama tetapi tiba-tiba tidak disambung atau dalam bahasa kasar *terminated*. Mesti ada sebab dan musababnya. Adakah oleh kerana ada masalah dengan pengurusan MAB, maka perunding ini tidak disambung kontraknya, satu. Kedua, saya dapat maklum daripada 'mat-mat bangla' dan juga pekerja di situ bahawa tanah di situ amat lembut.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ini soalan yang disediakan oleh pihak Menterikah? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Eh! Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. [Dewan riuh] Saya hendak tanya, mengikut pendapat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat seorang sahaja yang pandai? Ini kacang merah betul! Allah!

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Tidak apalah dia. Kita kena sabar, kita puasa. Dia tidak puasa, bukan? Jadi saya hendak tanya, kalau betul tanah itu mendap dan kajian telah pun dikesan oleh KLIA konsultan ini dan bila *design* awal tidak melibatkan A380. Jadi bila melibatkan A380, ia lebih panjang dan lebih lebar. Bila *softening*, buat dan buat, ia terjerlus. Ini yang tambah kos. Adakah perkara ini betul? Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Terima kasihlah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, dapat saya pahala banyak.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titivangsa]: [Bangun]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai penamatan KLIAS ini memang terdapat masalah khususnya mengenai teknikal dan permasalahan masalah-masalah pengurusan. Oleh kerana pihak MAHB mahu ianya berjalan lebih lancar, maka pihak MAHB mengurus sendiri projek tersebut. Mengenai tanah yang lembut ini, sebenarnya ia asalnya *runway* ini adalah pendek tetapi atas permintaan AirAsia untuk menampung kapal terbang A380, maka daripada 2.5 kilometer terpaksa dipanjangkan kepada empat kilometer. Untuk menampung pesawat yang lebih besar ini, pihak AirAsia meminta supaya keluasan antara *separation* antara *runway* dengan *runway* satu lagi mesti 2.5 kilometer. Setelah kompromi, ianya datang kepada 2.2 kilometer.

Jadi oleh kerana pada asalnya hanya 1.8 kilometer, maka atas permintaan AirAsia, maka *runway* itu dianjakkan sehingga mengenai kawasan-kawasan di tanah yang lembut seperti yang disebutkanlah. Maka, sebab itu kosnya meningkat atas permintaan AirAsia yang mahukan untuk *anticipate* pesawat yang lebih besar pada masa akan datang. Jadi, itulah menjadikan kos penambakan agak tinggi. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kos penambakan ini sebenarnya kalau dibandingkan dengan *site* yang dibuat di atas laut, itu lebih besar yang melibatkan apa yang disebut tadi iaitu 22 bilion. Akan tetapi ini kita tidak sampai kos sebegitu dan ianya masih di kawasan asal tapak KLIA.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tambah penjelasan?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Penjelasan, Petaling Jaya Utara.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Kuala Kangsar.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih. Saya ingin menyentuh tentang pembangunan KLIA2 ini *di aspect design* yang melibatkan kos dan juga masa. Jadi Tuan Yang di-Pertua dan saya yakin semua Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa proses *design* ini adalah satu proses yang dinamik. Ia tidak tiba-tiba membeku *design* itu, ia sentiasa proses itu ada timbal balik daripada keperluan daripada *need statement* yang asal. Jadi dalam apa projek sekalipun, malahan kalau kita buat rumah pun apabila keperluan baru bertambah ataupun satu perkara baru bertambah, sudah tentu masa dan juga kosnya akan berkaitan rapat dengan keperluan ataupun penambahan baru itu. Jadi pihak pembangkang tadi menyatakan seperti Yang Berhormat Lembah Pantai melihat perkara ini sebagai satu proses *design to cost* ataupun *cost to design* adalah amat *simplistic*.

Jadi saya rasa, ini semua proses orang faham tentang adanya terdapat keperluan yang dinamik yang memerlukan tambahan masa dan kewangan. Jadi secara keseluruhannya mengikut *rate* atau kadar tadi, ia masih murah dan kita lihat bahawa sebenarnya masa ini adalah sebenarnya di dalam lingkungan keperluan yang telah ditentukan mengikut jadual, kadar harga dan juga masa yang standard dalam pembinaan.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Jadi, saya rasa pendapat pihak sebelah sana adalah terlalu *simplistic*. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Sambung Menteri.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Sambung Menteri, berkenaan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya hendak jawab.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Satu *change*. Sekali.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Sambung berkenaan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Masa tidak cukup, sambung sahaja.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Fakta yang ditanya pun tidak betul.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kos penambahan daripada dua bilion kepada empat bilion melibatkan *major upgrade* ataupun penambah spesifikasi yang begitu banyak sekali. Sebagai contoh, *terminal building*. *Terminal building* daripada 150,000 meter *square* telah ditingkatkan kepada 257,000 meter *square*. Daripada asal *aircraft stand* iaitu daripada 55 *gates*, pihak AirAsia memohon agar ditingkatkan kepada pada asalnya 80 *gates* tetapi kompromi akhirnya kepada 68 *gates* dan ini peningkatan skop yang disebutkan tadi. *Earthwork* daripada *area* 4.85 *million* meter *square* meningkat kepada 11.19 *million* meter *square* yang meningkat 130.7%. *Runaway* 3, *taxiway pavement* dan *AGL system*.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: [Bangun]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Daripada 2.5 kilometer kita tingkatkan kepada hampir 4 kilometer dengan kelebaran 60 meter. Sebelum ini kelebarannya hanya 45 meter sahaja. Begitu juga dengan *control tower* yang mana dibina sebuah *control tower* yang baru dan infrastruktur yang lain seperti jalan-jalan. Daripada asal lapan kilometer, yang terbaru 22.1 kilometer yang meningkat 176%. *Elevated road* daripada 1.6 kilometer meningkat kepada 6.9 kilometer, bermakna 360%. Ini semua adalah untuk memenuhi keperluan penerbangan yang hari ini semakin canggih dan permintaannya semakin meningkat.

■1740

Perkara-perkara ini banyak telah kita tampung permintaan daripada operator yang terbesar iaitu AirAsia. Jadi atas permintaan AirAsia ini yang saya kira macam anak emaslah yang dibuat oleh MAHB untuk meningkatkan kos, meningkatkan spesifikasi dan seterusnya menekan kos.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Bangun]

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: [Bangun]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya, Titiwangsa.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri, saya bersetujulah alasan yang diberikan oleh kerana ianya penambahan skop kerja. Akan tetapi apa yang menyebabkan saya rasa rakyat di luar sana *a bit confuse* sebab dalam masa yang sama, MAB buat *announcement* ia hendak mengenakan penalti ataupun LAD kepada kontraktor-kontraktor. Jadi bukankah itu bercanggah di mana kita ada penambahan skop, di masa yang sama kita hendak caj penalti LAD kepada kontraktor. Jadi sudah tentu saya ingat inilah menyebabkan saya rasa rakyat agak *confused*. Jadi kalau katakan penambahan ini dapat *dicommunicate* kepada *public* secara terbuka, saya percaya bahawa *confusion* ini tidak akan wujud. Saya minta pandangan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Penambahan skop ini ia juga tertakluk kepada kontrak-kontrak yang telah ditandatangani secara legal dengan pihak kontraktor ini. Jadi

walau bagaimanapun, sekiranya pihak kontraktor dapat memberi alasan yang kukuh untuk LAD ini, pihak MAHB akan pertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Semua sebelah sana sahaja.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Unjuran asal untuk KLIA2 ialah RM2 bilion, selepas itu jadi RM4 bilion. Difahamkan unjuran awal *passenger per annum* is 30 juta, dengan izin dan tambahan ini menjadikan ia *45 million passenger per annum* (MPPA). Saya hendak tanya, saya difahamkan sehingga siap ini, jumlah *passenger* yang ada pada hari ini menjangkau 21 MPPA, maknanya *million passenger per annum*. Jadi ada akses kapasiti 9 *million*.

Jadi sebenarnya pada pandangan saya, kalaulah pertambahan 2 bilion ini akan membolehkan kita akses kapasiti 24 *million* dan ini mesti berdasarkan pertimbangan yang baik, mesti berdasarkan pertimbangan yang konkrit. Sebab apa? Unjuran ini yang saya difahamkan kalau misalnya KLIA ini berdasarkan pembangunan yang asal, sehingga tahun 2015, 2016, maka MPPA ini akan mencecah 30 juta. Kalau ini benar, sebenarnya kita patut mengucapkan tahniah kepada MAHB. Sebab apa? Ini satu *foresight* yang baik. Sebab apa, kalau kita buat berdasarkan tiada penambahan, pada tahun 2015 kita kena buat *airport* (lapangan terbang) baru. Jadi sebenarnya saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri, boleh sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat PJ Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, dua perkara sahaja. Nombor satu, kita tidak boleh bandingkan dengan *airport* yang lain di seluruh dunia terutamanya di Hong Kong ataupun di Singapura di mana kos tanah dan kos pembinaan jauh tidak sama dengan negara seperti di Malaysia. Apa yang kita bina ini *low cost airport*. *Low cost airport* dia punya fungsi, ia punya cara pembinaan jauh berbeza dengan, *full service airport*. Bila kita lihat LCCT, LCCT ini sekarang memang tidak cukup tempat lagi, 15 juta orang penumpang. Kos pembinaan hanya RM232 juta. Kita sekarang hendak bina untuk 45 juta penumpang tetapi kos meningkat sehingga RM4 bilion. Dulu 15 juta penumpang, RM232 juta. Sekarang 45 juta penumpang, naik tiga kali ganda, tetapi kos meningkat daripada RM232 juta sehingga RM4 bilion. [Dewan riuh] Yang Berhormat Menteri, dengarlah Yang Berhormat Menteri. Tidak payah bisung! Tahu *decorum* tidak Menteri? Saya bagi angka ini, Menteri boleh jawab. Sebab apa Yang Berhormat Putrajaya bisung ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah Yang Berhormat...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Putrajaya kenapa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, berucap sahaja. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: PJU cakap tidak logik, biar logik PJU.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Nombor dua, nombor dua, selain nombor dua. Adakah benar bahawa dalam perancangan pelan untuk KLIA2, kalau

Putrajaya tidak senang, boleh keluar minum kopi dulu. Tidak payah duduk kat dalam! Ha! [Disampuk] Tunggu sampai malamlah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: LCCT lama itu...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: LCCT lama, pelan KLIA2 yang asal. Tahun 2007 yang telah pun disampaikan kepada pihak Jemaah Menteri, okey? Dalam pelan tersebut, memang *airport* 45 juta penumpang, di *KLIA North*, kawasan *KLIA North* di mana tanahnya tidak perlu ditambah.

Nombor dua, memang *runway*, *original* 4 kilometer. MAHB sendiri yang membawa, ataupun memindahkan tapak asal daripada *KLIA North* ke *KLIA West* dan memendekkan *runway* tersebut sehingga 2.5 kilometer, dan juga oleh sebab memindahkan ke *KLIA West*, tanah perlu ditambah, kos penambakan sehingga RM1 bilion. Penambakan sahaja, RM1 bilion.

Oleh sebab itu, kita tidak boleh katakan hendak salahkan orang lain. Pelan yang telah pun dilaksanakan oleh MAHB untuk memindahkan tapak KLIA2 tersebut telah pun menyebabkan kos meningkat tidak henti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Akhir sekali. Oleh sebab mereka memindahkan kawasan daripada *KLIA North* ke *KLIA West*, akibatnya kita perlukan satu *control tower* lagi. So kita tidak boleh salahkan DCA, minta MAHB untuk bina satu *control tower* lagi. Ia adalah akibat MAHB memindahkan kawasan KLIA itu. Oleh sebab itu, sekarang di KLIA, kita akan ada dua *control tower*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi Yang Berhormat? Jikalau panjang lagi, saya terpaksa minta Yang Berhormat untuk menjawab secara bertulis pada isu-isu yang lain.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, selepas ini saya terus jawab sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan daripada Yang Berhormat Kota Tinggi, memang ada benarnya dan memang kos pembinaan KLIA2 ini walaupun dengan RM4 bilion tetapi ia menampung *45 million passenger* setahun. Jadi ia memang pada dasarnya satu perancangan yang betul.

Mengenai persoalan daripada Yang Berhormat PJ Utara, mengenai *low cost airport* ini, sebenarnya Yang Berhormat sudah membuat salah tafsiran. Walaupun asalnya *low cost terminal* tetapi dengan perubahan drastik industri penerbangan, maka ia sudah tidak sama dengan seperti di LCCT tadi. Pihak AirAsia sendiri telah meminta perubahan yang banyak, daripada asalnya *semi automated baggage handling system*, AirAsia pada penghujungnya minta supaya ditukar kepada *fully automated* dan ini menambahkan kos dan juga telah terpaksa buat *rescheduled* kerana permintaan daripada AirAsia.

Seterusnya seperti saya sebutkan awal tadi, AirAsia telah meminta daripada 55 *gate* kepada 68 *gate* untuk menampung keperluan *passenger* yang begitu meningkat. Seterusnya penambahan *runway* dan juga pihak AirAsia juga telah meminta supaya diadakan *premium lounge*, *airport lounge*. Sepatutnya kalau *low cost* tidak perlu *airport lounge*...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Sekarang LCCT pun ada *airport lounge*.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya, sebab itu asalnya LCCT tiada. Oleh sebab perubahan industri ini begitu *advance* sekali, maka sebab itu pihak MAHB akur dengan permintaan-permintaan daripada AirAsia. Malah, pihak AirAsia meminta untuk didirikan sebuah hotel, Tune Hotel di dalam kawasan *airport* itu dan MAHB pun akur.

■1750

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan? Terima kasih Yang Berhormat. Sebetulnya saya tidak percaya kerajaan asyik layan dengan AirAsia. Apa dia minta, kita bagi. Siapa AirAsia ni hendak bagi keistimewaan?

Bolehkah kementerian - saya daripada dulu sudah minta, siapa sebetulnya *Board Director* AirAsia ini? Nama dia, geran syarikat dia, siapa yang tuan punya, berapa pemegang saham dia? Kenapa kerajaan ini, asal AirAsia minta, kita bagi. Biar kita rugi, lingkup! Asal AirAsia minta, bagi. Apa sangat Tony Fernandez buat, bagi pada kita? Tidak ada langsung. Penyangak sahaja...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Menteri, sedikit. Ini hendak tanya dengan Menteri, dulu masa KLIA1 dibuat dalam awal 90-an, memang banyak suara mengatakan ini pembaziran. Masa itu, harga sekian tetapi bayangkan kalau kita buat sekarang, harga dia akan berlipat ganda lagi, dan apa yang saya lihat, KLIA2 ini apa pendapat Menteri kalau dibuat sekarang dengan *projection* yang ada ini, kalau dibuat kemudian hari harga ini, ia akan lebih mahal lagi?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, sikit sahaja. Tentang *air control tower* yang ada dua, dan pihak DCA ada *information* daripada orang awam tentang DCA mungkin mengalami masalah komunikasi antara *control tower 1* dan *control tower 2* sebab setiap *control tower*, ia boleh *observe* dua *runway* sahaja dan *control tower* yang baru pun hanya boleh *observe* dua *control tower*, *then* berlaku kemungkinan *control tower A* dengan *control tower B* tidak boleh *communicate*. Ini isu keselamatan. Jadi saya minta Menteri dan juga jabatan untuk *look into this issue*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, boleh habiskan. Kalau tidak habis, jawab secara bertulis.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, saya mohon jawab soalan saya berkenaan dengan SOP SPAD.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan macam itu Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Sebab Yang Berhormat Menteri banyak habis masa tadi dalam isu KLIA2. Saya pohon Yang Berhormat Menteri pandai sikitlah bahagi masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri tidak salah ini Yang Berhormat, 21 orang mencelah dan ada lebih 50 pencilahan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang saya sebutkan tadi permintaan-permintaan AirAsia ini, kerana AirAsia merupakan salah satu bakal operator yang terbesar di KLIA2, maka sebab itu banyak permintaan MAHB ini berdasarkan kepada *commercial logic*. Walau bagaimanapun, banyak permintaan seperti HQ, ibu pejabat AirAsia pun minta dalam kawasan KLIA2 dan MAHB bagi sehinggakan bagi dengan *apron access*. *Apron access* ini maknanya, pejabatnya berhadapan dengan *flight parking*. Jadi, begitu sekali banyak kemudahan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Menteri tidak menjawab soalan Yang Berhormat Kinabatangan, dia tanya kenapa semua ini dibagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi Menteri tambah lagi. Bagi ini lagi, bagi ini lagi. Kita hendak tahu, kenapa dibagi, bukan apa lagi yang dibagi. Kenapa dibagi? Apa sahaja yang AirAsia minta dibagi, kenapa? Itu yang kita hendak tahu.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Menteri kena jawab soalan, jangan baca teks sahaja. Teks itu tidak berkenaan dengan soalan spontan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya sudah sebut, oleh kerana AirAsia ini merupakan operator terbesar di KLIA2. Jadi pihak MAHB kena ambil pandangan-pandangan daripada AirAsia. Jadi, sebab itu pandangan-pandangan daripada AirAsia...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan kerana dia 'buaya besar'?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, sudah habis Yang Berhormat?

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Boleh, boleh lagi?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Okey, soalan akhir. Mengenai kos, peningkatan kos dan kos sebenar untuk membina KLIA ini, apakah *contribution* dalam erti kata wang yang diberikan oleh AirAsia kepada kerajaan untuk membina KLIA kerana tambahan-tambahan ini melibatkan kepentingan AirAsia, adakah AirAsia juga meletakkan wang dia untuk membina itu?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: AirAsia tidak menyumbangkan apa-apa pun dalam pembinaan ini. Semuanya dibelanjakan oleh MAHB, MAHB meminjam dan menjana modal RM4 bilion melalui bon sukuk yang tanpa jaminan kerajaan. Ini hendak dimaklumkanlah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Menteri, saya hendak minta sedikit sahaja penjelasan. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi yang kata tentang *relocation of the structural layout of the airport*. Kita cakap mengenai *production construction cost*. Saya hendak tanya, apakah *operational efficiency* atau *cost efficiency* disebabkan *layout* yang baru ini? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seperti saya sebutkan awal tadi bahawa dalam kos ini, MAHB telah dapat menguruskan terbaik dengan harga kos RM89 *construction cost per person*. Jadi memang *the cost efficiency* memang daripada buat sekarang ini lebih murah kalau kita buat pada masa akan datang seperti saranan daripada Yang Berhormat Limbang tadi.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara mengenai kesilapan memindahkan daripada *KLIA North* ke *KLIA West* oleh kerana perubahan industri ini telah berubah dengan drastik, maka pihak MAHB telah melantik konsultan dan konsultan telah memberi pandangan untuk menampung pembinaan KLIA2 dengan *40 million passenger* setahun, maka cadangan konsultan adalah dihormati. Maka KLIA ini dibina di sebelah *West* dan itu semuanya atas pertimbangan teknikal kerana ianya akan mewujudkan sebuah lokasi terminal yang lebih berpotensi untuk masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang lain-lain saya akan menjawab secara bertulislah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak yakin bahawa soalan yang saya ketengahkan itu boleh dijawab dengan secara bertulis sebab Yang Berhormat Menteri beri celahan menggunakan teks, mengambil masa Dewan dan tidak menjawab soalan-soalan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya bercakap berkenaan dengan SOP SPAD dan saya tidak yakin jawapan bertulis itu boleh menjawab.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seperti saya sebutkan, SPAD ini bawah JPM. Jadi saya kena *refer* dengan pihak JPM.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Akan tetapi yang menguruskannya di bawah Kementerian Pengangkutan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya bahas minggu lepas Yang Berhormat Menteri, takkan tidak boleh *consult* lagi Jabatan Perdana Menteri?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya sudah sebut tadi SPAD di bawah JPM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Takkan satu minggu tidak boleh hendak *consult* lagi Jabatan Perdana Menteri?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: SPAD bawah JPM, bukan bawah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sudah habis Yang Berhormat?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kalabakan berkenaan isu kemalangan kereta api...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau sudah jawab secara bertulis, bertulis semua Yang Berhormat. Semualah itu dijawab secara bertulis ya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

5.59 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong 2013 yang baru lalu.

Terdapat empat isu besar yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu berkaitan dengan Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Hardware 1Malaysia, harga topeng muka N95 dan juga isu harga barangan. Saya akan memberikan maklum balas ke atas setiap isu serta pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

■1800

Saya percaya dan cukup yakin bahawa cadangan dan pandangan tersebut amat bermanfaat bagi membantu kementerian memperkukuhkan polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama ialah memperbanyakkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M). Izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Lenggong berkaitan dengan cadangan supaya kerajaan memperbanyakkan pembukaan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) ini. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Kedai Rakyat 1Malaysia adalah berlandaskan prinsip 1Malaysia di mana semua rakyat akan mendapat manfaatnya. Program KR1M telah dapat membantu rakyat dari segi mendapat pilihan barangan keperluan asas pada harga rendah dan berkualiti. Secara tidak langsung, ia meringankan bebanan kos sara hidup dan menikmati produk yang setanding kualitinya. Sehingga kini, sebanyak 397 jenis produk 1Malaysia di kedai rakyat meliputi beras, roti, tepung, minyak masak dan gula telah dijual di semua KR1M.

Untuk memperluaskan lagi jaringan Kedai Rakyat 1Malaysia ke seluruh negara, kerajaan telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya satu kawasan Parlimen, satu KR1M. Sehingga kini, terdapat sebanyak 93 buah Kedai Rakyat 1Malaysia telah diwujudkan di seluruh negara. Pada masa yang sama, kerajaan juga telah menetapkan sasaran sebanyak 57 buah KR1M dibangunkan di 57 buah kawasan Parlimen di Sabah, Sarawak dan Labuan pada tahun ini. Setakat ini, sebanyak empat buah KR1M telah beroperasi di Sabah iaitu di Parlimen Sepanggar dan Tuaran pada tahun lepas serta Parlimen Kota Belud

dan Tawau pada tahun ini. Di samping itu, sebanyak lima buah KR1M lagi dalam proses ubah suai iaitu di kawasan Parlimen Kimanis, Putatan, Semporna, Beaufort dan Kota Kinabalu.

Di Sarawak pula, sebanyak enam buah KR1M telah beroperasi iaitu di Parlimen Petrajaya dan Kota Padawan pada tahun lepas serta di Parlimen Mambong, Stampin, Kota Samarahan dan Sri Aman pada tahun 2013 iaitu tahun ini. Selain itu, sebanyak sembilan buah KR1M dalam proses ubah suai iaitu di kawasan Parlimen Sibu, Miri, Lubok Antu, Baram, Mukah, Sibuti, Betong, Batang Lupar dan Saratok. Bagi lain-lain kawasan Parlimen, pihak kementerian masih dalam proses untuk mendapatkan lokasi premis yang bersesuaian.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Penjelasan.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, bukan kewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia semata-mata yang membolehkan rakyat memperoleh produk 1Malaysia, kedai runcit, penjual runcit produk 1MKR...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bagi Yang Berhormat Menteri jawab.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Oleh kedai runcit lain melalui model dua KR1M telah melibatkan sebanyak 548 buah kedai runcit di seluruh negara. Di samping itu, mulai tahun 2013, produk KR1M juga merupakan antara barangan yang terlibat di dalam projek penyeragaman harga di mana kerajaan memberi subsidi pengangkutan ke atas penghantaran barang keperluan harian ke kawasan pedalaman Sabah, Sarawak dan Labuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berkenaan dengan Kedai Rakyat 1Malaysia. Sepatutnya mekanisme untuk mendapatkan barang Kedai Rakyat 1Malaysia ini sepatutnya diberikan kepada mereka yang berpendapatan mungkin berada di paras kemiskinan, sedangkan Kedai Rakyat 1Malaysia ini semua orang boleh beli termasuklah yang bertaraf Menteri pun boleh beli. Jadi saya rasa tidak mencapai matlamat untuk kita memberikan kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Oleh itu sepatutnya kena ada kad.

Misal kata kad yang memerlukan mereka yang hendak pergi ke situ, ini. Yang layak mendapat pembelian daripada Kedai Rakyat 1Malaysia. Sedangkan apa yang berlaku, semua orang boleh beli. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Yang Berhormat Bukit Gantang dengan pandangan dia dan sebagainya. Saya ada sebutkan dalam jawapan saya tadi. KR1M ini dimanfaatkan oleh seluruh rakyat tidak kira daripada yang berpendapatan rendah, tinggi dan sebagainya. Ini kerana *we got to be fair to everybody* dengan izin, Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, pandangan macam yang disebut tadi, kita ada program-program lain yang untuk rakyat berpendapatan sederhana. Ada program-program lain pula. Untuk KR1M ini kita hendak semua rakyat mendapat faedah termasuklah Yang Berhormat Bukit Gantang sendiri.

Isu kedua yang dibangkitkan adalah mewujudkan Kedai Hardware 1Malaysia. Yang Berhormat Lenggong juga ada menyebut dan ada mencadangkan...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Supaya kerajaan mewujudkan Kedai Hardware 1Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Pada masa kini, kerajaan belum - Saya baru hendak mula isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Isu apa ini?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Isu yang sama tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kedai Rakyat 1Malaysia sudah pindah ke *hardware*.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Saya sudah masuk ke isu yang lain. Minta maaf.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kedai Rakyat 1Malaysia. Boleh?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Saya sudah selesai tadi. Saya sudah masuk isu baru ini. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, Yang Berhormat Batu Gajah duduk.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sebelum. Sebelum saya...

Dato' Haji Hasan bin Malek: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan jaringan pembekalan bagi...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak balik ke isu tadi.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Barang *hardware* di bawah konsep Barangan 1Malaysia. Belum lagi. Sekiranya cadangan tersebut ingin dilaksanakan, ia memerlukan kajian yang mendalam dan konsultasi dengan pelbagai pihak bagi memastikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan. Duduk, Yang Berhormat.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Produk atau perkhidmatan yang ditawarkan...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ini penting. Isu penting ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia tidak bagi laluan. Peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Memenuhi keperluan iaitu produk dan perkhidmatan adalah berkualiti...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kalau tidak buat, macam mana? Kita ada satu isu penting yang hendak dibangkitkan di sini berkaitan dengan Kedai Rakyat 1Malaysia.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Harga rendah dan rakyat mendapat manfaatnya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya faham pada peraturan mesyuarat. Akan tetapi bila ada satu perkara yang penting saya hendak bangkitkan di sini, Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan. Macam mana saya hendak tanya?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Walau bagaimanapun, kerajaan menggalakkan pihak swasta untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Di bawah jenama 1Malaysia...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kalau macam ini, tidak perlulah perbincangan kalau macam ini.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Yang berpandukan tiga prinsip tadi. Kalau tiga prinsip itu diperakui, kita akan berikan lagi banyak produk untuk rakyat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, mencelah sedikit.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Bagi Yang Berhormat Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Berkenaan cadangan tadi. Cuma Yang Berhormat Batu Gajah tadi bukan macam...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Kedai Rakyat 1Malaysiaakah Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak, hendak beritahu Yang Berhormat Batu Gajah jangan buat macam dia jadi di DUN Perak dulu.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya pun tahu peraturan mesyuarat. Bukan saya tidak tahu peraturan mesyuarat. Akan tetapi bila saya minta jalan, kena bagi. Tidak bagi macam mana?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Idea hendak wujudkan...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Lenggong jangan pandai sangat. Saya pun tahu peraturan mesyuarat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya kata jangan buat macam DUN Perak. Tadi saya kata jangan buat macam DUN Perak. Ini Parlimen, ada peraturan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong, sila teruskan. Yang Berhormat Menteri, setengah jam boleh habis, Yang Berhormat Menteri? Setengah jam ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cuma saya hendak sebut di sini, apa yang hendak kita buat ini bagi membantu kontraktor Kelas F yang hari ini sebenarnya tidak mendapat keuntungan besar kerana terpaksa membayar barang yang cukup mahal. Barang-barang pembinaan dan sebagainya. Jika ini dikaji dengan serius, saya harap ia membantu untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Ini cadangan yang baik. Sesuatu yang baik dan *insya-Allah* kita akan buat kajian. Kita sentiasa meletakkan rakyat didahulukan. Ada keperluan, *insya-Allah* kita akan perkenalkan produk ini Yang Berhormat Lenggong.

Isu ketiga yang dibangkitkan ialah berkenaan dengan isu kawalan harga topeng muka N95. *Mask* itu.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Izinkan saya seterusnya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulai...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baru mula kawalan harga.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Berkaitan dengan kawalan harga topeng muka N95. Hendak tanya pasal topeng ini?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Hasan bin Malek: KR1M sudah habis tadi. Ini jadi tidak tahu ke mana. Orang lama pun buat macam ini susah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa, tidak apa. Yang Berhormat Menteri terus jawapan, terus jawapan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Hasan bin Malek: Ini bulan puasa ya, Yang Berhormat Rantau Panjang. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kementerian telah mengisytiharkan topeng muka sebagai barangan harga terkawal. Di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1991, berkuat kuasa 26 Ogos 2009, tujuan kawalan harga ini dilaksanakan adalah untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan memanipulasi harga ketika permintaan terhadap topeng muka naik secara mendadak terutama ketika bencana alam dan wabak penyakit berjangkit. Manakala kawalan bekalan pula adalah untuk memastikan peniaga tidak menyorok atau menaikkan, menahan barang tersebut daripada sampai ke pasaran. Walau bagaimanapun, pada keadaan biasa, pemborong dan peruncit diwajibkan menjualnya tidak melebihi harga maksimum yang ditetapkan oleh kerajaan.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kementerian tidak mengenakan kawalan harga bagi semua jenis topeng muka.

■1810

Topeng muka yang dikawal adalah dari jenis asas atau dengan izin jenis *standard* yang selalu digunakan oleh pengguna bagi mengurangkan kesan kesihatan akibat jerebu. Contoh tadi, saya tertinggal di luar contoh topeng tadi. Tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa, teruskan.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terdapat juga topeng muka jenis N95 dijual di pasaran yang mempunyai nilai tambah atau dengan izin, *value added* iaitu bagi kegunaan khas dan spesifik. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Bentara menyerahkan contoh topeng muka]* Saya bawa sini untuk kita tahu. Okey.

Beberapa Ahli: Pakai Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tidak sesuai pakai di sini Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlu Yang Berhormat, tidak perlu. Terus jawab.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Jadi, berkaitan dengan aduan Yang Berhormat daripada Kulai mengenai topeng muka N95 yang dijual dengan harga RM8 seunit oleh sebuah farmasi bernama Kinta Baru farmasi di Batu Pahat adalah tidak berapa tepat. Yang Berhormat Kulai ada di sini? Ada ya, okey. Hasil siasatan yang dijalankan oleh pegawai kementerian ini mendapati tidak terdapat premis perniagaan dengan nama demikian. Ini pakai membuta tuli sahaja. Buat tuduhan yang tidak berasas, yang tidak tepat. Namun pemeriksaan telah dijalankan, kita cari juga. Kita jalankan pemeriksaan ke atas sebuah farmasi yang bernama Kinabalu Farmasi di Batu Pahat yang mendapati topeng muka N95 ada dijual dan harga jualan adalah mengikut harga kawalan maksimum kerajaan iaitu RM6 seunit. Farmasi-farmasi lain yang diperiksa di kawasan ini juga didapati mematuhi harga maksimum. Maknanya tuduhan itu tidak ada, tidak tepat.

Manakala mengenai isu topeng muka N95 yang dijual dengan harga RM13.50 di Pulau Pinang, pemeriksaan juga dilakukan oleh pejabat kementerian ini dari 25 hingga 28 Jun 2013 ke atas 61 premis perniagaan yang menjual topeng muka mendapati tidak ada peniaga yang menjual melebihi harga maksimum yang ditentukan. Hasil pemeriksaan mendapati peniaga menjual topeng muka N95 pada harga di antara RM4 sehingga RM6 sahaja. Maknanya *alhamdulillah*, mereka bekerjasama dengan kita dan rakyat gembira dengan situasi itu.

Oleh yang demikian, sukacita saya memohon kerjasama daripada Yang Berhormat Kulai untuk mengemukakan aduan-aduan berkaitan dengan penjualan topeng muka atau apa-apa sahaja yang melebihi harga kawalan berserta dengan butiran terperinci premis, ada resit jualan sekiranya ada kepada pihak kementerian bagi membolehkan penyiasatan

dijalankan ke atas peniaga terbabit dan diambil tindakan jika didapati melakukan pelanggaran. Tidak ada masalah. Ada apa-apa aduan beritahu kepada kita tetapi mesti cukuplah. Premis mana, mana resitnya dan sebagainya supaya kita mudah melaksanakan dan juga memberikan penalti kepada mereka.

Kementerian berterima kasih kepada Yang Berhormat Kulai di atas pandangan bagi mengkaji semula harga maksimum topeng muka yang ditetapkan semenjak tahun 2009...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...iaitu semasa penularan wabak penyakit H5N1.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingin membawa sedikit *point of order*. Saya ingin merujuk Ahli Parlimen Kulai sebab dia *mislead* Dewan ini, mengelirukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bawah peraturan berapa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 36(12) iaitu dia mengelirukan Dewan dengan memberi pembohongan maklumat palsu kepada kementerian. Kementerian sudah periksa, maklumat yang dia bagi tidak ada langsung. Bermakna dia berbohong.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat Kota Raja. Bagi peluang Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Nanti tanya dia, dia betul-betul ada niat berbohongkah ataupun dia kehilangan fakta, kalau dia sudah sampai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa, kita tunggu dia. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat Kota Raja. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih. Jadi, cadangan dan pandangan untuk mengkaji semula itu, kementerian sebenarnya memang ada mempunyai cadangan untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun dalam melaksanakan kajian harga ini, kementerian perlu mengambil kira pandangan dan mendapatkan kerjasama daripada Kementerian Kesihatan, pengeluar dan pengedar topeng muka serta dewan perniagaan-perniagaan dan juga persatuan perniagaan untuk mendapat maklum balas mengenai bekalan dan harga di pasaran kini sebelum menentukan harga maksimum yang wajar dan sesuai bagi topeng muka. *We got to be very fair*, bertanya pandangan orang lain ini. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat Kulai ini akan kita ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu harga barangan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Lenggong sekali lagi berkaitan dengan langkah-langkah menangani isu kenaikan harga barangan keperluan harian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan harga barang kawalan yang merupakan barang keperluan asas seperti petrol, diesel, gas petroleum cecair, gula, tepung gandum dan minyak masak. Ini bermaksud kerajaan tidak mengawal harga bagi semua barangan pengguna dan harga barangan tersebut ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran di pasaran.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Semua ekonomi terbuka seperti Malaysia...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka bangun.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Nanti. Campur tangan kerajaan secara keterlaluan dalam penentuan harga akan menghalang sesebuah ekonomi berfungsi secara efisien dan ini boleh memberi kesan yang negatif kepada ekonomi dalam jangka masa panjang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato' Haji Hasan bin Malek: Oleh sebab itu, kawalan harga dilaksanakan bagi barangan keperluan terpilih sahaja, yang mana jika harganya tidak dikawal ia akan memberi kesan langsung kepada perbelanjaan harian orang ramai. Yang Berhormat Kota Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tentang kawalan di atas diesel, yang dikatakan tadi diesel sebagai salah satu bahan yang dikawal. Saya dapat jawapan daripada kementerian Yang Berhormat mengatakan tiada kekurangan bekalan diesel tetapi di negeri Melaka dan saya difahamkan Johor juga menghadapi kekurangan diesel. Hampir setiap *petrol station*, selalu dia keluarkan diesel habis, diesel habis. Oleh sebab itu ia menjadi satu masalah untuk kenderaan yang menggunakan diesel. Apakah sebab dalam jawapan mengatakan memang tidak kekurangan tetapi dalam pasaran memang kita menghadapi kekurangan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Dari kajian kementerian Yang Berhormat Menteri, apakah sebabnya? Adakah ini kerana banyak yang mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan diesel dan jual sebagai komersial? Apakah penguatkuasaan daripada kementerian? Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, ada dua yang bangun. Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan kawalan harga barang. Ini, musim perayaan semakin hampir. Satu kawalan bekalan, bagaimana? Apakah persediaan kementerian seperti memastikan bekalan cukup, harga terkawal apatah lagi musim perayaan yang semakin hampir ini. Itu sahaja mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, perkara mengenai diesel *again* ya. Soalan tentang kekurangan diesel di Sandakan sudah beberapa bulan tetapi Yang Berhormat Menteri yang memberi saya satu jawapan langsung tidak menjawab soalan saya. Sebab di Sandakan kita menghadapi kekurangan diesel ini dengan begitu serius. Setiap *petrol station*, sehingga setengah bulan sudah habis peruntukan diesel. Jadi, setiap lori atau pengangkutan di sana mahu *long queue* baru boleh beli RM20 punya diesel, setiap *vehicle*.

Akan tetapi, kita nampak lesen *Community Drumming* yang menghantar diesel pergi luar bandar, hari-hari dia boleh dapat diesel tetapi *vehicle* awam tidak boleh dapat. Jadi di sini saya mahu tanya, berapa kuota yang diberi kepada syarikat-syarikat yang menghantar *Community Drumming*? Kita mendapat tahu di Sandakan ada lapan syarikat.

Kita mahu tahu mengenai lapan syarikat ini dan berapa kuota yang diperolehinya dan juga di Sandakan, berapa kuota yang diberi untuk Sandakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, isu barukah ini? Isu baru Yang Berhormat Sandakan.

■1820

Dato' Haji Hasan bin Malek: Itulah. Saya hendak menjawab kepada apa yang sudah ditimbulkan dalam perbahasan Titah Diraja itu. Kalau ianya tidak disebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawapan bertulis sahaja.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Jadi susah sedikit untuk memberikan maklumat yang tepat. Saya tidak hendak menjawab sembarangan sahaja. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Kota Melaka dan juga Yang Berhormat Sandakan tadi berikan maklumat kepada saya tempat-tempat mana yang dari segi kononnya ada kekurangan dari segi bekalan diesel dan sebagainya. Berikan maklumat kepada saya, *insya-Allah* kita akan arahkan balik pegawai saya untuk melihat, mengkaji dan akan mengambil tindakan. Ini tak ada masalah Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ini saya...

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tidak apa, sebab Yang Berhormat Kota Melaka pun sama juga. Saya ingat tidak ada masalah Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih, terima kasih. Saya akan sampaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa, lepas ini bagi kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Yang Berhormat Kota Melaka, bagi saya macam yang saya minta tadi, yang tepat betul di mana tempat kekurangan itu. Jadi esok saya boleh hantar penguatkuasaan kita. Saya ingat *insya-Allah* nampaknya cukup cekap dalam hal ini untuk hendak melihat.

Akan tetapi bantuan daripada Yang Berhormat, daripada *public*, daripada orang ramai pun sangat perlu bagi membantu kita hendak membuat penguatkuasaan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Baik, terima kasih. Saya akan sampaikan maklumat itu.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Sama jugalah dengan soal kuota tadi, tidak ada dalam maklumat saya tetapi saya akan...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Akan tetapi saya haraplah...

Dato' Haji Hasan bin Malek: Saya akan berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri, tolong jawab saya punya soalan. Surat saya sudah bagi. Saya mahu bertanya mengenai soalan ini tetapi Menteri yang memberi jawapan yang secara *general* dan tidak menjawab soalan saya yang penting.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Yang mana? Soalan masa bila? Soalan di mana itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri. Tidak apa, Yang Berhormat Sandakan selepas ini bagi kepada Yang Berhormat Menteri ya.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Oh, soalan harian yang selalu dibuat tiap-tiap pagi itu?

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, baru inilah, yang saya dapat ialah jawapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Sandakan, ini bukan dialog ini.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Okey, tidak apa. Yang Berhormat Sandakan, kita jumpalah seorang-seorang, kita bincang balik.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila teruskan.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Begitu juga dengan Yang Berhormat Lenggeng tadi. Eh, Lenggong, [*Ketawa*] minta maaf. Lenggeng di Negeri Sembilan, minta maaf. Yang Berhormat Lenggong tadi, soal jaminan tentang bekalan cukup tidak cukup itu.

Sebenarnya pihak kementerian kita, kita telah ambil segala kemungkinan untuk hendak pastikan bekalan tadi cukup untuk hari perayaan. Oleh sebab itu baru-baru ini iaitu dua hari lepas, saya sudah panggil komuniti industri yang berkenaan dengan bekalan-bekalan ini iaitu pembekal, pemborong dan sebagainya. Kita panggil, kita bermesyuarat, berbincang dan saya telah beritahu mereka dan minta pula jaminan.

Kepada saya, jaminan yang telah diberikan oleh komuniti industri ini katanya bekalan akan cukup untuk hari perayaan. Itu janji mereka dan saya hendak pastikan apa yang telah dijanjikan oleh mereka itu ditepati sebab saya tidak mahu rakyat diseksa dan sebagainya.

Jadi untuk pandangan Yang Berhormat tadi, saya akan ambil perhatian dan kalau ada perkara-perkara Yang Berhormat fikirkan boleh membantu, beritahu saya. Tidak payah tunggu seperti Yang Berhormat Sandakan tunggu masa hendak penggulungan baru sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kawan saya. Betullah Yang Berhormat sebut tadi bahawa kita tidaklah mengawal kepada semua harga barangan tetapi hakikatnya berlaku kenaikan harga dalam keadaan pendapatan rakyat yang tidak meningkat dan khususnya kepada barangan-barangan basah ini.

Kadang-kadang kalau kita lihat, ada pihak yang mengambil kesempatan yang keterlaluan tambah lagi dalam suasana hari raya. Sekarang, ayam naik RM1.50 satu kilogram. Daging, Yang Berhormat tanya timbalan Yang Berhormat. Di Alor Setar ini saya baru dapat daripada kawan ini, naik RM2 ke RM3 sekilo daging lembu tempatan dan daging import naik RM1.

Ini maknanya setiap kali masuk bulan puasa, dia akan berlaku kenaikan. Jadi apa langkah-langkah tindakan kementerian Yang Berhormat dan juga kerjasama dengan Kementerian Pertanian untuk mencari jalan bagaimana hendak menghalang benda-benda ini berlaku secara yang sewenang-wenangnya.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Yang Berhormat Pokok Sena, saya ucapkan terima kasihlah. Memang benar dan saya akuihakikat tentang kenaikan-kenaikan harga barang itu. Oleh sebab itu saya sebut dalam jawapan saya tadi, ini manipulasi daripada kalangan peniaga-peniagalah yang hendak untung banyak dan sebagainya. Oleh sebab itu saya tekankan dalam perjumpaan saya hari itu, mereka pun harus melihat juga. Jangan dipentingkan hanya keuntungan mereka sahaja tanpa mengambil kira pula daripada segi pengguna.

Oleh sebab itu saya tekankan juga, kita sebagai pengguna pun ada hak untuk kita. Kalau misalnya macam barang-barang basah tadi, ada tempat lain yang lebih murah, kita pergi ke tempat sana. Kita kena ajar juga, betul. Didikan pengguna ini mesti sampai kepada satu tahap baru mereka tahu yang dia juga ada hak untuk hendak beli atau tidak barangan mereka.

Kenaikan, manipulasi dan sebagainya saya tahu ada di Kedah pun kenaikan ayam dan sebagainya. Kita sedang buat siasatan ini. Saya hendak cari ruang di mana kalau benar mereka ini berkongsi atau bermuafakat untuk sengaja hendak naikkan, kita ambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga atau mengikut apa akta-akta yang ada ini, kita akan pergunakan, kita akan kuatkuasakan. Jadi saya begitu juga. Apa yang sebut di Alor Setar itu memang benar, saya tahu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Hasan bin Malek: Kita ada buat siasatan dan kalau boleh Yang Berhormat sendiri pun boleh beri maklumat kepada saya yang cukup terperinci, *insya-Allah* kita akan ambil tindakan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, minta laluan sikit. Isu dia bukan peniaga di pasar atau peruncit itu yang menaikkan harga tetapi oleh kerana bekalan yang sampai kepada mereka itu sudah tinggi menyebabkan mereka terpaksa naik. Kalau tidak, mana mereka dapat keuntungan. Jadi maknanya, sudah tentulah bahawa bekalan itu daripada pemborong-pemborong besar yang mempunyai AP dan sebagainya. Ini, tindakan perlu dibuat terhadap mereka.

Dato' Haji Hasan bin Malek: *Insya-Allah* Yang Berhormat. Sampai masanya kalau kita perlu ambil tindakan dan kita ambil tindakan serta yang pentingnya Yang Berhormat juga memberi sokongan kepada usaha kita ini. Oleh kerana kita tidak mahu rakyat dihimpit oleh kerana manipulasi sebahagian daripada peniaga-peniaga ini. *We want to be fair to everybody*. Dia untung, rakyat pun untung. *Insya-Allah*. Yang Berhormat Pokok Sena, boleh bantu saya dalam konteks ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Jadi dalam soal kerajaan untuk melaksanakan kawalan harga bagi barangan pengguna terpilih semasa musim perayaan utama seperti Tahun Baru Cina, Pesta Keamatan, Hari Gawai, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas, langkah ini diambil bagi memastikan bahawa ketika potensi permintaan meningkat secara mendadak, harganya masih kekal berasaskan paras yang telah ditetapkan dan menghalang pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menaikkan harga sesuka hati.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga dipohon mengambil maklum bahawa kementerian sentiasa melaksanakan penguatkuasaan secara tegas bagi memastikan tidak ada peniaga yang menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya. Sebagai contohnya, di bawah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan sepanjang tahun 2012 sehingga Jun 2013, sebanyak 275,462 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 347 tindakan undang-undang telah diambil dengan nilai rampasan berjumlah RM35,087 dan keseluruhan kompaun yang kita keluarkan adalah sebanyak RM40,060.

Maksud tadi, pemeriksaan sentiasa kita buat. Selain usaha-usaha penguatkuasaan, kementerian juga mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan bekalan barangan sentiasa mencukupi dan harga barang-barang keperluan ditawarkan pada harga yang munasabah dan berpatutan.

Anggota penguat kuasa dan pegawai pemantau harga kementerian berada di semua peringkat dan lokasi perniagaan setiap hari bagi melakukan pemeriksaan dan pemantauan. Sekiranya didapati berlaku trend aliran harga yang meningkat bagi sesuatu barangan, maka usaha mengesan punca akan dilaksanakan segera dan disusuli dengan perbincangan bersama pihak pengeluar macam Dato' sana sebut tadi dan persatuan perniagaan serta kementerian dan agensi yang berkaitan.

Sekiranya ia berpunca daripada masalah bekalan, maka usaha akan diambil bagi meningkatkan bekalan. Sekiranya berpunca daripada peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga secara pencatutan atau dengan izin *profiteering*, Kementerian akan bertindak tegas mengenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, kita akan gunakan ini.

Sehubungan dengan ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada Januari 2012 hingga Jun 2013, sebanyak 1,530 tindakan undang-undang telah diambil dengan nilai rampasan berjumlah RM606,982 dan kompaun sebanyak RM183,740 telah dikeluarkan. *We mean business* dan kita cukup serius. Kompaun, tindakan undang-undang dan sebagainya. Kita mengharapkan peniaga pun kena kerjasama dengan kita supaya untung boleh untung tetapi berpatutan. Jadi sebab itu kita kenakan tindakan undang-undang. Memang sibuk penguatkuasaan kita akhir-akhir ini.

Pada 6 Julai yang lalu, Kementerian juga telah melaksanakan Ops Harga 2013. Ini adalah usaha kita, ini yang kita buat. Kementerian telah melaksanakan Ops Harga 2013 sebagai langkah untuk menangani isu kenaikan harga barangan di seluruh negara. Tujuan operasi penguatkuasaan ini adalah bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan memanipulasi harga dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian.

■1830

Tindakan tegas akan diambil ke atas peniaga-peniaga yang melanggar peraturan. Seramai 1,845 anggota penguat kuasa telah digerakkan bagi mempertingkatkan pemeriksaan dan pemantauan ke atas semua premis perniagaan. Sejak Ops Harga 2013 yang dilancarkan baru-baru ini, sebanyak 8,914 pemeriksaan telah dijalankan. Sebanyak 21 tindakan undang-undang telah diambil dengan nilai rampasan berjumlah RM3,767 dan kompaun sebanyak RM2,600 dikeluarkan ke atas peniaga kerana menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum serta gagal meletakkan tanda harga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Saya ucapkan terima kasih kepada pihak media yang menguar-uarkan apa yang telah kita buat bagi menyedarkan peniaga-peniaga bahawa mereka juga ada peranan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, saya...

Dato' Haji Hasan bin Malek: ...Dalam konteks untuk hendak mengawal harga ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak bagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang bangun. Ya, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, apakah langkah-langkah yang dibuat untuk mendidik rakyat ini tentang isu kepenggunaan ini. Ini kerana saya dapati, saya tahu memang ada banyak akta-akta yang terlibat dalam melindungi pengguna.

Akan tetapi masalahnya rakyat tidak faham dan mereka selalu buat *complaint* tetapi mereka tidak rasa. Sebagai contoh, paling mudah *Hire Purchase Act*, Akta Sewa Beli. Kalau dilihat dalam akta tersebut, banyak peruntukan yang melindungi pengguna. Sebagai contoh kalau kita beli kereta itu, kalau isi borang kosong pun salah, *it is an offence*. Akan tetapi saya rasa tidak pernah ada satu pun pendakwaan dibuat di bawah akta tersebut. Begitu juga akta-akta lain. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya satu program yang tersusun dibuat untuk mendidik pengguna termasuklah penggunaan hari. Sebagai contoh, anak-anak muda mereka *complaint* kepada Ahli Parlimen, kepada saya sendiri, dia kata mereka pakai *prepaid* sebagai contoh.

Prepaid saya tidak tahu, adakah di bawah bidang kuasa Kementerian ini. Dia kata banyak pakej yang dikemukakan. Antara pakejnya ialah kalau pakai *prepaid* ini kita *call* 10 minit, 30 sen sahaja. Akan tetapi bila kita *call*, orang tidak jawab, terus sudah potong 30 sen. Jadi, ini melibatkan isu penggunaan juga. Jadi saya hendak tanyalah, adakah langkah-

langkah yang telah diambil untuk hendak didik rakyat supaya dapat membantu kementerian ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasihlah Yang Berhormat Sepang. Satu pendedahan yang saya akui memang berlakulah soal didikan kita kepada penggunaan. Ini juga saya tekankan di kementerian untuk kita rombak balik soal hendak memberikan kesedaran kepada rakyat itu. Mereka harus difahamkan, diyakinkan bahawa dia juga ada kuasa untuk hendak menghalang kenaikan-kenaikan harga barang ini.

Insyah-Allah format baru ini akan kita lancarkan dan kita akan usahakan program-program perdagangan ini. Dahulu pun sudah dibuat sudah. Cuma macam yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mungkin ada pendekatan baru sedikit. Anak muda dan sebagainya. *Insyah-Allah*, kalau ada ruang esok kita akan bawa pula program ini kepada kawasan Yang Berhormat sendiri di Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasihlah pandangan tadi. Jadi, pada masa yang sama selain daripada apa yang disebutkan tadi, kementerian juga turut menggerakkan seramai 688 penghulu dan penggawa di seluruh negara. Mereka ini telah diperturunkan kuasa untuk menguatkuasakan tiga undang-undang kementerian. Yang Berhormat sudah sebut tadi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, Akta Timbang dan Sukat, Akta Kawalan Bekalan 1961.

Penghulu dan penggawa ini boleh membuat pemeriksaan, khususnya di kawasan masing-masing atau mengambil tindakan undang-undang ke atas peniaga bersama pegawai kementerian. Boleh, dia bersama-sama itu. Yang Berhormat pun boleh *feed*kan dia punya maklumat-maklumat supaya mudah penghulu itu hendak mengambil tindakan.

Kementerian juga turut dibantu oleh skuad pengguna. Kita ada skuad pengguna di setiap kawasan Parlimen yang mana mereka ini terdiri daripada NGO dan orang awam yang berperanan sebagai mata dan telinga kementerian. Aduan-aduan mereka berhubung dengan harga barang-barang dan sebagainya disalurkan ke pejabat kementerian yang berdekatan bagi diambil tindakan susulan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya menyentuh mengenai cadangan Yang Berhormat Lenggong sebab Yang Berhormat Lenggong banyak menyentuh hal ini, supaya lesen perniagaan mereka yang melakukan kesalahan di batalkan dan ditarik balik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembatalan atau penarikan lesen peniaga bukanlah di bawa bidang kuasa kementerian. Kita ada kekangan di kementerian ini. Saya lihat itu ada beberapa yang kita tidak boleh ambil tindakan.

Misalnya, macam penarikan lesen. Lesen-lesen perniagaan adalah dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan. Namun, kementerian bersedia untuk mencadangkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk membatalkan lesen peniaga yang didapati melakukan pelanggaran berulang terhadap undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kementerian ini. Kita pun dalam proses untuk hendak kaji. Mana yang patut kita hendak tambah, kita tambah balik supaya banyak lagi kuasa bagi membolehkan kita boleh ambil tindakan yang mudah.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang dapat disampaikan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah banyak menyumbangkan pandangan dan saranan berkaitan tugas dan peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan secara khusus dan juga dalam pembangunan ekonomi negara umumnya ini.

Pandangan-pandangan tersebut akan dijadikan panduan dan rujukan oleh kementerian dalam melaksanakan program bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat. Di tempat ini, peluang yang ini juga saya hendak mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain

untuk sama-sama kita menjadi perantaraan di antara Yang Berhormat dengan saya supaya kita benar-benar secara serius membantu pihak kementerian supaya manipulasi harga ini tadi dapat kita kurangkan *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Kementerian Sumber Manusia. Sila Yang Berhormat Menteri. Boleh habis hari ini Yang Berhormat Menteri? Ya, sila.

6.36 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Richard Riot anak Jaem]: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 15 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh 15 isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kebanyakan isu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebentar tadi, saya tidak bercadang untuk menjawab apa yang telah dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi ke hanya satu, dua, tiga, empat, lima, enam tajuk sahaja iaitu pertama tentang gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua, seramai empat orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu gaji minimum iaitu Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Tanjong Piai dan Yang Berhormat Pasir Gudang. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, gaji minimum sektor swasta di negara ini telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2013 bagi majikan yang menggaji enam orang pekerja dan lebih.

Mulai 1 Julai 2013 bagi majikan mikro atau kecil yang menggaji enam orang pekerja dan kurang. Kadar gaji minimum bagi Semenanjung Malaysia adalah RM900 sebulan dan bagi Sarawak dan Sabah RM800 sebulan termasuk Wilayah Persekutuan. Penentuan bagi menetapkan kadar gaji minimum di negara ini adalah berasaskan kepada dua faktor utama iaitu keperluan asas untuk kerja dan ahli keluarganya serta kemampuan majikan untuk membayar gaji.

Keseimbangan perbelanjaan dan pendapatan juga telah diambil kira dalam pengiraan berasaskan tiga faktor iaitu:

- (i) perubahan indeks harga pengguna atau *consumer price index*;
- (ii) pertumbuhan produktiviti buruh; dan
- (iii) kadar pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Piai dan Yang Berhormat Pasir Gudang telah membangkitkan kesan pelaksanaan gaji minimum terhadap majikan dan meminta manfaat atau *benefits* yang diberi kepada pekerja asing diambil kira. Kerajaan baru-baru ini telah membuat keputusan supaya...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Datuk Richard Riot anak Jaem: *I haven't finished, please. Let me settle first.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri hendak habiskan dahulu.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Kerajaan baru-baru ini telah membuat keputusan supaya penangguhan pelaksanaan gaji minimum sehingga 31 Disember 2013 ke atas pekerja asing yang digaji oleh majikan PKS.

■1840

Keputusan penangguhan ini adalah bagi memberi ruang kepada majikan PKS untuk meneliti semula modal perniagaan dan struktur upah pekerja-pekerja asing supaya mulai 1 Januari 2014, mereka dapat melaksanakan gaji minimum sepenuhnya. Melalui maklum balas yang diterima kepada PKS, mereka tidak menghadapi masalah untuk membayar gaji minimum untuk pekerja tempatan. Bagi menangani peningkatan kos operasi susulan pelaksanaan gaji minimum, majikan-majikan PKS boleh mengecilkan bilangan pekerja asing asalkan tiak menjejaskan pekerja tempatan. Okey.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya ingin penjelasan macam mana penentuan kadar gaji minimum di mana di Semenanjung ditetapkan RM900 sebulan manakala di Sabah dan Sarawak ditetapkan RM800 sebulan, sedangkan kos hidup dan harga barang di Sabah dan Sarawak lebih mahal. Banyak aduan kita terima daripada rakyat Sabah dan Sarawak yang tidak puas hati kenapa gaji minimum untuk Sabah dan Sarawak lebih rendah berbanding dengan Semenanjung? Minta penjelasan.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Tidak apa Yang Berhormat Gerik.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Jawapannya begini. Sebenarnya dalam menentukan gaji minimum ini, kerajaan kita mempunyai agensi yang dipanggil sebagai Majlis Perundingan Gaji Negara (*National Wage Council*). Dalam perkara ini, beberapa mesyuarat telah diadakan oleh mereka dalam mana gaji minimum seperti yang telah diterima oleh para pekerja Sarawak setakat ini adalah lebih kurang RM500 dan untuk Sabah adalah lebih kurang RM700. Maka, pihak Majlis Perundingan Gaji Negara telah...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Penampang.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Ya?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Boleh?

Datuk Richard Riot anak Jaem: Mencelah? Saya belum menjawab lagi. Okey, *you* mencelah dahulu.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, gaji minimum di Sabah adalah RM800 dan juga di Sarawak kalau saya tidak salah. Kenapakah kerajaan tidak meningkatkan gaji minimum ini dan membuat ianya selaras dengan Semenanjung Malaysia?

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sama dengan Yang Berhormat Rantau Panjang isunya.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Okey. Jadi, pembetulan sedikit. Seperti mana yang saya telah sebutkan tadi, kita mempunyai *National Wage Council* atau Majlis Perundingan Gaji Negara. Gaji minimum tidak boleh ditetapkan terlalu tinggi bagi Sabah dan Sarawak memandangkan penengah di negeri berkenaan adalah rendah iaitu tertera di sini RM570 bagi Sabah dan RM738 bagi negeri Sarawak.

Seterusnya, sekiranya gaji minimum ditetapkan terlalu tinggi di Sabah dan Sarawak, kemungkinan majikan-majikan berkenaan akan menghadapi kesukaran untuk beroperasi dan berkemungkinan terpaksa mengurangkan jumlah para pekerja. Jika keadaan ini berlaku, ia akan merugikan para pekerja kerana mereka bakal kehilangan pekerjaan. Saya ulang, bakal kehilangan pekerjaan dan ini akan menimbulkan masalah pengangguran. Justeru, penetapan gaji minimum RM800 bagi negeri Sabah dan Sarawak untuk permulaan ini adalah berasaskan faktor dan statistik supaya ia tidak menjejaskan struktur guna tenaga dan ekonomi.

Walau bagaimanapun, untuk jangka panjang kerajaan berharap supaya kadar gaji minimum dapat diselaraskan kepada satu kadar yang sama untuk seluruh negara. Saya harap itu menjawab soalan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [Bangun]

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu bangun.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Seterusnya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sebelum kita - saya ingin dapat penjelasan juga dari Yang Berhormat Menteri yang dikatakan adakah benar pekerja-pekerja asing kini dikecualikan daripada gaji minimum? Saya juga ingin tahu menurut maklumat saya, banyak majikan-majikan di Sabah dan Sarawak telah dapat pengecualian daripada kementerian. Saya ingin tahu apakah basis pengecualian ini? Bagaimana sesuatu syarikat itu dapat pengecualian atas syarat-syarat tertentu dan bagaimana kita dapat pastikan selepas mereka tidak menggunakan pengecualian ini untuk menyalah guna, menindas hak pekerja.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Soalan yang berkaitan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Subang bangun.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Soalan yang berkaitan. Boleh saya bagi?

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya adalah susulan daripada penjelasan tadi tentang kenapa gaji minimum di tetapkan RM800 bagi Sabah. Yang Berhormat Menteri kata tadi itulah - tetapi saya tidak dengar alasan-alasan terperinci. Saya hendak tanya dan minta penjelasan, apakah kajian yang dibuat sebagai *grounds* atau alasan, *what is the basis* dengan izin, untuk menetapkan jumlah ini?

Oleh sebab fahaman saya ialah ada kajian *World Bank* yang menunjukkan bahawa kita boleh, keadaan ekonomi negara ini boleh menerima tahap gaji minimum yang lebih tinggi dan impak yang negatif hanya akan timbul kalau gaji minimum melebihi tahap macam RM1,300. Jadi saya ingin tahu, apakah asas, apakah kajian yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk keputusan yang dikatakan tadi Sabah tidak boleh terima lebih daripada RM800? Kalau lebih dari RM800 ada impak negatif. Saya ingin tahu apakah asasnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih kedua-dua Yang Berhormat. Satu Yang Berhormat dari Batu, iaitu apa yang telah disebutkan oleh beliau tidak tepat. Jadi, saya tidak tahu dari mana beliau telah mendapat fakta itu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya bukan kata itu betul.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Okey, kalau telah minta penjelasan, jadi saya akan menjelaskan sekarang. Jadi, di bawah *Convention International Labor Organization (ILO)*, nombor 100 *which says, "Equal remuneration..."* yang telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1977 adalah terpakai. "*We cannot run away from that.*" Jadi, mengenai soalan yang telah dibangkitkan oleh saudara saya yang seorang lagi yang telah

menyatakan... [Disampuk] *No, no. I don't need it.* Dia telah menyatakan – *what is your question again, please?*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Basis for...*

Datuk Richard Riot anak Jaem: *Ah, the basis for study.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: RM800.

Datuk Richard Riot anak Jaem: *Now, kebetulan sebenarnya minggu lepas saya sendiri telah menghadiri taklimat yang telah diberikan oleh empat pegawai dari World Bank. Asas-asas atau basis yang telah diberikan oleh empat pegawai dari World Bank itu adalah garis panduan yang telah kita gunakan bagi menetapkan gaji minima untuk negara kita iaitu RM800 untuk negeri Sabah dan Sarawak dan RM900 untuk Semenanjung buat sementara. Tuan Yang di-Pertua, izinkan terus...*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Soalan pengecualian.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Ya?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Pengecualian. Syarat untuk mengecualikan dari...

Datuk Richard Riot anak Jaem: Pengecualian ini hanya sehingga 31 Disember 2013. Selepas itu, tidak ada pengecualian lagi. Ini susah sedikit hendak sebut.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Okey. Saya harap itu jelas. Selepas itu Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah sebutkan, kebanyakan isu-isu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadi, saya akan seterusnya pergi ke isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat dan dalam perkara ini saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat kerana beliau adalah yang paling banyak menyentuh tentang Kementerian Sumber Manusia. Jadi, tentang *The Trans-Pacific Agreement (TPPA)* dan kesannya kepada - Beliau telah membangkitkan isu *The Trans-Pacific Agreement (TPPA)* dan kesannya kepada golongan pekerja.

■1850

Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas, *Trans-Pacific Partnership (TPP)* yang meliputi 11 buah negara termasuk Malaysia masih sedang dirundingkan. Setakat ini 19 rundingan telah diadakan dan pelbagai kumpulan termasuk buruh. Dalam perkara ini, bab yang menyentuh tentang buruh adalah bab yang ada kena-mengena dengan kita. Tujuan bab buruh diliputi di bawah perjanjian ini adalah bagi memastikan standard perburuhan hak-hak kerja tidak terjejas dan sentiasa terpelihara semasa aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan dijalankan antara negara-negara anggota TPP.

Pihak kerajaan terutamanya kementerian saya, Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengambil kira dan menitik beratkan kepentingan para pekerja dan majikan di negara ini ketika menyertai rundingan ini. Kementerian Sumber Manusia sentiasa berbincang dengan agensi-agensi kerajaan lain seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Jabatan Peguam Negara sebelum menyertai setiap pusingan bagi memastikan setiap persetujuan yang dicapai tidak akan menjejaskan kepentingan atau membawa kesan negatif atau penindasan kepada para pekerja Malaysia.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Tinggi belakang bangun.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Pendek sahaja, terima kasih. Kehadiran pelaburan yang besar menawarkan begitu banyak

pekerjaan 100,000 contoh di Pengerang. Saya hendak tanya Menteri adakah permintaan ini dapat kita kemas kini dengan penawaran yang sesuai dan apakah ada indeks sama ada penawaran ini dapat kita penuhi dengan gerakan mekanisme atau *frameworks* yang boleh membantu menyediakan tenaga kerja khususnya di bidang vokasional di kawasan-kawasan pembangunan yang pesat ini khususnya di kawasan Johor Selatan.

Jadi saya di Kota Tinggi memang termasuk Tenggara dan Kluang khususnya ramai golongan muda yang hendak mengambil bahagian dalam kegiatan pelaburan yang besar khususnya macam di Pengerang, Johor Selatan. Apakah mekanisme yang boleh dibuat dan saya ingin mencadangkan di Kota Tinggi ditubuhkan pusat-pusat kemahiran dan vokasional ataupun institut latihan perindustrian. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu sekali lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Perundingan dengan perjanjian ini. Saya faham, kerajaan sudah tentu banyak berunding dan juga berkonsultasi dengan industri-industri tempatan supaya perjanjian ini membela nasib mereka dan tidak menghadapi kemerosotan hak.

Pada masa yang sama, saya hendak tahu setakat mana MTUC dapat access untuk memberi pendapat mereka dalam perundingan dan khususnya juga dalam sektor *banking* di mana ini akan membawa satu impak yang besar kalau perjanjian ini dipersetujui. Adakah kesatuan-kesatuan dari sektor bank ini juga dapat menyertai konsultasi ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedua-dua soalan itu tidak dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Diraja dan oleh yang demikian saya tidak berhajat untuk menjawab apa yang telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Walau bagaimanapun, kalau dikehendaki saya boleh menjawab dengan secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya secara bertulis Yang Berhormat Batu.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit soalan mengenai TPPA, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Raja bangun. Yang Berhormat Menteri? Sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih. Saya cuma ingin penjelasan Apabila kita memasuki TPPA ini, adakah kita mempunyai sekiranya telah dilaksanakan dan kemudian kita dapati ada tempat-tempat yang merugikan negara dan rakyat. Adakah jalan untuk kita keluar daripada perjanjian ini ataupun adakah ada *review* ataupun akan *direview* dalam jangka masa-jangka masa tertentu kerana ketakutan, kerisauan kita apabila negara sudah *commit* dengan perjanjian ini dan kemudian kita tidak boleh berpatah balik.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Soalan itu baik bagi saya tetapi perkataan meratifikasikan, *the ratification is a very important word*. Jadi saya belum pasti sama ada kerajaan telah hanya menandatangani ataupun sudah pun meratifikasikan tentang penglibatan kita dengan TTP ini. Walau bagaimanapun, saya tidak berani bercakap di sini sama ada kita telah yang meratifikasikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Elok Yang Berhormat Menteri MITI yang menjawabnya.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Akan tetapi seperti mana yang saya telah sebutkan tadi, kita di bawah ini kita hanya apa yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia adalah hanya satu bab. Oleh yang demikian, saya hanya menyentuh satu bab.

Oleh yang demikian saya percaya Jabatan atau kementerian lain ialah lebih berhak untuk menjawab soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, habis Yang Berhormat Menteri?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat saya hendak tanya lagi.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Masih banyak lagi.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Hendak jawab.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Jadi, oleh yang demikian ini saya ingat kali yang kedua Tuan Yang di-Pertua maknanya saya masih banyak lagi, masih ada 20 muka surat lagi. Maka saya bercadang untuk menjawabnya secara bertulis, okey *thank you*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawapan bertulis Yang Berhormat. Ya terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Wilayah Persekutuan.

6.57 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, janganlah Yang Berhormat Seputeh, suka kacau sama saya. Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan-pertanyaan yang sudah ditanyakan oleh Yang Berhormat kepada Kementerian Wilayah Persekutuan ini tidak begitu banyak seperti kementerian-kementerian yang lain. Walau bagaimana pun saya akan jawab apa yang telah ditanya khususnya berkenaan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan telah dilancarkan pada 8 April 2013 oleh mantan Menteri Wilayah Persekutuan. Dasar ini digubal selaras dengan Dasar Perumahan Negara yang telah disediakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pembentangan Bajet 2013 di bawah kategori Perumahan Untuk Rakyat oleh Perdana Menteri.

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengenal pasti dua mekanisme bagi melaksanakan pembangunan perumahan mampu milik ini. Di Wilayah Persekutuan, melalui pembinaan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan serta pembangunan pemaju melalui syarat yang dikenakan terhadap peruntukan pembinaan rumah mampu milik.

Pada masa kini, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi di bawahnya sedang merancang bagi mengenal pasti kawasan-kawasan lain yang sesuai untuk membangunkan rumah mampu milik di atas tanah kerajaan. Selain itu melalui dasar ini, ia akan menggalakkan pemaju untuk sama-sama membangunkan rumah mampu milik melalui beberapa insentif yang akan diberi kepada pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Titiwangsa untuk memperbanyakkan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, memang itulah niat Kementerian Wilayah Persekutuan untuk memastikan bahawa rakyat warga kota Kuala Lumpur ini mendapat penempatan yang selesa dan baik. Justeru itu, Kementerian Wilayah Persekutuan bersetuju syor Ahli Yang Berhormat untuk menggunakan kawasan setinggian di mana tanah milik kerajaan digunakan sebagai tapak rumah mampu milik ataupun PPR.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu bangun.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Okey.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, kita sama-sama dalam Wilayah Persekutuan. Saya tidak sempat bahas dalam perkara ini. Saya tadi sebab sentuh tentang mampu milik dan isu setinggan.

■1900

Setakat ini Bandaraya Kuala Lumpur untuk memindahkan setinggan, bayaran proses pindah keluar RM 1,000 sahaja. Dalam ini kita menghadapi banyak kes, termasuk di kawasan Batu, Kampung Railway adalah satu kes yang *long standing* sehingga ini tidak selesai. Tanah yang dimiliki sebenarnya kerajaan telah diswastakan kepada YTL dan sehingga hari ini tidak ada penempatan sama ada YTL akan tunaikan komitmen mereka untuk bagi rumah mampu milik kepada mereka atau tidak.

Setakat yang tahu, saya banyak yang menentang dan tidak mahu keluar sebab pampasan itu terlalu rendah. RM 1,000 kalau kita fikir di kawasan Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, kadar ini memang tidak mencukupi.

Saya ingin tanya sama ada kerajaan ingin untuk *review* semula sama ada pampasan ini, proses pemindahan ini boleh di tingkatkan lagi untuk menjaga kesejahteraan golongan miskin di kawasan Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri boleh habis hari ini, 15 minit lagi.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Boleh, boleh, boleh. Sekejap saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tambah 15 minit lagi ya.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Batu. Untuk ahli Yang Berhormat daripada Batu, Ahli Yang Berhormat daripada Batu juga mengelirukan Dewan ini. RM1,000 yang kita bagi itu adalah untuk berpindah bukan pampasan. Apa yang kita laksanakan ialah kalau kita minta orang yang duduk di atas tanah yang telah diswastakan, mereka ini diberi rumah, diganti dengan rumah ataupun sekurang-kurangnya tidak seperti jumlah Yang Berhormat telah sebutkan. Sebanyak RM1,000 kalau mereka tidak mahu duduk tempat yang kita sediakan. Masalah dengan Kampung Railway itu, *insya Allah, God's willing with your help, we will try to solve this problem.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit, sedikit. Saya setuju ini bukan pampasan tetapi kalau kita ambil kes ini mereka ditawarkan untuk beli lepas proses pemindahan RM1,000, *so you* fikir kalau orang miskin macam itu, dia dapat RM1,000 lepas itu tawar beli, dia bukan dibagi rumah. Kalau dibagi rumah, saya setuju. Akan tetapi ditawarkan untuk beli kemudian RM1,000. Jadi saya agak atas keperimanusiaan, saya harap polisi ini dasar ini dapat dikaji semula.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Yang Berhormat, *we are not here to argue*, dengan izin tapi untuk makluman Yang Berhormat saya kira Yang Berhormat telah sebutkan itu adalah satu barangkali kekeliruan Yang Berhormat ataupun kekeliruan saya kerana saya baru masuk ke kementerian ini. Saya difahamkan bahawa dia memberi rumah itu secara dengan kos yang rendah dari apa yang sepatutnya dijual ataupun rumah itu digantikan dengan tempat yang mereka duduk pada hari ini. Walau macam mana pun, saya akan kaji dan saya maklumkan kepada Yang Berhormat.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Setiawangsa bangun, Setiawangsa.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Bagi projek...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Setiawangsa.

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]: Satu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Menteri, telah terdapat 118,000 *application* untuk menduduki rumah bandar raya Kuala Lumpur (PPR). Akan tetapi saya difahamkan daripada 118,000 itu, 44,000 layak untuk menyewa. Soalan saya ialah ada terdapat lebih kurang 60 ekar dalam Parlimen saya ini yang telah dijual. Kenapa bandar raya - Tidak disebabkan permohonan itu begitu ketara, kenapa tanah ini harus dijual dan tidak difikirkan bagaimana untuk dibina rumah mampu milik, bukan setakat di Parlimen saya tetapi di seluruh Wilayah Persekutuan ini?

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul Yang Berhormat telah sebutkan memang ada 118,000 rumah yang diperlukan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita juga telah menawarkan rumah-rumah yang kita menyewakan kepada rakyat. Sehingga hari ini daripada 40,000 unit lebih yang telah ditawarkan, yang menerima tawaran daripada Kementerian ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya 13,000. Jadi ini kekangan-kekangan yang sedang kita lihat. Bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini supaya rumah-rumah dapat diberikan kepada rakyat dan warga kota Kuala Lumpur khususnya orang yang berpendapatan rendah supaya mereka dapat mempunyai hartanah di Wilayah Persekutuan. Ini janji saya sebagai Menteri yang baru, kita akan melihat bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah ini.

Bagi projek penswastaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat, sikit, sikit. Seminit.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Hendak buka puasa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Titiwangsa.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Saya sangat bersetuju dengan perancangan Kementerian Wilayah untuk membina lebih banyak rumah mampu milik dan juga untuk mereka yang berpendapatan rendah. Cadangan saya oleh kerana Kuala Lumpur ini kekurangan tanah, saya lihat banyak *flat-flat* DBKL yang telah dibina, 30-40 tahun yang dulu iaitu tanah – tanah mereka ini adalah agak strategik tetapi *flat-flat* ini cuma empat, lima tingkat dan kawasan keluasan empat, lima ekar. Jadi, adakah Yang Berhormat boleh mempertimbangkan supaya *flat* DBKL ini dibangunkan semula? Jadi kalau kita ada enam blok, tetapi hari ini satu blok lima tingkat, *now* kita ada lima blok, satu blok 300 unit. Jadi minta Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Titiwangsa. Sebenarnya itu yang sedang kita fikirkan di mana *flat-flat* yang rendah seperti lima tingkat dan sebagainya. Apa yang kita telah laksanakan di Lembah Pantai di mana satu kaedah baru di Kampung Kerinchi telah dibangunkan rumah lima tingkat itu kepada bertingkat yang lebih tinggi dan kita akan tawarkan semula kepada mereka yang duduk di dalam kawasan tersebut dan rumah-rumah ini dapat dibeli dengan harga yang telah ditawarkan pada asalnya kepada mereka.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Sikit lagi Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, jadi *flat* Pekeliling itu dia ada sebelas blok. Dia merupakan asalnya adalah perumahan awam. Jadi dalam soal jawapan lisan Yang Berhormat Menteri beritahu bahawa hendak buat komersial. Saya percaya tanah yang 37 ekar tu, dia punya luas lebih kurang macam Battersea di London. Jadi sudah tentu boleh *accommodate* rumah-rumah mampu milik di Kuala Lumpur kerana memandangkan bahawa tempat tersebut adalah asalnya perumahan awam. Maka kalau kita boleh *allocate* 1/3 daripada kawasan tersebut untuk perumahan awam dengan mempunyai kemudahan-kemudahan

asas pengangkutan yang begitu selesa, saya percaya itu menunjukkan komitmen Kementerian Wilayah.

Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin sampaikan sokongan kepada cadangan ini.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Yang Berhormat, masalah Pekeliling *flat* ini telah diswastakan dengan begitu lama. Ini masalah lama. Untuk makluman Yang Berhormat, bila kita ambil Pekeliling *flat* itu semua lupa bahawa pemaju telah pindahkan semua yang duduk di Pekeliling *flat* itu, perumahan Seri Rampai, di sebelah, di Sentul dan semua telah mendapat rumah hanya oleh masalah pemaju sedang hadapi dan oleh kerana bila dia mengambil program penswastaan tersebut, kita telah mengalami *economic crisis* dan sebagainya.

Jadi kita juga mempunyai masalah dengan pemaju-pemaju yang selalu datang bertemu dengan kami di peringkat Wilayah Persekutuan untuk memajukan projek-projek yang tertentu. Sekarang ini saya telah mengarahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan supaya kita meneliti dengan mendalam dan memastikan bahawa mereka dapat melaksanakan projek ini dengan secepat mungkin seperti apa yang telah disebut apabila dia bertemu dengan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Untuk soalan Yang Berhormat daripada Sungai Siput, adakah Sungai Siput. Kalau tidak ada saya tidak mahu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawapan bertulis.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Kalau tidak ada tidak payah saya jawab. Saya ada enam minit lagi. Seputeh tidak tanya tidak apa. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau tidak ada...

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Berkenaan dengan persoalan pelan perancangan rumah PPR DBKL oleh Yang Berhormat daripada Setiawangsa, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sememangnya mempunyai skim penjualan seperti saya sebutkan tadi, PPPA DBKL untuk membolehkan penyewa-penyewa memiliki rumah atau harta tersebut. Sejak tahun 2009, DBKL telah menawarkan lebih 45,000 unit untuk dijual kepada penyewa-penyewa yang layak.

■1910

Pada masa ini seperti telah saya sebutkan tadi hanya 13,110 unit telah dijual. Bagi soalan berkaitan tanah-tanah milik DBKL atau kerajaan, jawapannya telah dimaklumkan sebelum ini kepada Ahli Yang Berhormat Titiwangsa. Kita akan melihat bagaimana kaedah-kaedah yang sesuai untuk kita laksanakan, untuk memastikan bahawa tanah-tanah ini dapat digunakan untuk kita bangunkan rumah-rumah mampu milik untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan – Yang Berhormat Labuan ada atau tidak? Tidak ada? Yang Berhormat Sungai Siput tidak ada, Yang Berhormat Labuan tidak ada. Saya pun tidak mahu jawab Yang Berhormat Labuan. Tidak payah jawab Yang Berhormat Labuan. Kalau dia ada kita jawab. Dia tidak ada kita tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, jawapan bertulis. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Minta laluan.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: ...Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Oleh sebab soalan tidak ada hendak tanya. *One more* soalan.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Okey.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri, saya lihat banyak projek-projek di Kuala Lumpur ini asalnya dan sebahagian daripada tanah-tanah ini adalah milik kerajaan atau milik DBKL. Apabila kita bagi penswastaaan contohnya Flat Pekeliling, selepas 11 setengah tahun, sebelah hampir masuk 12 tahun pada mulanya perancangannya adalah *mix development* dengan *commercial*. Akan tetapi dalam 12 tahun terbengkalai jadi kawasan-kawasan *commercial* lain telah dibangunkan di seluruh Kuala Lumpur. Sudah tentu saya melihat bahawa perancangan 11 atau 12 tahun yang dulu di Flat Pekeliling untuk dijadikan *commercial* sudah tidak relevan lagi kerana banyak *commercial area* yang telah dibangunkan dalam bandar raya Kuala Lumpur dalam masa 12 tahun. Sudah tentu ia akan menjadi *over supply* dari segi soal *commercial*.

Oleh kerana itu saya ada buat *research* terhadap tanah tersebut. Tanah ini masih lagi milik kerajaan dan tidak ditukar milik kepada mana-mana syarikat swasta. Malah syarikat yang membangunkan rumah di Desa Rejang ini telah membuat pinjaman dengan Bank Pembangunan dengan menggunakan dokumen untuk penswastaaan sahaja. Jadi oleh kerana Bank Pembangunan juga adalah milik kerajaan dan tanah ini belum di *transfer*, saya rasa adalah menjadi tanggungjawab atau saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri di Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil inisiatif supaya kita boleh mengambil inisiatif untuk membatalkan perjanjian ini walaupun ada banyak *complication*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Saya percaya ini boleh dibincang.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Yang Berhormat Titiwangsa sebut berkenaan dengan perkara Flat Pekeliling. Mudah kalau bercakap tetapi kalau Yang Berhormat tengok dokumentasi yang telah ditandatangani antara kerajaan dengan pihak swasta, saya sendiri meneliti dan kita dapat melihat ada perkara-perkara, para-para, klausa-klausa yang kita tidak boleh abaikan. Memang betul sehingga ke hari ini kita tidak memberi hak milik tanah itu kepada Bank Pembangunan. Akan tetapi dalam satu klausa adalah kita mesti menyerahkan tanah atau pun geran tersebut kepada Bank Pembangunan tetapi pihak kementerian dan pihak DBKL, kerajaan masih belum lagi menyerahkan kerana kita masih lagi sedang berurusan dan berbincang dengan pihak bank dan pihak swasta. Itu sebenarnya.

Yang Berhormat, cakap memang mudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Akan tetapi oleh kerana seperti Yang Berhormat sebutkan, saya sebagai Menteri yang baru semula datang ke Kementerian Wilayah Persekutuan, maka saya telah mengarahkan bahawa tiap-tiap penswastaaan yang dilaksanakan kita mesti meneliti dengan mendalam. Jangan mereka datang dengan bergaya, dengan arkitek daripada luar negara, dengan cerita-cerita yang indah tetapi akhirnya kita akan menghadapi masalah.

Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk] Ini 12 tahun dahulu. Ini soal lain. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan - Teresa mahukah? Aiyaa...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sedikit sahaja.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Okey, okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Semenjak Datuk Bandar yang baru itu menjadi Datuk Bandar sehingga sekarang sudah hampir satu tahun kita semua Ahli

Parlimen di Wilayah Persekutuan hanya berjumpa satu kali sahaja. Tidak macam dahulu bekas Datuk Bandar jumpa kita setiap tiga bulan.

Jadi saya hendak minta bilakah Yang Berhormat Menteri akan berjumpa dengan kami bersama dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur kerana ada banyak kes yang tidak boleh dibincangkan dan tidak sempat dibentangkan di sini.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Okey, Yang Berhormat Seputeh, nanti saya sampaikan kepada Datuk Bandar dan saya berjanji bahawa kita akan berjumpa lebih kerap.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja Tahun 2013 melibatkan bidang kuasa dan tanggungjawab kementerian ini. Segala teguran, pandangan, cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua sangatlah kami hargai dalam usaha untuk menambah baik mutu perkhidmatan awam khususnya bagi rakyat dan negara secara menyeluruh.

Seperti mana Tuan Yang di-Pertua faham dan maklum bahawa apa yang kita lakukan, kita janji semuanya akan kita tepati dan kita tidak akan mungkiri janji. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat. Hari ini ada majlis berbuka puasa oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia. Dijemput semua Yang Berhormat hadir untuk majlis berbuka puasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 11 Julai 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.16 malam]